02-13 Tinjauan Keseluruhan
13-33 Kajian Mengikut Sektor
33-39 Keadaan Permintaan Dalam Negeri
39-47 Harga dan Guna Tenaga
47-68 Sektor Luar Negara
68-69 Aliran Dana

Ekonomi Malaysia pada Tahun 2002

Ekonomi Malaysia Pada Tahun 2002

Prestasi ekonomi Malaysia bertambah kukuh untuk berkembang sebanyak 4.2% pada tahun 2002. Pertumbuhan adalah menyeluruh, didorong oleh permintaan dalam negeri yang kukuh dan diperteguhkan oleh prestasi eksport yang lebih baik.

TINJAUAN KESELURUHAN

Pemulihan ekonomi Malaysia bertambah pesat pada tahun 2002, meskipun berada dalam persekitaran luaran yang lebih mencabar. Pertumbuhan ekonomi benar bertukar positif pada suku pertama dan bertambah kukuh kepada 5.6% pada suku keempat. Bagi keseluruhan tahun, keluaran dalam negeri kasar (KDNK) benar meningkat 4.2% berbanding 0.4% pada tahun 2001.

Pertumbuhan ekonomi menyeluruh, didorong oleh permintaan dalam negeri yang kukuh dan diperteguhkan oleh prestasi eksport yang lebih baik. Walaupun perbelanjaan sektor awam memberi sokongan yang kukuh kepada aktiviti ekonomi, pertumbuhan telah diperteguhkan oleh kekukuhan perbelanjaan pengguna dan permintaan luar negeri yang mapan. Kadar faedah yang rendah, akses yang lebih mudah kepada pembiayaan dan pengukuhan harga komoditi utama memberi

Graf 1.1
Ekonomi pada Tahun 2002 (pada harga malar 1987)

Penawaran barangan dan perkhidmatan (RM435.8 bilion)



Permintaan barangan dan perkhidmatan (RM435.8 bilion)



Graf 1.2
KDNK Benar



Graf 1.3
Pertumbuhan KNK dan Pendapatan per Kapita



rangsangan yang ketara kepada perbelanjaan sektor swasta untuk meningkat.

Mencerminkan dasar pengembangan fiskal yang berterusan, penggunaan awam benar meningkat dengan ketara sebanyak 13.8%, manakala pelaburan awam berkembang sebanyak 4.6%. Dari segi agregat, perbelanjaan keseluruhan sektor awam menyumbang 2.7 mata peratusan kepada jumlah pertumbuhan KDNK. Perbelanjaan fiskal yang lebih tinggi, penurunan cukai pendapatan, kadar faedah yang rendah dan prospek pekerjaan serta pendapatan yang lebih baik memulihkan perbelanjaan dengan sektor swasta menyumbang 1.2 mata peratusan kepada pertumbuhan KDNK. Penggunaan swasta benar meningkat pada kadar yang memberangsangkan sebanyak 4.2% manakala kemerosotan pelaburan swasta yang lebih sederhana mengurangkan kesan penguncupan ke atas pertumbuhan. Malahan, pembentukan modal swasta pulih untuk meningkat dengan sederhana pada separuh kedua tahun 2002.

Ini disebabkan beberapa industri seperti elektronik, barangan kimia serta alat kelengkapan pengangkutan mula beroperasi pada tahap penggunaan kapasiti yang tinggi berikutan permintaan luar negeri yang lebih kukuh. Pelaburan baru dalam bentuk perkhidmatan nilai ditambah yang lebih tinggi seperti telekomunikasi dan teknologi maklumat mengukuhkan lagi perkembangan ini. Malaysia turut mendapat manfaat daripada beberapa peralihan aliran pelaburan asing, khususnya melalui aktiviti penggunaan khidmat pihak ketiga serta perubahan operasi reka bentuk dan pembangunan produk oleh beberapa syarikat asing dalam industri elektronik. Prospek pelaburan yang memberangsangkan turut dinikmati oleh syarikat tempatan, terutamanya syarikat yang lebih kecil, seperti yang dicerminkan oleh perkembangan pinjaman yang diberi oleh sistem perbankan.

Permintaan luar negeri pulih pada tahun 2002 dan memberi sumbangan yang penting kepada

Graf 1.4
KDNK Benar dan Permintaan Agregat Dalam Negeri



Graf 1.5
Sumbangan Kepada Pertumbuhan KDNK Benar: Permintaan Dalam Negeri dan Eksport Bersih



Jadual 1.1: Malaysia – Penunjuk Ekonomi Utama

	2000	2001	2002*a*	2003*r*
Bilangan (juta orang)	23.5	24.0	24.5	25.0
Tenaga pekerja (juta orang)	9.6	9.9	10.2	10.5
Guna tenaga (juta orang)	9.3	9.5	9.8	10.2
Pengangguran (% daripada tenaga pekerja)	3.1	3.6	3.5	3.4
KDNK per kapita (RM)	13,333	12,867	13,716	14,098
(US$)	3,509	3,386	3,610	3,710
KELUARAN NEGARA (% perubahan)				
KDNK benar	8.3	0.4	4.2	4.5
(RM bilion)	209.5	210.5	219.3	229.2
Pertanian, perhutanan dan perikanan	2.0	1.8	0.3	1.5
Perlombongan dan kuari	1.9	1.6	4.5	4.5
Perkilangan	19.1	-6.2	4.1	5.0
Pembinaan	1.0	2.3	2.3	1.9
Perkhidmatan	5.7	5.7	4.5	4.4
KNK nominal	11.9	-1.4	8.9	5.0
(RM bilion)	313.2	309.0	336.4	353.1
KNK benar	6.0	1.2	4.8	3.7
(RM bilion)	190.5	192.8	202.1	209.6
Permintaan agregat dalam negeri benar[1]	15.4	2.8	4.3	5.9
Perbelanjaan swasta[1]	17.1	-3.0	2.0	7.1
Penggunaan	12.5	2.8	4.2	6.9
Pelaburan	32.6	-19.9	-6.1	8.1
Perbelanjaan awam[1]	11.8	15.9	8.6	3.6
Penggunaan	3.0	17.6	13.8	3.1
Pelaburan	19.4	14.5	4.6	4.1
Tabungan negara kasar (% daripada KNK)	39.9	34.8	34.4	33.5
IMBANGAN PEMBAYARAN (RM bilion)				
Barangan	79.1	69.9	68.9	72.5
Ekport (f.o.b.)	374.0	334.3	354.9	378.5
Import (f.o.b.)	294.9	264.5	285.9	306.0
Imbangan perkhidmatan	-10.7	-8.4	-6.0	-6.2
(% daripada KNK)	-3.4	-2.7	-1.8	-1.7
Pendapatan	-28.9	-25.6	-25.2	-29.0
(% daripada KNK)	-9.2	-8.3	-7.5	-8.2
Pindahan semasa	-7.3	-8.2	-10.4	-9.5
Imbangan akaun semasa	32.3	27.7	27.4	27.9
(% daripada KNK)	10.3	9.0	8.1	7.9
Rizab Bank Negara Malaysia, bersih[2]	113.5	117.2	131.4	-
(sebagai bilangan bulan import tertangguh)	4.5	5.1	5.4	-
HARGA (% perubahan)				
IHPG (2000=100)	1.6	1.4	1.8	1.5
IHPK (1989=100)	3.1	-5.0	4.4	-
Upah benar bagi setiap pekerja di sektor perkilangan	5.0	1.7	2.9	-

Nota: Angka-angka tidak semestinya sejumlah disebabkan penggenapan.

[1] Tidak termasuk stok

[2] Semua harta dan tanggungan dalam mata wang asing dinilai semula kepada ringgit mengikut kadar pertukaran pada tarikh kunci kira-kira dan keuntungan/kerugian penilaian tersebut telah diambilkira dalam akaun Bank.

a Awalan

r Ramalan

Jadual 1.2: Malaysia – Penunjuk Kewangan dan Monetari

	2000	2001	2002*a*
KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN (RM bilion)			
Hasil	61.9	79.6	83.5
Perbelanjaan mengurus	56.5	63.7	68.7
Perbelanjaan pembangunan bersih	25.0	34.2	35.1
Imbangan keseluruhan	-19.7	-18.4	-20.3
Imbangan keseluruhan (% daripada KDNK)	-5.8	-5.5	-5.6
Jumlah pembelanjaan pembangunan bersih sektor awam	50.4	59.7	68.7
Imbangan keseluruhan sektor awam (% daripada KDNK)	0.7	-0.3	-2.8
HUTANG LUAR NEGARA			
Jumlah hutang (RM bilion)	160.9	173.8	185.3
Hutang jangka sederhana dan panjang	143.4	149.6	153.8
Hutang jangka pendek	17.5	24.2	31.6
Nisbah khidmat bayaran hutang (% daripada eksport barangan & perkhidmatan)			
Jumlah hutang	5.4	6.1	6.0
Hutang jangka sederhana dan panjang	5.1	5.9	5.9

	Perubahan 2000		Perubahan 2001		Perubahan 2002	
	RM bilion	%	RM bilion	%	RM bilion	%
WANG DAN PERBANKAN						
Bekalan wang M1	4.8	6.5	2.5	3.2	8.3	10.3
M2	17.6	5.2	7.8	2.2	21.0	5.8
M3	21.9	5.0	13.0	2.9	31.6	6.7
Deposit sistem perbankan	14.6	3.2	8.6	1.8	25.5	5.3
Pinjaman sistem perbankan	23.6	5.5	16.5	3.6	20.1	4.3
Perkilangan	2.2	3.3	0.1	0.2	-1.3	-1.9
Sektor harta benda	8.6	5.6	12.3	7.6	11.0	6.3
Perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan	0.4	1.3	0.7	2.1	-2.5	-7.1
Nisbah pinjaman-deposit (pada akhir tahun)	84.3%		85.9%		84.9%	

	2000 %	2001 %	2002 %
Kadar faedah (purata pada akhir tahun)			
Antara bank 3 bulan	3.25	3.27	3.13
Bank perdagangan			
Deposit tetap 3-bulan	3.48	3.21	3.20
12-bulan	4.24	4.00	4.00
Deposit tabungan	2.72	2.28	2.12
Kadar berian pinjaman asas (BLR)	6.78	6.39	6.39
Syarikat kewangan			
Deposit tetap 3-bulan	3.52	3.22	3.20
12-bulan	4.27	4.01	4.00
Deposit tabungan	3.44	2.94	2.65
Kadar berian pinjaman asas (BLR)	7.95	7.45	7.45
Bil Perbendaharaan (3 bulan)	2.98	2.73	2.82
Sekuriti Kerajaan (1 tahun)	3.36	2.93	2.94
Sekuriti Kerajaan (5 tahun)	4.80	3.18	3.15

	2000 %	2001 %	2002 %
Perkembangan ringgit (pada akhir tahun)			
Perubahan berbanding komposit	3.2	3.5	-3.4
Perubahan berbanding SDR	5.2	3.8	-7.3
Perubahan berbanding AS$[1]	0.0	0.0	0.0

[1] Ringgit telah ditetapkan pada kadar RM3.80=US$1 pada 2 September 1998

a Awalan

pertumbuhan keseluruhan. Eksport barangan dan perkhidmatan bukan faktor benar pulih untuk meningkat sebanyak 3.6% setelah merosot sebanyak 7.5% pada tahun 2001. Rangsangan utama bagi prestasi eksport yang lebih kukuh pada tahun 2002 berpunca daripada sektor perkilangan dan pelancongan. Pada masa yang sama, pemulihan harga beberapa komoditi utama membantu meningkatkan pendapatan di kawasan luar bandar dengan ketara, dan seterusnya mengukuhkan perbelanjaan penggunaan hasil daripada kesan pengganda yang tinggi.

Tekanan inflasi kekal rendah pada tahun 2002. Walaupun indeks harga pengguna (IHP) meningkat pada kadar yang lebih pesat sebanyak 1.8% pada tahun 2002, inflasi berasaskan permintaan atau teras hanya meningkat dengan sederhana sebanyak 0.4%. Peningkatan dalam harga pengguna keseluruhan adalah disebabkan oleh pelarasan harga sekali sahaja bagi bahan api dan telekomunikasi. Oleh itu, ia tidak menandakan tekanan inflasi sebenar. Kadar inflasi yang rendah juga selari dengan jurang keluaran yang ketara, dianggarkan 5.1% daripada paras keluaran potensi (maklumat terperinci mengenai anggaran keluaran potensi dijelaskan dalam rencana). Walaupun jurang tersebut telah mengecil hasil daripada kadar pemulihan yang semakin pesat, masih terdapat kapasiti berlebihan yang ketara dalam beberapa sektor yang menyekat tekanan permintaan dan seterusnya, tekanan harga.

Sejajar dengan keadaan permintaan dalam dan luar negeri yang kukuh, kesemua sektor ekonomi telah berkembang, dengan penggerak utama pertumbuhan adalah daripada sektor perkhidmatan dan perkilangan. Sektor perkhidmatan mendapat faedah daripada pemulihan dalam permintaan dalam negeri, pengembangan dalam aktiviti berkaitan perdagangan dan pertumbuhan ketibaan pelancong yang ketara. Pada tahun 2002, jumlah ketibaan pelancong meningkat 4% kepada 13.3 juta orang berbanding dengan 12.8 juta orang pada tahun 2001. Kesannya, aliran masuk bersih yang lebih tinggi untuk perjalanan dan pendidikan membantu mengurangkan defisit perkhidmatan dalam imbangan pembayaran. Prestasi sektor pelancongan yang memberangsangkan ini mencerminkan kejayaan usaha promosi yang berterusan untuk mempelbagaikan pasaran baru, terutamanya dari negara Timur Tengah dan negara serantau.

Nilai ditambah di sektor perkilangan meningkat 4.1%, disebabkan terutamanya oleh permintaan luar negeri yang lebih kukuh, khususnya bagi elektronik. Permintaan eksport daripada pasaran tradisional kekal penting tetapi Malaysia kian menikmati kesan daripada pertumbuhan perdagangan serantau. Eksport Malaysia ke negara serantau (tidak termasuk Jepun) meningkat daripada RM43.2 bilion pada tahun 1992 kepada RM156.3 bilion pada tahun 2002, iaitu pertumbuhan purata tahunan sebanyak 14.2% disepanjang tempoh tersebut. Khususnya, eksport Malaysia ke negara Republik Rakyat China meningkat dengan pesat pada kadar purata tahunan sebanyak 28.1%. Kesannya, bahagian perdagangan Malaysia dengan negara serantau meningkat daripada 41.7% pada tahun 1992 kepada 44.1% pada tahun 2002. Pertumbuhan ini merupakan arah aliran yang positif bukan sahaja kerana ia meningkatkan pendapatan eksport tetapi juga berjaya mengurangkan pergantungan kepada pasaran tradisional, sekaligus meningkatkan daya tahan ekonomi Malaysia.

Pertumbuhan di sektor pembinaan mapan pada kadar 2.3% pada tahun 2002, disokong oleh peningkatan subsektor kejuruteraan awam hasil perbelanjaan Kerajaan yang berterusan ke atas projek awam. Namun, penghantaran balik pekerja asing tanpa izin telah meninggalkan kesan yang sementara kepada sektor tersebut. Sektor pertanian mencatat pertumbuhan yang lebih perlahan sebanyak 0.3% pada tahun 2002 kerana pengeluaran minyak sawit mentah merosot disebabkan oleh hasil yang lebih rendah dan kesan aktiviti penanaman semula yang lebih tinggi. Sebaliknya, pengeluaran komoditi utama yang lain adalah lebih tinggi didorong oleh peningkatan harga. Nilai ditambah di sektor perlombongan meningkat 4.5% disebabkan oleh peningkatan pengeluaran daripada medan minyak dan gas yang baru, peningkatan dalam permintaan dan harga yang lebih baik.

Secara keseluruhannya, arah aliran pasaran buruh mencerminkan keadaan ekonomi yang meningkat. Ketika pemulihan ekonomi semakin pesat, kadar pengangguran jatuh kepada 3.5% pada akhir tahun 2002. Penurunan kadar pengangguran disebabkan oleh pengurangan yang ketara dalam pemberhentian pekerja serta permintaan tenaga buruh yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, memandangkan kapasiti lebihan masih mempengaruhi beberapa sektor terpilih, peningkatan aktiviti ekonomi tidak memberi tekanan ke atas upah. Penunjuk terkini menunjukkan bahawa kenaikan kadar upah menyederhana, manakala produktiviti meningkat pada tahun 2002.

Kedudukan luar negeri kekal kukuh dengan peningkatan eksport pada tahun 2002. Imbangan pembayaran keseluruhan meningkat dengan ketara untuk mencatat lebihan yang lebih besar disebabkan oleh hasil lebihan akaun semasa yang mapan (8.1% daripada keluaran negara kasar (KNK)), aliran masuk modal jangka panjang yang lebih besar dan aliran keluar modal jangka pendek swasta bersih yang lebih rendah. Pada tahun 2002, aliran pelaburan langsung asing ke Malaysia (FDI) meningkat dengan ketara terutamanya dalam bentuk pendapatan yang tidak diagih berikutan prestasi eksport syarikat multinasional yang lebih baik dalam industri elektronik. Terdapat juga beberapa pelaburan ekuiti baru yang disalurkan terutamanya ke dalam sektor perkhidmatan, minyak dan gas dan perkilangan. Peralihan dalam corak pelaburan langsung asing ke sektor perkhidmatan terus dapat dilihat pada tahun 2002. Pelaburan baru tersebut disalur ke dalam pelbagai jenis aktiviti seperti industri runcit, perkhidmatan kewangan, aktiviti latihan, telekomunikasi dan pembangunan perisian komputer. Ciri utama yang membezakan pelaburan baru ini, walaupun ia bernilai kecil, ia dapat meningkatkan produktiviti dan daya saing, seterusnya menjana nilai ditambah serta pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi. Pelaburan luar negeri oleh syarikat Malaysia turut meningkat, diterajui oleh beberapa syarikat besar di sektor minyak dan gas, perkilangan serta utiliti. Satu perkembangan baru adalah pelaburan luar negeri tersebut kini melibatkan projek utiliti dan perladangan yang lebih besar berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya, yang mana ia tertumpu kepada syarikat induk dan perdagangan.

Mencerminkan prestasi ekonomi yang lebih kukuh, rizab antarabangsa bersih Bank Negara Malaysia meningkat RM14.2 bilion (AS$3.7 bilion) kepada RM131.4 bilion (AS$34.6 bilion) pada tahun 2002. Pada 14 Mac 2003, jumlah rizab meningkat lagi kepada RM131.7 bilion (AS$34.7 bilion), cukup untuk membiayai 5.3 bulan import tertangguh dan 4.4 kali ganda hutang luar negara jangka pendek. Jumlah hutang luar negara kekal stabil pada 55.1% daripada KNK pada akhir tahun 2002 manakala nisbah khidmat hutang kekal rendah pada 6%. Profil hutang negara kekal memuaskan dengan hutang jangka pendek hanya mencakup 17% daripada jumlah hutang. Sektor swasta mencakup sebahagian besar hutang, manakala pinjaman Kerajaan Persekutuan hanya berjumlah 19.6% daripada keseluruhan hutang.

Dasar monetari dan fiskal yang akomodatif serta pertumbuhan ekonomi yang lebih kukuh mengakibatkan permintaan pinjaman oleh sektor swasta meningkat. Permohonan pinjaman pulih untuk meningkat 14.1% berikutan permintaan dana yang lebih kukuh oleh sektor korporat dan isi rumah. Sektor kewangan bertindak balas kepada permintaan dengan meningkatkan aktiviti pembiayaan. Dana yang diperoleh daripada sistem perbankan dan pasaran modal meningkat RM40.8 bilion atau 9.9%. Pinjaman bank telah meningkat dengan ketara sebanyak 10.3%. Satu perkembangan penting adalah peningkatan dalam pinjaman kepada peminjam kecil. Pinjaman yang berjumlah kurang daripada RM500,000 kini mencakup sebahagian besar jumlah pinjaman (53%).

Namun demikian, peningkatan dalam pinjaman tidak menimbulkan risiko yang keterlaluan dalam sistem perbankan. Walaupun pertumbuhan pinjaman lebih pesat, sistem perbankan telah menunjukkan daya tahan apabila permodalan meningkat dan jumlah hutang tidak berbayar (NPL) berkurangan. Nisbah modal berwajaran risiko (RWCR) kekal pada tahap 12.8%, jauh lebih tinggi daripada tahap minima 8%, manakala NPL terus turun sejak bulan Mei 2002. Pada akhir tahun 2002, nisbah NPL bersih pada asas 6 bulan turun kepada 7.4% (10.1% mengikut klasifikasi 3 bulan) berbanding 8.1% pada akhir tahun 2001 (11.4% mengikut klasifikasi 3 bulan).

Penyelesaian hutang korporat besar yang berjaya dan cepat telah menyumbang kepada penurunan NPL dalam sistem perbankan. Setelah menyelesaikan kesemua 48 kes yang dibawa kepadanya, Jawatankuasa Penstrukturan Semula Hutang Korporat (CDRC) secara rasmi telah memberhentikan operasi pada 15 Ogos 2002. Penutupan tersebut merupakan satu tanda kejayaan utama dalam usaha Kerajaan untuk menstruktur semula sektor perbankan dan korporat.

Dengan jumlah NPL berada pada tahap yang terkawal, Danaharta, iaitu syarikat pengurusan aset yang ditubuhkan pada tahun 1998 untuk membeli NPL daripada institusi kewangan, dapat menguruskan NPL berjumlah RM47.7 bilion dalam portfolionya dan dijangka akan menghentikan operasi pada tahun 2005. Syarikat tersebut mencapai kadar pemulihan jangkaan purata sebanyak 57% dan telah menerima pembayaran sebanyak RM18.9 bilion daripada jumlah RM30 bilion yang dijangka dapat dipulihkan. Secara keseluruhan, kos penstrukturan semula sektor kewangan berikutan krisis kewangan Asia berjumlah kurang 5% daripada KDNK.

Potensi Pengeluaran Ekonomi Malaysia

Potensi pengeluaran ialah pengeluaran yang diperoleh daripada penggunaan penuh modal yang sedia ada dan potensi guna tenaga, iaitu tenaga buruh yang konsisten dengan kadar pengganguran "semulajadi" atau "jangka panjang". Dengan itu, potensi pengeluaran didefinisikan sebagai tahap pengeluaran dalam ekonomi yang tidak mengalami sebarang tekanan inflasi dan ketidakseimbangan luaran. Jurang keluaran ialah perbezaan di antara keluaran benar dan potensi. Perbezaan ini, ataupun dikenali sebagai jurang, dikira sebagai peratusan daripada keluaran potensi. Apabila keluaran benar lebih rendah daripada potensinya, jurang keluaran akan menjadi negatif dan keluaran boleh meningkat mengikut asasnya tanpa menyebabkan tekanan inflasi ke atas ekonomi.

Ketika pertumbuhan ekonomi yang tinggi pada awal tahun 1990an, keluaran benar adalah selaras dengan potensi keluaran, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.3 dan Graf 1.6. Penguncupan ketara yang dialami selepas Krisis Asia telah menyebabkan jurang keluaran lebih melebar pada tahun 1998, tetapi dengan pemulihan ekonomi, jurang keluaran menjadi lebih kecil. Pada tahun 2001, jurang keluaran melebar kepada 6.2% akibat pertumbuhan keluaran benar yang rendah. Walau bagaimanapun, peningkatan aktiviti ekonomi yang lebih pesat berbanding dengan pertumbuhan potensi keluaran pada tahun 2002, telah menyebabkan jurang keluaran menjadi lebih kecil. Anggaran potensi pengeluaran Bank Negara Malaysia yang terbaru menunjukkan bahawa jurang pengeluaran mengecil kepada 5.1% daripada KDNK potensi pada tahun 2002 (2001: 6.2%) disebabkan peningkatan KDNK sebenar yang lebih pesat (4.2%) daripada KDNK potensi (3%).

Jadual 1.3
KDNK Benar dan Keluaran Potensi

Tempoh	KDNK benar	Keluaran potensi	Pelaburan	Buruh	Jurang keluaran
	(Pertumbuhan tahunan dalam %)				(% drpd keluaran potensi)
1992-1997	9.2	8.1	14.1	3.9	-1.9
1998	-7.4	3.2	-43.0	-2.1	-11.3
1999	6.1	1.3	-6.5	3.7	-7.1
2000	8.3	4.1	25.7	4.3	-3.3
2001	0.4	3.5	-2.8	3.3	-6.2
2002	4.2	3.0	0.2	3.1	-5.1

Peningkatan kadar pertumbuhan potensi pengeluaran yang sederhana adalah disebabkan oleh peningkatan pelaburan yang perlahan (0.2%) apabila pelabur masih berwaspada disebabkan ketidaktentuan dunia pada tahun 2002 dan lebihan kapasiti yang dialami oleh sesetengah sektor dalam ekonomi.

Anggaran keanjalan jangka pendek untuk modal adalah lebih tinggi sedikit daripada keanjalan jangka pendek untuk buruh, yang menandakan bahawa perubahan dalam modal mempunyai kesan yang lebih besar ke atas pengeluaran dan pulangan ke atas modal bertambah baik, walaupun dalam jangka pendek. Firma-firma telahpun berjaya meningkatkan keluaran tanpa meningkatkan modal pelaburan dengan ketara. Ini mungkin mencerminkan bahawa modal pelaburan yang disalurkan kepada peningkatan keupayaan teknologi sesebuah firma mempunyai kesan yang serta-merta ke atas keluaran.

Graf 1.6
Keluaran Benar dan Potensi



Keanjalan jangka panjang modal yang dianggarkan sebanyak 0.49 adalah lebih tinggi sedikit daripada keanjalan jangka pendek. Ini adalah sejajar dengan keputusan kajian yang lepas. Pulangan untuk modal yang lebih tinggi menandakan penggunaan modal yang lebih efisien. Koefisienan ini diukur sebagai nisbah keluaran kepada modal yang meningkat pada kadar yang lebih pesat berbanding dengan nisbah keluaran kepada bilangan pekerja. Pelaburan infrastruktur lepas yang mempunyai tempoh gestasi yang panjang, mula menunjukkan pulangan yang positif apabila kapasiti produktif ekonomi dipertingkatkan dan masalah kesendatan diatasi. Dalam jangka panjang, dengan pelaksanaan Pelan Induk Ekonomi Berasaskan Pengetahuan, pertumbuhan potensi pengeluaran akan terus meningkat.

Pengurusan Makroekonomi

Pada tahun 2002, dasar makroekonomi tertumpu kepada usaha untuk menangani ketidakpastian yang semakin meningkat yang berpunca daripada persekitaran luaran dan memperkukuhkan asas ekonomi jangka panjang. Kerajaan memainkan peranan utama dalam memperkukuhkan pertumbuhan dengan memberi sokongan yang sewajarnya kepada permintaan swasta dan luaran. Sokongan tersebut secara amnya disalur dalam dua bentuk: perbelanjaan langsung, yang mempunyai kesan yang serta-merta dan ketara ke atas penggunaan swasta; dan yang kedua, penyediaan suasana yang menggalakkan yang dapat mengukuhkan keyakinan pengguna dan dapat membantu pemulihan dalam aktiviti pelaburan syarikat. Suasana tersebut dapat disediakan dengan mengurangkan cukai-cukai terpilih untuk menggalakkan perbelanjaan penggunaan, melaksanakan dasar untuk mengukuhkan prospek pekerjaan, mengamalkan dasar monetari yang mengembang dan melaksanakan langkah-langkah untuk memperbaiki akses untuk mendapatkan pembiayaan. Memandangkan prospek ekonomi antarabangsa menjadi semakin tidak menentu pada tahun 2002, dasar ekonomi disasarkan ke arah memastikan pertumbuhan yang seimbang dan mempelbagaikan asas ekonomi untuk mengukuhkan teras ekonomi negara. Peralihan strategi untuk menyokong pertumbuhan yang diterajui oleh sektor swasta dijangka dapat memperkukuhkan asas

Pertumbuhan yang lebih kukuh mengakibatkan permintaan pinjaman yang lebih tinggi. Pinjaman yang diberi meningkat, NPL berkurangan dan RWCR masih tinggi. Penstrukturan semula sektor kewangan hampir selesai dengan kos keseluruhan penstrukturan semula sistem perbankan berjumlah kurang 5% daripada KDNK.

ekonomi tersebut sambil memastikan pihak Kerajaan mempunyai fleksibiliti untuk melaksanakan dasar fiskal dan makroekonomi.

Dasar monetari pada tahun 2002 kekal mengembang bagi menyokong pertumbuhan ekonomi. Bank Pusat telah bertindak awal dengan menurunkan kadar faedah sebagai langkah awalan berikutan peristiwa 11 September pada tahun 2001. Memandangkan kesan daripada langkah-langkah tersebut mengambil masa, kesan sebenar penurunan kadar faedah dijangka hanya akan dapat dirasai pada separuh pertama tahun 2002. Seperti yang dijangka, aktiviti ekonomi pulih dan mencatat pertumbuhan positif pada suku pertama dan terus kukuh sepanjang tahun. Walaupun momentum pemulihan ekonomi bertambah kukuh, pihak Bank juga sedar bahawa jurang pengeluaran masih luas dan inflasi merupakan sesuatu yang tidak perlu dibimbangkan. Oleh yang demikian, kesimpulan telah dibuat bahawa kadar faedah berada pada tahap yang berpatutan dan kadar dasar telah dikekalkan sepanjang tahun 2002. Namun demikian, saingan di kalangan bank serta keadaan mudah tunai yang mencukupi menyebabkan kadar pemberian pinjaman purata turun pada tahun 2002. Walaupun pemulihan ekonomi semakin kukuh, peningkatan pembiayaan yang diberi oleh bank dan pasaran modal tidak menimbulkan tekanan inflasi.

Dasar makroekonomi tertumpu kepada memperkukuhkan asas ekonomi jangka panjang sambil menyokong aktiviti sektor swasta.

Walaupun dasar monetari dijangka dapat menyokong pertumbuhan, namun bagi sebilangan sektor ekonomi terpilih, ternyata bahawa isu utama bukanlah kos pembiayaan tetapi akses kepada dana. Oleh yang demikian, beberapa inisiatif dasar telah diperkenalkan oleh pihak Bank untuk memastikan bahawa terdapat akses kepada dana yang secukupnya bagi semua peminjam. Khususnya, langkah-langkah diambil untuk memastikan bahawa perusahaan kecil dan sederhana (PKS) mempunyai akses kepada dana pada kos yang berpatutan. Pada tahun 2002, tabung khas yang ditubuhkan oleh Kerajaan dan diurus oleh pihak Bank telah meningkatkan pengeluaran dana. Kesemua tujuh tabung yang diurus oleh pihak Bank, iaitu Kemudahan Pembiayaan Perkapalan, Tabung untuk Makanan, Tabung Pemulihan Industri Kecil dan Sederhana, Tabung Projek Usahawan Bumiputera, Tabung Industri Kecil dan Sederhana 2 (FSMIs2), Tabung Pemulihan dan Pembangunan Usahawan, dan Tabung Usahawan Baru 2 (NEF2), telah mengeluarkan pinjaman sebanyak RM3 bilion sehingga akhir tahun 2002. Permintaan untuk pinjaman daripada dua tabung tersebut iaitu NEF2 dan FSMIs2, adalah nyata memberangsangkan. Menjelang akhir bulan Ogos, pinjaman yang diluluskan di bawah NEF2 dan FSMIs2 masing-masing adalah sebanyak 194% dan 196% daripada jumlah yang diperuntukkan. Oleh itu, peruntukan kepada kedua-dua tabung tersebut masing-masing telah dinaikkan sebanyak RM250 juta pada bulan Oktober, seterusnya meningkatkan jumlah ketujuh-tujuh tabung tersebut kepada RM4.35 bilion.

Selain daripada pembiayaan secara langsung melalui tabung khas di bawah naungan pihak Bank, beberapa langkah telah diambil untuk memastikan bank-bank lebih memberi perhatian ke atas pinjaman kepada PKS. Semua institusi kewangan juga dikehendaki lebih telus dan cepat bertindak balas terhadap keperluan PKS dengan menubuhkan unit khas PKS bagi menguruskan keperluan kewangan khusus mereka.

Untuk meningkatkan sumbangan PKS kepada ekonomi dan membantu perkembangan jangka panjang sektor ini, pihak Bank mencadangkan satu "Rangka Kerja Komprehensif bagi Pembangunan PKS". Sebuah Jawatankuasa Pemandu yang dipengerusikan oleh Gabenor Bank Negara Malaysia dan dianggotai oleh Ketua-ketua Setiausaha Kementerian dan ketua-ketua agensi yang terlibat dalam pembangunan PKS, telah ditubuhkan pada bulan Oktober 2002 untuk menjayakan projek ini.

Rejim kadar pertukaran tetap masih merupakan sebahagian penting pengurusan makroekonomi. Kadar pertukaran tetap memberi kestabilan dan dengan itu, membantu perdagangan dan pelaburan. Kadar pertukaran tetap tersebut disokong oleh asas ekonomi yang kukuh. Kadar inflasi kekal rendah dan stabil, akaun semasa terus mencatat lebihan, aliran modal jangka panjang terus mapan dan rizab terus meningkat. Sektor perbankan juga mempunyai modal yang mencukupi yang memberi sektor kewangan perlindungan untuk menyerap kejutan luaran. Oleh itu, kadar pertukaran tetap merupakan tunggak kestabilan dan kekal selaras dengan asas ekonomi.

Bajet tahun 2002 dibentangkan ketika jangkaan pertumbuhan ekonomi yang sederhana dan risiko utama yang dijangka adalah perbelanjaan pengguna

tidak akan dapat dikekalkan jika keadaan pasaran pekerja menjadi lebih buruk. Oleh itu, tumpuan utama dasar fiskal pada tahun 2002 adalah untuk meningkatkan kapasiti produktif jangka panjang dan mengukuhkan pertumbuhan ekonomi dengan menyokong aktiviti sektor swasta. Oleh yang demikian, Kerajaan telah melaksanakan Bajet yang mengembang secara sederhana untuk mengekalkan momentum pertumbuhan.

Dasar fiskal kitar balas dapat dilihat dalam perbelanjaan yang lebih tinggi, terutamanya dalam pendidikan dan infrastruktur, serta langkah-langkah cukai untuk menggalakkan penggunaan swasta. Pada masa yang sama, kadar cukai pendapatan persendirian telah diturunkan sebanyak 1-2 mata peratusan manakala pendapatan boleh cukai yang tertakluk kepada kadar cukai yang tertinggi telah dinaikkan daripada RM150,000 kepada RM250,000. Tambahan lagi, insentif untuk menggalakkan aktiviti pelaburan swasta juga diumumkan dalam Bajet tahun 2002. Tempoh elaun pelaburan semula dilanjutkan dan insentif telah disediakan untuk menggalakkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi serta untuk menggalakkan pelancongan dan eksport. Selain daripada itu, pengecualian cukai telah diberi kepada syarikat dalam industri mesin dan alat kelengkapan, pengeluaran makanan, getah, kelapa sawit dan papan untuk memperluaskan asas ekonomi dan memperkukuhkan daya tahan.

Meskipun terdapat keperluan untuk mengekalkan dasar fiskal yang mengembang, Kerajaan dijangka akan mengurangkan peranannya dalam ekonomi secara beransur-ansur apabila sektor swasta pulih. Oleh kerana langkah-langkah sokongan telah diambil untuk menangani kesan buruk yang dijangka muncul akibat ketidakpastian dalam persekitaran luaran, perbelanjaan fiskal adalah lebih besar daripada anggaran awal. Akibatnya, kedudukan kewangan keseluruhan Kerajaan telah mencatat defisit sebanyak 5.6% daripada KDNK. Namun begitu, Kerajaan tetap komited untuk mengurangkan kedudukan defisit fiskal pada jangka panjang, pada kadar yang bergantung kepada keadaan ekonomi global dan tempatan.

Walaupun perbelanjaan Kerajaan lebih tinggi, komitmen Kerajaan terhadap dasar fiskal yang berhemat telah memastikan kedudukan kewangannya masih terkawal. Hasil semasa terus mengatasi perbelanjaan operasi dan ini telah membolehkan perbelanjaan pembangunan dibiayai dahulu melalui lebihan operasi. Kadar tabungan yang tinggi dan mudah tunai yang mencukupi dalam sistem kewangan dalam negeri juga membolehkan sebahagian besar defisit fiskal dibiayai melalui sumber dalam negeri. Keadaan pasaran luaran yang menggalakkan, terutamanya suasana kadar faedah yang rendah serta permintaan yang tinggi untuk hutang berdaulat negara-negara membangun di pasaran modal antarabangsa, telah membolehkan Kerajaan untuk mengambil kesempatan sepenuhnya untuk memperoleh dana dari sumber luar negara. Terbitan hutang luar negara Kerajaan bukan sahaja bertujuan untuk menandakan kehadiran Malaysia tetapi juga adalah untuk mewujudkan tanda aras bagi syarikat Malaysia yang ingin mendapat pinjaman daripada pasaran kewangan antarabangsa. Pada bulan Mac 2002, Kerajaan telah membuka semula terbitan Bon Global Dolar Amerika Malaysia yang matang pada tahun 2011 dan memperoleh AS$750 juta pada kadar faedah 6.8%, iaitu 90 mata asas lebih rendah daripada terbitan pertama. Pada bulan Jun, Kerajaan telah menerbitkan Sijil Amanah Islam Global yang pertama untuk mendorong pembangunan pasaran kewangan Islam antarabangsa. Penerbitan instrumen hutang berasaskan prinsip Islam merupakan satu langkah yang penting dalam perkembangan global sistem kewangan Islam.

Selain daripada melaksanakan dasar fiskal untuk menyokong aktiviti ekonomi, langkah-langkah bukan fiskal juga digubal untuk melengkapi inisiatif sektor swasta dan mengukuhkan keyakinan. Tumpuan dasar tersebut adalah untuk memastikan bahawa prospek pekerjaan dan pendapatan kekal kukuh. Sehubungan dengan itu, beberapa langkah konkrit telah diambil untuk memadankan pencari kerja dengan jawatan kosong serta meningkatkan mobiliti pekerja. Pameran kerjaya di seluruh negara dan program latihan semula telah diadakan sepanjang tahun 2002. Satu perkembangan yang penting pada tahun 2002 ialah bermulanya operasi Projek Bursa Buruh Elektronik (ELX) pada bulan Mei 2002. ELX bertujuan untuk memadankan secara berkesan pencari kerja dengan jawatan kosong yang tersebar di kawasan yang lebih luas. Pada akhir tahun 2002, seramai 11,000 orang pencari kerja telah mendaftar dengan ELX manakala 720 majikan telah mengiklankan 2,040 jawatan kosong.

Walaupun usaha mengukuhkan sumber pertumbuhan dalam negeri adalah kritikal untuk memperluaskan asas ekonomi dan meningkatkan daya tahan, pelaburan langsung asing akan terus memainkan peranan yang penting. Pelaburan langsung asing bukan sahaja menyumbang secara langsung kepada

pelaburan dan pertumbuhan, tetapi ia juga membantu ekonomi Malaysia menyerap teknologi dan proses baru untuk mempercepatkan pencapaian peningkatan dalam rantaian nilai. Dasar Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai destinasi yang menarik bagi pelbagai jenis pelaburan langsung asing mencerminkan pengiktirafan dua peranan tersebut. Sejak pertengahan tahun 1990an, Kerajaan telah memberi perhatian yang lebih kepada cadangan pelaburan langsung asing yang merangkumi projek yang memerlukan kemahiran yang tinggi dan menjana nilai ditambah yang besar. Pendekatan yang fleksibel dan tertumpu untuk menarik pelaburan langsung asing dapat dilihat dengan jelas dalam skim insentif prapakej, di mana para pelabur dapat memohon untuk mendapat pelbagai insentif yang dikhususkan untuk memenuhi keperluan mereka, justeru menjayakan objektif Kerajaan untuk meningkatkan mutu pelaburan. Skim tersebut dilengkapi oleh skim lain untuk menggalakkan pelabur asing menubuhkan akitiviti pelengkap yang lain di Malaysia, terutamanya akitiviti yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi, seperti pusat latihan serantau, penyelidikan dan pembangunan, ibu pejabat operasi dan pejabat pembelian antarabangsa. Kegiatan tersebut memberi perkhidmatan sokongan, bukan sahaja kepada operasi perkilangan di Malaysia, tetapi juga di rantau ini dan mempunyai kesan sampingan yang positif ke atas sektor perkhidmatan. Begitu juga, syarikat di dalam sektor perkhidmatan, terutamanya dalam bidang kewangan dan insurans, dan telekomunikasi dan teknologi maklumat, telah memindahkan operasi pemprosesan serta lain-lain kegiatan sokongan ke Malaysia.

Untuk mengekalkan daya saing, syarikat Malaysia telah mula mencapai kemajuan dalam rantaian nilai kerana negara-negara serantau mempunyai kelebihan dalam kos buruh. Perkhidmatan dan barangan buatan Malaysia akan mencapai peningkatan kualiti dan inovasi dan proses ini dijangka disokong oleh usaha peralihan ke arah ekonomi berasaskan pengetahuan. Strategi untuk memastikan bahawa keperluan kemahiran dapat dipenuhi sudah terkandung di dalam dasar dan mekanisme yang sedia ada, sementara pendekatan baru dalam pendidikan dan latihan perindustrian sedang digubal.

Proses penstrukturan semula sektor perbankan kini hampir selesai dan tumpuan dasar telah beralih ke arah membangunkan kapasiti serta meningkatkan kecekapan dan mutu perkhidmatan yang disediakan oleh institusi kewangan. Pelan Induk Sektor Kewangan (FSMP) dengan jelasnya menggariskan jadual waktu untuk mencapai matlamat ini. Sepuluh lagi daripada cadangan yang terkandung dalam Pelan tersebut telah dilaksanakan pada tahun 2002, menjadikan jumlah cadangan yang dilaksanakan sehingga akhir bulan Februari 2003 kepada 19. Cadangan tersebut tertumpu kepada meningkatkan kapasiti dan keupayaan insititusi kewangan domestik, menggalakkan kestabilan, membina infrastuktur sistem pembayaran yang cekap dan stabil serta menyediakan rangka kerja perlindungan pelanggan yang cekap dan berteraskan pasaran.

Satu tindakan yang penting dalam proses peningkatan taraf tersebut adalah program tanda aras yang membandingkan prestasi institusi kewangan di Malaysia dengan amalan terbaik antarabangsa. Untuk melengkapi program tanda aras tersebut, pihak Bank telah melancarkan satu kajian analisa pasaran untuk membina sebuah indeks mutu perkhidmatan bagi menilai mutu perkhidmatan yang ditawarkan oleh industri. Sebagai langkah pertama untuk meningkatkan mutu perkhidmatan pelanggan, semua insititusi kewangan dikehendaki menubuhkan Unit Aduan khusus yang akan berfungsi sebagai pusat untuk mengurus segala aduan yang diterima. Segala aduan yang dibuat hendaklah dijawab dalam masa dua minggu selepas insititusi berkenaan menerima aduan tersebut.

Pihak Bank juga telah melancarkan satu inisiatif pendidikan pelanggan yang dikenali sebagai *"BankingInfo"*. Dalam fasa pertama daripada tiga fasa, pihak Bank akan menumpukan perhatian kepada penyebaran maklumat tentang produk perbankan, rangkaian perbankan yang sedia ada dan maklumat pendidikan mengenai aspek perbankan dan mata wang. Begitu juga, keperluan untuk mendapatkan kelulusan produk sedang dilonggarkan bagi menggalakkan insititusi perbankan memperkenalkan produk dan perkhidmatan yang baru.

Satu perkembangan yang penting dalam mewujudkan hala tuju dasar jangka panjang adalah dengan pelancaran Pelan Induk Ekonomi Berasaskan Pengetahuan (K-Ekonomi) pada bulan September 2002. Pelan tersebut menyediakan tunggak yang diperlukan bagi membangunkan sebuah ekonomi berdasarkan pengetahuan serta pentingnya bagi Malaysia untuk beralih daripada ekonomi berdasarkan pengeluaran kepada K-Ekonomi. Pelan tersebut mengambil kira kedudukan kini berhubung aktiviti berdasarkan pengetahuan serta intensiti penggunaan pengetahuan dalam akitiviti ekonomi.

Dengan itu, ia menyediakan satu hala tuju yang jelas dan terperinci untuk mencapai peralihan tersebut menjelang tahun 2020. Matlamat utama Pelan tersebut adalah untuk membina sebuah ekonomi yang kukuh, berdaya tahan, dinamik dan kompetitif yang didorong oleh peningkatan dalam intensiti penggunaan pengetahuan untuk pengeluaran serta pembangunan industri yang baru. Sebahagian besar matlamat ini memerlukan peningkatan kadar pertumbuhan faktor produktiviti keseluruhan. Dengan itu, rancangan strategik yang terkandung dalam Pelan tertumpu kepada pembangunan sumber manusia dan persekitaran yang menggalakkan inovasi.

Graf 1.7
Pengeluaran Perkilangan, Jualan dan Eksport



KAJIAN MENGIKUT SEKTOR

Sektor Perkilangan

Pengukuhan permintaan dalam negeri dan pemulihan dalam eksport membawa kepada pemulihan sektor perkilangan pada tahun 2002. Nilai ditambah dalam sektor perkilangan berkembang 4.1%, daripada penguncupan 6.2% pada tahun sebelumnya. Pada keseluruhannya, pengeluaran perkilangan berkembang 4.5% (2001: -6.6%), disebabkan oleh prestasi yang lebih kukuh dalam industri berorientasikan eksport, manakala industri berorientasikan pasaran tempatan tumbuh pada kadar yang sederhana. Sejajar dengan pengembangan dalam pengeluaran, kapasiti penggunaan keseluruhan sektor perkilangan meningkat kepada 83% pada tahun 2002 (2001: 80%), dengan industri berorientasikan eksport dan pasaran tempatan masing-masing beroperasi pada kapasiti yang lebih tinggi pada 83% dan 82%.

Sektor perkilangan pulih, disokong oleh pemulihan permintaan luar negeri yang kukuh dan pertumbuhan permintaan dalam negeri.

Secara keseluruhannya, prestasi sektor perkilangan yang lebih kukuh pada tahun 2002 mencerminkan terutamanya peningkatan dalam jumlah pengeluaran, sementara harga eksport terus merosot.

Industri berorientasikan eksport pulih mulai suku kedua tahun 2002, disokong oleh pengembangan yang kukuh dalam industri elektronik berikutan pemulihan permintaan global bagi separa konduktor, terutamanya dari pasaran Asia Pasifik (tidak termasuk

Jadual 1.4:
Sektor Perkilangan: Nilai Ditambah dan Pengeluaran

	2001	2002
	Perubahan tahunan (%)	
Nilai ditambah (Malar pada harga 1987)	**-6.2**	**4.1**
Pengeluaran keseluruhan	**-6.6**	**4.5**
Industri berorientasikan eksport	**-10.4**	**5.0**
di antaranya:		
Elektronik	-20.2	13.4
Barangan elektrik	-2.8	-5.1
Bahan kimia dan keluaran kimia	-7.7	2.7
Kayu dan keluaran kayu	1.2	-6.0
Tekstil dan pakaian	-8.3	-6.2
Keluaran getah	3.3	2.0
Pemprosesan di luar estet	7.7	7.1
Industri berorientasikan pasaran tempatan	**7.0**	**3.4**
di antaranya:		
Kelengkapan pengangkutan	19.0	6.2
Keluaran petroleum	19.3	-4.1
Barangan berkaitan pembinaan	4.6	3.8
Keluaran logam yang direka	3.9	0.8
Keluaran makanan	4.3	8.7

Graf 1.8
Penggunaan Kapasiti di Sektor Perkilangan



Pelan Induk Ekonomi Berasaskan Pengetahuan, 2002

Pengenalan

Malaysia melancarkan Pelan Induk Berasaskan Pengetahuan (K-ekonomi) susulan daripada pengumuman Bajet pada tahun 2000. Pelan itu menuntut anjakan paradigma daripada Ekonomi Berasaskan Pengeluaran (P-ekonomi) kepada K-ekonomi. Dalam Pelan Induk itu, K-ekonomi ditakrifkan sebagai *"sebuah ekonomi yang mana pengetahuan, kreativiti dan inovasi memainkan peranan utama dan penting bagi menjana dan mengekalkan pertumbuhan"*. Pelan Induk itu telah dilancarkan pada bulan September 2002 selepas tempoh rundingan di antara sektor swasta dan awam. Sebagai pelan pembangunan peringkat kebangsaan, Pelan Induk K-ekonomi melakarkan teras strategik dan rangka kerja pelaksanaan bagi peralihan ekonomi Malaysia ke arah K-ekonomi dalam meningkatkan daya saing dan mencapai pertumbuhan ekonomi mapan.

Visi Pelan Induk ialah membina sebuah ekonomi yang kukuh, berdaya tahan, bergiat dan berdaya saing, didorong sebahagian besarnya oleh peningkatan penggunaan pengetahuan dalam pengeluaran dan pembangunan industri baru berintensif pengetahuan. Ini sebahagian besarnya melibatkan peningkatan kadar pertumbuhan Jumlah Produktiviti Faktor dan dengan itu kebanyakan teras strategik yang terdapat di dalam Pelan mencerminkan objektif ini. Oleh itu, penekanan utama diberikan terhadap meningkatkan modal, memperbaiki penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi, dan mengubahsuai sistem pendidikan. Pelan Induk dirangka untuk jangka masa yang panjang, dengan berteraskan pembangunan ekonomi berintensif pengetahuan menjelang tahun 2020. Terdapat tujuh teras strategik dalam agenda tindakan Pelan dan 132 cadangan akan dilaksanakan dalam tiga fasa dalam dekad ini sehingga tahun 2010.

Tujuh Teras Strategik

Perbandingan penunjuk utama pengetahuan bagi negara-negara ASEAN menunjukkan bahawa Malaysia berada di hadapan semua negara kecuali Singapura. Apabila dibandingkan dengan negara-negara maju seperti Korea, Jerman dan AS, jelas bahawa usaha bersepadu diperlukan untuk merapatkan jurang pengetahuan yang sedia ada. Justeru, Pelan mengemukakan tujuh teras strategik seperti berikut:

- *Membangun dan mendapatkan sumber manusia yang diperlukan*
- *Membina institusi-institusi yang diperlukan untuk memperjuang, memobilisasi dan mendorong peralihan kepada K-ekonomi*
- *Membangunkan sistem insentif, infrastruktur dan infostruktur untuk memastikan aplikasi pengetahuan yang optimal dan semakin meningkat dalam semua sektor ekonomi*
- *Meningkatkan kapasiti bagi pemerolehan dan aplikasi sains dan teknologi (termasuk teknologi maklumat dan komunikasi) dalam semua bidang dengan lebih pesat*
- *Memastikan sektor swasta sebagai pelopor K-ekonomi*
- *Membangunkan sektor awam sebagai Perkhidmatan Awam berasaskan Pengetahuan*
- *Merapatkan jurang pengetahuan dan digital*

Peringkat Pelaksanaan

Cadangan tujuh teras strategik tersebut dijangka dilaksanakan dalam tiga fasa. Fasa 1 (2001-2003); Fasa 2 (2004-2006) dan Fasa 3 (2007-2010) sepanjang tempoh tahun 2001-2010. Sebahagian besar cadangan tersebut dijangka dilaksanakan menjelang tahun 2006, tetapi beberapa cadangan akan terus dilaksanakan sehingga tahun 2010.

Sehingga kini, beberapa langkah segera telah diambil untuk menubuhkan mekanisme institusi bagi melaksanakan Pelan Induk tersebut, termasuk menjalankan kajian yang relevan bagi mengukur penunjuk kandungan dan ukuran pengetahuan untuk K-ekonomi. Selain itu, Syarikat-syarikat Strategik K-ekonomi layak mendapat Insentif Taraf Perintis atau Elaun Cukai Pelaburan seperti yang diumum dalam Bajet tahun 2002/2003.

Graf 1
Penunjuk-K - Perbandingan antara Negara Terpilih



Notes:
* - per 1,000 penduduk
@ - per 1,000 penduduk x 100
# - per 1,000 penduduk / 100
$ - % daripada KDNK x 100
~ - mata indeks x 100
^ - % kemasukan x 30

Sumber: The World Competitiveness Yearbook 2001

Dalam jangka terdekat, perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dijangka mendapat faedah yang banyak daripada beberapa inisiatif penting yang dibentangkan seiring dengan Pelan Induk K-ekonomi. Dana modal teroka berjumlah RM500 juta telah diwujudkan bagi menyediakan pembiayaan ekuiti untuk syarikat-syarikat di dalam tiga sektor ICT. Sebuah lagi dana berjumlah RM1.6 bilion yang ditubuhkan oleh Kerajaan secara usaha sama dengan *Japan Bank for International Co-operation*, juga ditujukan kepada firma-firma di dalam sektor ICT. Inisiatif untuk merangsang firma berintensif pengetahuan tidak hanya terhad kepada bantuan kewangan. Kerajaan juga menggalakkan penubuhan rangkaian pengurusan bekalan global yang dikenali sebagai RosettaNet Malaysia dan memperuntukkan RM5 juta bagi penubuhannya. Kemudahan ini akan membolehkan syarikat-syarikat Malaysia, termasuk PKS menggunakan perolehan masa benar dalam talian, pengurusan pengeluaran dan logistik, terutamanya bagi produk-produk berteknologi tinggi.

Membangunkan bekalan pekerja yang mencukupi dengan kemahiran yang bersesuaian merupakan faktor terpenting bagi memastikan kelancaran dan kejayaan peralihan ke arah K-ekonomi. Pelan telah menyarankan beberapa strategi khusus untuk membangun dan mendapatkan golongan sumber manusia berasaskan pengetahuan melalui pembangunan dalam bidang pendidikan, latihan dan latihan semula kemahiran, pembelajaran sepanjang hayat dan pengambilan pakar-pakar asing. Bagi menggalakkan latihan dan latihan semula, potongan cukai di dalam bentuk potongan dua kali untuk perbelanjaan latihan diberikan bagi latihan modal manusia. Program Kepulangan Saintis telah dipulihkan dan berkuatkuasa 1 Januari 2001 bagi menarik pakar-pakar Malaysia dari luar negeri untuk kembali dan berkhidmat dalam bidang-bidang kepakaran mereka termasuk IT, sains dan teknologi, industri, kewangan, perakaunan, dan perubatan serta kesihatan. Terdapat juga pelan untuk meningkatkan kualiti pelatih-pelatih dalam bidang pendidikan yang berlainan. Sebagai contoh, baru-baru ini, Kerajaan mengumumkan kenaikan kelulusan masuk bagi guru-guru di sekolah rendah daripada kelulusan diploma atau pra-universiti kepada ijazah universiti.

Kesimpulan

Pelan Induk K-ekonomi tidak menyaran perubahan sedikit demi sedikit dengan keutamaan diberikan kepada sektor-sektor berintensif pengetahuan (atau ekonomi "baru"). Tetapi, ia menyarankan satu pendekatan secara holistik untuk membangunkan sektor-sektor tersebut sambil memasukkan kandungan pengetahuan yang lebih tinggi ke dalam sektor-sektor pengeluaran (atau ekonomi "lama"). Pelan tersebut bukan hanya menyediakan rangka tindakan bagi pembangunan makroekonomi tetapi juga memberikan perhatian yang sewajarnya terhadap isu-isu pengagihan dan pemberian kuasa. Dalam suasana saingan yang bertambah hebat, terutamanya saingan hebat daripada pesaing yang sedia ada dan baru muncul, Pelan tersebut merupakan elemen penting di dalam peringkat penstrukturan semula ekonomi semasa Malaysia bagi mencapai pertumbuhan sejajar dengan keluaran potensi untuk mencapai Visi 2020. Peralihan yang lancar memerlukan penubuhan segera infrastruktur institusi bagi pengawasan dan pelaksanaan serta kesediaan dan kapasiti sektor swasta dan awam untuk menerima anjakan paradigma dalam jangka masa yang pendek. Seperti pelan pembangunan yang lain, Pelan Induk K-ekonomi juga tertakluk kepada kajian semula berkala bagi menilai kemajuan dan menyelaraskan semula dasar-dasar dengan suasana dalam negeri dan antarabangsa yang berubah-ubah.

Jepun). Pertumbuhan adalah lebih kukuh pada separuh tahun kedua, apabila beberapa industri pulih daripada kemerosotan pada separuh tahun pertama. Ini termasuklah industri keluaran kimia yang pulih berikutan permintaan yang lebih kukuh dari Amerika Syarikat (AS); industri pemprosesan di luar estet berikutan pengeluaran yang meningkat kesan daripada dasar untuk menggalakkan aktiviti hiliran serta harga yang lebih tinggi; dan industri keluaran getah berikutan pemulihan permintaan eksport. Penutupan pelabuhan Pantai Barat AS pada awal bulan Oktober tidak memberi kesan yang besar terhadap eksport perkilangan Malaysia ke AS memandangkan sebahagian besar daripada eksport ke AS adalah elektronik, yang diangkut terutamanya melalui udara.

Pertumbuhan permintaan dalam negeri yang berterusan telah menyebabkan pengembangan dalam **industri berorientasikan pasaran tempatan**, meskipun pada kadar yang lebih sederhana. Pengembangan dalam industri kelengkapan pengangkutan, barangan berkaitan pembinaan, keluaran kertas dan keluaran makanan adalah disokong oleh pertumbuhan perbelanjaan awam dan swasta. Pertumbuhan adalah lebih kukuh pada separuh tahun pertama disebabkan oleh prestasi yang kukuh dalam industri pembinaan dan automobil. Terdapat sedikit penyederhanaan dalam pengeluaran industri-industri tersebut pada separuh tahun kedua disebabkan oleh permintaan yang lebih lemah bagi kenderaan penumpang dan gangguan bekalan pekerja dalam sektor pembinaan berikutan

Graf 1.9
Penggunaan Kapasiti Industri Berorientasikan Eksport



Graf 1.10
Penggunaan Kapasiti Industri Berorientasikan Pasaran Tempatan



pelaksanaan langkah-langkah pentadbiran yang lebih ketat terhadap pekerja asing.

Walaupun AS terus kekal sebagai destinasi utama bagi eksport perkilangan Malaysia, tetapi dalam beberapa tahun kebelakangan ini terdapat peningkatan yang nyata dalam bahagian dan permintaan dari pasaran serantau. Arah aliran peningkatan bahagian pasaran perdagangan di Asia Timur adalah disokong dengan kukuh oleh kemunculan Republik Rakyat China sebagai pengimport terbesar di rantau ini. Permintaan dalam negeri yang kukuh di Republik Rakyat China serta peningkatan pesatnya sebagai pangkalan pengeluaran bagi syarikat-syarikat multinasional telah menjana sumber permintaan tambahan bagi barang penggunaan akhir dan pengantara dari Malaysia dan lain-lain negara di rantau ini. Oleh itu, eksport barangan perkilangan Malaysia ke Republik Rakyat China dan Hong Kong China berkembang dengan kukuh melebihi 20% untuk mencakup bahagian pasaran yang lebih besar masing-masing sebanyak 4.7% dan 6.4% daripada jumlah eksport perkilangan Malaysia (2001: masing-masing sebanyak 3.9% dan 5%). Sebahagian besar daripada eksport ke destinasi tersebut terdiri daripada elektronik, barangan elektrik dan keluaran kimia. Eksport barangan perkilangan ke lain-lain negara Asia Utara, terutamanya China Taipei dan Korea turut mencatat pertumbuhan dua angka dan menyebabkan bahagian pasaran mereka meningkat masing-masing kepada 3.7% dan 2.6% (2001: masing-masing sebanyak 3.4% dan 2.3%). Elektronik, barangan elektrik, keluaran kimia dan kayu mencakup sebahagian besar daripada barangan perkilangan yang dieksport ke negara-negara tersebut.

Industri elektronik pulih untuk mencatat peningkatan yang kukuh dalam pengeluaran dan eksport. Pemulihan adalah disokong terutamanya oleh pemulihan permintaan separa konduktor global, khususnya dari pasaran Asia. Pada tahun 2002, rantau Asia Pasifik mengambil alih tempat AS sebagai pembeli utama separa konduktor global. Khususnya, permintaan cip bagi aplikasi tanpa wayar mengalami pengembangan yang paling kukuh disebabkan oleh peningkatan yang nyata dalam langganan baru perkhidmatan telefon mudah alih dan model baru bagi telefon selular. Di samping itu, sesetengah pengeluar elektronik telah mencapai kemajuan dalam rantaian nilai daripada aktiviti pemasangan dan pembungkusan kepada aktiviti penuh yang melibatkan kerja-kerja rekaan dan ujian untuk menarik lebih banyak kontrak khidmat luaran. Oleh itu, Malaysia dapat mengekalkan daya saingnya

Graf 1.11
Pengeluaran dan Eksport Industri Elektronik



dan menjadi pusat pengeluaran yang bernilai tambah tinggi bagi kebanyakan syarikat multinasional elektronik yang utama. Penstrukturan semula syarikat multinasional juga membolehkan syarikat elektronik Malaysia memperoleh manfaat pemindahan pengeluaran dari lain-lain pusat pengeluaran berkos tinggi ke Malaysia.

Pengeluaran **barangan elektrik** terus merosot pada tahun 2002 disebabkan pengeluar menghadapi persaingan sengit dari negara-negara berkos rendah, terutamanya bagi segmen keluaran pandang-dengar dan komunikasi. Kesannya, jumlah dan harga eksport barangan elektrik terus merosot. Hanya pengeluaran penyaman udara terus berkembang ekoran permintaan

Graf 1.12
Prestasi Pengeluaran Industri-industri Berorientasikan Eksport Terpilih



yang lebih tinggi dari pasaran AS. Oleh itu, eksport ke AS, iaitu pasaran terbesar Malaysia bagi barangan elektrik pulih untuk mencatat pertumbuhan pada tahun 2002, sementara eksport ke negara-negara utama yang lain merosot.

Pengeluaran **industri keluaran kimia** pulih untuk mencatatkan pertumbuhan positif, disebabkan terutamanya oleh pemulihan dalam industri elektronik dan pemulihan permintaan bagi kimia organik, resin dan keluaran plastik dari negara-negara Asia Pasifik. Pada tahun 2002, Republik Rakyat China telah mengambil alih tempat Singapura sebagai pasaran eksport terbesar tunggal bagi keluaran kimia Malaysia. Industri ini juga mempunyai hubung-kait yang kukuh dengan aktiviti ekonomi dalam negeri, terutamanya dalam industri kereta dan pembinaan, yang menghasilkan permintaan yang lebih tinggi bagi cat, varnis dan lakuer.

Industri tekstil dan pakaian terus menghadapi persaingan dari negara-negara berkos pengeluaran rendah sehingga menyebabkan eksport dan pengeluaran terus merosot pada tahun 2002. Permintaan dari pembeli-pembeli utama, iaitu AS, United Kingdom, Jepun, Singapura dan Hong Kong China terus merosot.

Pengeluaran **industri pemprosesan di luar estet** terus berkembang, disokong terutamanya oleh aktiviti pemprosesan minyak sawit dan pengilangan semula getah yang lebih tinggi. Sementara itu, **industri keluaran getah** terus berkembang, disokong oleh permintaan yang mapan dari AS bagi sarung tangan getah yang diguna dalam sektor perubatan, pemprosesan makanan, perkilangan dan isi rumah. Industri sarung tangan getah tempatan, yang mencakupi lebih kurang 75% daripada nilai eksport keluaran getah, terus menghadapi persaingan yang sengit dari Negeri Thai dan bahan sintetik gantian. Pengeluaran **keluaran petroleum** merosot, mencerminkan pengeluaran yang lebih rendah dalam aktiviti penapisan minyak mentah, dan lain-lain derivatif petroleum dan arang batu. Penutupan sebuah loji penapis utama untuk tujuan penyelenggaraan telah menjejaskan aktiviti penapisan pada tahun 2002.

Kemerosotan dalam pengeluaran **industri keluaran kayu** pada tahun 2002 mencerminkan aktiviti pengilangan papan dan pengeluaran papan lapis yang lebih rendah. Walau bagaimanapun, eksport keluaran kayu meningkat pada tahun 2002 disebabkan oleh pemulihan harga papan lapis dan kayu digergaji serta peningkatan permintaan dari Korea, Kanada dan Negeri Thai. Eksport perabot juga meningkat dengan kukuh, didorong oleh pasaran perumahan yang kukuh di AS, terutamanya pada separuh tahun pertama. Meskipun prestasi eksport menggalakkan, keluaran berasaskan kayu Malaysia terus menghadapi persaingan daripada keluaran gantian seperti PVC dan besi di pasaran global.

Peningkatan dalam pemasangan kenderaan bermotor dan bahagian-bahagiannya dan aksesori kenderaan bermotor terus menyokong pengembangan dalam **industri kelengkapan pengangkutan** pada tahun 2002. Pada sebahagian besar tahun 2002, permintaan bagi automobil kekal kukuh disebabkan oleh kadar faedah yang rendah dan insentif menarik yang ditawarkan oleh pengeluar. Walau bagaimanapun, jualan kereta menyederhana pada penghujung tahun disebabkan oleh ketidakpastian mengenai harga kereta pada masa hadapan apabila Malaysia melaksanakan pengurangan tarif bagi kereta import di bawah AFTA. Kesannya, pertumbuhan pengeluaran industri kelengkapan pengangkutan juga menjadi sederhana pada separuh kedua tahun 2002.

Pengeluaran **barangan berkaitan pembinaan** terus berkembang pada tahun 2002 disebabkan terutamanya oleh aktiviti pembinaan yang lebih tinggi, khususnya pada separuh pertama tahun 2002, yang menyumbang kepada peningkatan

Graf 1.13
Prestasi Industri-industri Berorientasikan Pasaran Tempatan Terpilih



permintaan bagi keluaran besi dan keluli. Bagi keseluruhan tahun 2002, pertumbuhan sektor tersebut adalah menyeluruh. Keluaran galian bukan logam, dan keluaran logam bukan ferum meningkat berikutan peningkatan permintaan bagi simen dan keluaran konkrit serta keluaran struktur tanah liat. Permintaan yang lebih tinggi bagi kaca, keluaran seramik, simen dan bahan fabrikasi pembinaan dari Republik Rakyat China, AS dan Jepun juga menyokong pertumbuhan pada tahun tersebut. Walau bagaimanapun, pertumbuhan pengeluaran industri-industri tersebut menyederhana pada separuh tahun kedua disebabkan terutamanya oleh gangguan bekalan pekerja dalam sektor pembinaan, berikutan penghantaran balik pekerja asing pada tahun 2002. Perkembangan ini, sedikit sebanyak telah menjejaskan prestasi keseluruhan industri berorientasikan pasaran tempatan pada separuh tahun kedua.

merosot disebabkan oleh kehilangan bahagian pasaran, terutamanya di Hong Kong China.

Sektor Pembinaan

Pada tahun 2002, pertumbuhan **sektor pembinaan** kekal pada kadar 2.3%. Pertumbuhan ini disokong terutamanya oleh perbelanjaan Kerajaan yang lebih tinggi terhadap projek infrastruktur, serta permintaan isi rumah untuk rumah kediaman. Walau bagaimanapun, aktiviti pembinaan di subsektor bukan kediaman masih tertumpu kepada projek yang sedia ada memandangkan terdapat banyak ruang pejabat dan perniagaan yang masih belum dihuni.

Di **subsektor kejuruteraan awam**, pertumbuhan dirangsang oleh perbelanjaan Kerajaan Persekutuan yang lebih tinggi terhadap projek yang berkaitan dengan pembinaan, terutamanya projek di subsektor pengangkutan, pendidikan, perumahan dan utiliti awam. Salah satu daripada projek awam utama yang masih dalam pembinaan ialah projek landasan elektrik berkembar antara Rawang dan Ipoh. Projek jalan raya yang diswastakan termasuk Jalan Lingkaran Kajang, Jalan Lingkaran Luar Butterworth, Lebuh Raya Koridor Guthrie, Lebuh Raya Baru Pantai, Pakej C Lebuh Raya SPRINT dan Lebuh Raya Kajang-Seremban turut menyokong aktiviti di sektor pembinaan. Kerja pembinaan yang masih dilaksanakan ialah projek pembinaan loji jana kuasa, landasan kereta api, pelabuhan dan pembetungan. Antara projek utama yang diswastakan yang masih dalam peringkat pembinaan pada tahun 2002 ialah Sistem Monorel Kuala Lumpur, loji jana kuasa seperti Konsortium Teknologi Tenaga Perlis, TNB Janamanjung dan Loji Pengeluar Jana Kuasa Persendirian berasaskan gas yang terletak di Prai, Melaka dan Perak. Projek Lingkaran Rel Ekspres telah disiapkan pada tahun 2002.

Sumber utama pembiayaan projek infrastruktur jangka panjang telah beralih daripada sistem perbankan kepada Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad (BPIMB) dan pasaran sekuriti hutang swasta. Pinjaman yang dikeluarkan oleh BPIMB untuk projek infrastruktur meningkat kepada RM3 bilion pada tahun 2002 (2001: RM2.6 bilion), mencerminkan terutamanya pengeluaran

Pertumbuhan sektor pembinaan kekal menggalakkan, disokong oleh perbelanjaan Kerajaan yang lebih tinggi. Kadar berian pinjaman yang lebih rendah bagi pinjaman gadai janji terus menyokong permintaan untuk rumah kediaman.

Sebaliknya, pertumbuhan pengeluaran industri **keluaran logam yang direka** menyederhana pada tahun 2002. Ia dijejaskan terutamanya oleh pengeluaran keluaran logam berstruktur yang lebih rendah, khususnya pada separuh kedua tahun 2002 disebabkan oleh kelemahan dalam sektor pembinaan. Walau bagaimanapun, pengeluaran keluaran loyang, tembaga dan aluminium pulih untuk mencatat pertumbuhan marginal, dibantu oleh pemulihan dalam sektor elektronik dan telekomunikasi.

Pengeluaran **industri kertas dan keluaran kertas** berkembang dengan nyata pada tahun 2002, mencerminkan peningkatan dalam kesemua subsektor, terutamanya pengeluaran pulpa, kertas dan bahan kertas. Pengeluaran bekas penyimpan kotak daripada kertas dan kertas tebal juga meningkat dengan kukuh untuk mencatat pertumbuhan dua angka disebabkan oleh permintaan yang lebih tinggi bagi bahan-bahan pembungkusan, terutamanya daripada industri berorientasikan eksport. Walaupun permintaan yang kukuh menyokong pertumbuhan dalam **industri keluaran makanan, industri minuman** terjejas dengan teruk disebabkan oleh tahap inventori yang tinggi. Sementara itu, **industri keluaran tembakau**

Jadual 1.5
Permintaan untuk Harta Tanah Kediaman

	Separuh Pertama 2001	Separuh Kedua 2001	Separuh Pertama 2002
	Unit		
Jumlah penawaran	52,243	54,461	73,609
Jumlah permintaan	73,151	40,925	54,642
antaranya:			
- Jualan daripada pelancaran baru	29,436	23,342	32,089
- Jualan daripada pelancaran yang terdahulu[1]	43,715	17,583	22,553

[1] Diperoleh berdasarkan data harta tanah yang tidak terjual yang dikeluarkan oleh NAPIC.

Sumber: NAPIC, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta

yang lebih tinggi untuk projek Kerajaan. Kira-kira 8% daripada sekuriti hutang swasta yang diterbitkan pada tahun 2002 adalah untuk pembiayaan projek di sektor pembinaan. Pinjaman sistem perbankan yang belum dijelaskan untuk projek infrastruktur adalah lebih rendah pada RM5.2 bilion (2001: RM5.8 bilion).

Walaupun aktiviti pembinaan yang baru di **subsektor kediaman** kekal kukuh, jumlah permintaan untuk harta tanah telah menjadi sederhana. Namun begitu, permintaan untuk rumah bertanah dan mampu milik yang terletak di lokasi strategik dan mempunyai jalan perhubungan yang baik, kekal mapan. Beberapa faktor telah menyumbang kepada pembangunan rumah kediaman pada tahun 2002. Faktor yang paling ketara ialah promosi pemilikan rumah melalui pengecualian pembayaran duti setem untuk tempoh separuh pertama tahun 2002 dan pakej pembiayaan yang menarik serta kadar faedah yang amat kompetitif yang ditawarkan oleh institusi kewangan. Bagi rumah kos rendah, pengecualian duti setem dilanjutkan sehingga selepas 30 Jun 2002, sebagai langkah untuk mengurangkan kos pembelian rumah kos rendah. Menurut Persatuan Pemaju Perumahan dan Harta Tanah Malaysia (REHDA), sebanyak 86,000 unit rumah kediaman bernilai RM14 bilion telah dikecualikan daripada duti setem.

Selain menggalakkan permintaan, pengecualian duti setem tersebut telah meningkatkan penawaran bekalan rumah. Beberapa pemaju telah menyegerakan pelancaran projek perumahan mereka yang pada mulanya dirancang untuk separuh kedua tahun 2002, bagi mengambil kesempatan daripada pengecualian duti setem tersebut. Sungguhpun permintaan untuk rumah yang baru dilancarkan kekal kukuh, ianya tidak mencukupi untuk menyerap peningkatan dalam penawaran rumah kediaman

Jadual 1.6
Penunjuk Harta Tanah Kediaman

	2001	2002
	Bilangan	
Urus niaga harta tanah kediaman[1]		
Bilangan	176,208	167,567
Nilai (RMb)	22.2	21.8
Kelulusan[2]	227,260	198,970
Lesen pemaju		
Baru	1,095	1,170
Pembaharuan	413	397
Permit iklan dan penjualan		
Baru	1,014	1,134
Pembaharuan	1,461	1,666
Pinjaman dari sistem perbankan - nilai (RMb)		
Belum Dijelaskan	87.1	101.2
Diluluskan	27.0	29.2

[1] Tidak termasuk urus niaga rumah yang dikecualikan daripada duti setem.

[2] Unit yang diluluskan untuk pembinaan kepada pemaju swasta.

Sumber: NAPIC, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Bank Negara Malaysia.

ekoran pertambahan dalam pelancaran projek rumah yang baru. Prestasi jualan atau kadar pembelian rumah yang baru dilancarkan adalah lebih rendah pada 44% pada separuh pertama tahun 2002 berbanding dengan 56% pada separuh pertama tahun 2001. Data yang dikeluarkan oleh Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta menunjukkan bahawa berbanding dengan jumlah unit yang dijual pada tempoh yang sama tahun 2001, jumlah unit yang dijual pada separuh pertama tahun 2002 adalah lebih rendah, berikutan pembelian rumah yang lebih perlahan daripada pelancaran yang terdahulu.

Kelulusan pembinaan rumah yang diberikan oleh pihak berkuasa kepada pemaju swasta di Semenanjung Malaysia merosot 12% pada tahun 2002. Kemerosotan ini amat ketara terutamanya pada separuh kedua tahun tersebut, justeru menunjukkan para pemaju telah menjadi berwaspada. Walaupun jumlah kelulusan yang diberikan merosot, permit iklan dan penjualan baru serta pembaharuan permit terus meningkat. Pinjaman yang diluluskan oleh sistem perbankan untuk harta tanah kediaman juga meningkat 8.2% kepada RM29.2 bilion. Selain itu, pinjaman yang diluluskan oleh institusi kredit perumahan yang lain secara satu kumpulan turut meningkat pada tahun 2002. Seiring dengan kelulusan pinjaman yang lebih tinggi, jumlah pinjaman perumahan oleh sistem perbankan serta institusi kredit perumahan yang lain masing-masing meningkat sebanyak 16.3% dan 11.9%. Walau bagaimanapun, pada separuh kedua tahun 2002, aktiviti pembinaan menjadi sederhana akibat

Jadual 1.7
Harta Tanah yang Tidak Terjual, Penawaran Akan Datang dan Penawaran Dirancang

	Tidak Terjual		Penawaran Akan Datang[1]	Penawaran Dirancang[2]	Penawaran Akan Datang[1]	Penawaran Dirancang[2]
	Jun-02		Jun-02		Sep-02	
	Unit/ '000 meter per.	Nilai (RMb)	Unit/'000 meter per.		Unit/'000 meter per.	
Kediaman (unit)	52,419	7.1	569,283	462,303	574,773	478,477
Pejabat binaan khas ('000 meter per.)	2,662	9.9	2,415	1,892	2,253	1,884
Kompleks perniagaan ('000 meter per.)	1,404	8.4	1,479	1,772	1,418	1,768
Kedai runcit (unit)	7,740	2.2	31,143	28,666	29,690	29,727
Harta perindustrian (unit)	2,218	0.8	8,979	22,941	8,874	23,004

[1] Terdiri daripada harta tanah yang kerja pembinaannya sedang dijalankan termasuk unit dimana sijil layak menduduki/sijil layak menduduki sementara belum dikeluarkan.
[2] Diluluskan tetapi belum bermula.

Sumber: NAPIC, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta

kekurangan tenaga pekerja dan jumlah unit yang tidak terjual masih banyak. Penghantaran balik pekerja asing semenjak tamat tempoh pengampunan untuk pekerja asing tanpa izin pada 31 Julai 2002 telah menyebabkan kelewatan dalam kerja penyiapan projek perumahan. Walau bagaimanapun, langkah-langkah telah diambil untuk mengatasi masalah kekurangan pekerja dan kesan daripada masalah tersebut dijangka hanya sementara.

Mengikut definisi NAPIC, **rumah yang tidak terjual** ialah unit yang tidak terjual sekurang-kurangnya selama sembilan bulan selepas dilancarkan. Ini bermakna harta tanah yang tidak terjual sehingga akhir bulan Jun 2002 merangkumi unit daripada projek yang dilancarkan sehingga bulan September 2001 dan **termasuk unit di mana kerja pembinaan belum lagi bermula**. Pada akhir Jun 2002, data yang dikumpul oleh NAPIC menunjukkan bahawa harta tanah kediaman yang tidak terjual meningkat 27.9% kepada 52,419 unit, berbanding dengan 40,977 unit pada akhir tahun 2001, sementara dari segi nilai, peningkatan adalah sebanyak 27.8% kepada RM7.1 bilion. Walau bagaimanapun, unit yang tidak terjual mencakup hanya 1.8% daripada jumlah stok rumah yang telah siap dibina.

Jumlah unit rumah yang tidak terjual yang lebih tinggi pada akhir bulan Jun 2002 adalah disebabkan oleh peningkatan dalam pelancaran projek perumahan yang baru pada suku kedua dan ketiga tahun 2001. Pada masa yang sama, unit rumah yang dijual meningkat dengan sederhana. Bahagian unit rumah yang telah berada di pasaran selama lebih daripada 24 bulan merosot kepada 42% (Jun 2001: 51%), manakala bahagian unit yang tidak terjual selepas dipasarkan selama 10 hingga 18 bulan pula meningkat dengan ketara (47%; Jun 2001: 34%). Bahagian terbesar unit yang tidak terjual (56%) adalah rumah yang berharga antara RM50,000 hingga RM150,000, manakala rumah yang berharga lebih daripada RM250,000 mencakup sebanyak 6% sahaja. Rumah kos rendah mencakup 12% daripada jumlah harta tanah kediaman yang tidak terjual. Dua pertiga daripada jumlah unit yang tidak terjual masih dalam peringkat pembinaan, 12% merupakan unit yang telah siap dibina, sementara baki 21% merupakan unit di mana kerja pembinaan belum bermula. Rumah yang tidak terjual tertumpu di Johor, Selangor, Pulau Pinang dan Kuala Lumpur.

Faktor lokasi sesuatu projek perumahan merupakan penyebab utama kepada kurangnya permintaan terhadap unit yang tidak terjual. Kadar jualan adalah rendah terutamanya untuk rumah yang terletak di luar kawasan utama atau di kawasan yang kurang kemudahan infrastruktur seperti sekolah dan sistem pengangkutan yang bersepadu. Permintaan untuk unit kediaman yang ditawarkan oleh pemaju yang mempunyai reputasi yang baik dan terletak di lokasi yang sudah dimajukan, kekal kukuh. Satu lagi faktor yang turut mempengaruhi permintaan terhadap harta tanah yang dipasarkan selama lebih daripada 24 bulan ialah isu mengenai sijil kelayakan menduduki yang belum selesai.

Berikutan kelonggaran yang diberikan kepada garis panduan Jawatankuasa Pelaburan Asing yang

Graf 1.14
Penawaran Baru Ruang Pejabat Dibina Khas di Lembah Klang[1]: 1999 - 2002



[1] Merujuk kepada Kuala Lumpur dan Selangor
[2] Merujuk kepada akhir tempoh

Sumber: NAPIC, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta

Graf 1.15
Penawaran Baru Ruang Perniagaan di Lembah Klang[1]: 1999 - 2002



[1] Merujuk kepada Kuala Lumpur dan Selangor
[2] Merujuk kepada akhir tempoh

Sumber: NAPIC, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta

berkuat kuasa pada bulan April 2001, pembelian harta tanah kediaman di Malaysia oleh pembeli dari luar negeri meningkat. Pada tahun 2002, jumlah nilai pembelian oleh pembeli dari luar negeri meningkat 35% kepada RM590 juta. Harga rumah juga kekal stabil di kawasan terpilih di Lembah Klang, mencerminkan permintaan yang berterusan di kawasan tersebut.

Aktiviti pembinaan di **subsektor bukan kediaman** terus lembap, dengan pembinaan pejabat yang dibina khas dan ruang perniagaan pada tahun 2002 disokong terutamanya oleh projek-projek yang sedang berjalan. Walaupun jumlah ruang pejabat dan perniagaan yang tidak dihuni berkurangan pada separuh pertama tahun 2002, ianya terus mencakup bahagian terbesar daripada harta tanah yang tidak terjual (65%; Disember 2001: 69%). Projek pejabat baru yang mula dibina pada sembilan bulan pertama tahun 2002 mencakup hanya 2% daripada jumlah ruang pejabat yang masih dalam pembinaan. Sementara itu, bagi pusat beli-belah pula, projek baru merupakan hanya 1% daripada jumlah ruang perniagaan yang masih dalam pembinaan. Dengan berkurangnya jumlah ruang yang akan ditawarkan pada masa akan datang, purata kadar penghunian ruang pejabat dan kompleks perniagaan kekal stabil masing-masing pada 78% dan 77% pada akhir September 2002. Di Lembah Klang, walaupun ruang pejabat dan perniagaan yang telah siap dibina meningkat pada sembilan bulan pertama tahun 2002, kadar penghunian terus meningkat, menunjukkan permintaan kekal kukuh, terutamanya untuk projek yang terletak di lokasi terpilih. Jumlah urus niaga harta tanah komersial masing-masing meningkat sebanyak 9% dan 3% dari segi jumlah dan nilai.

Kadar sewa bulanan untuk ruang pejabat utama di Lembah Kelang merosot kepada RM45 semeter persegi, memandangkan bakal penyewa memilih bangunan yang baru. Ini menyebabkan kadar sewa untuk bangunan lama merosot. Sementara itu, purata kadar sewa bulanan untuk ruang perniagaan utama di kompleks perniagaan meningkat kepada RM226 semeter persegi (2001: RM215 semeter persegi) walaupun kadar tersebut masih lagi rendah berbanding dengan paras sewa sebelum berlakunya krisis ekonomi. Di lokasi yang kurang popular, kadar sewa ruang pejabat dan perniagaan pula kekal rendah untuk menarik penyewa.

Graf 1.16
Purata Sewa Bulanan bagi Ruang Pejabat dan Ruang Perniagaan Utama di Lembah Klang[1]



[1] Merujuk kepada Kuala Lumpur & Selangor

Sumber: CH Williams Talhar & Wong Sdn. Bhd.

Jadual 1.8
Ruang Pejabat dan Ruang Perniagaan - Ruang Tidak Diisi, Penawaran Akan Datang dan Penawaran Dirancang mengikut Negeri (pada akhir-September 2002)

	Ruang Pejabat			Ruang Perniagaan		
	Ruang Tidak Diisi	Penawaran Akan Datang[1]	Penawaran Dirancang[2]	Ruang Tidak Diisi	Penawaran Akan Datang[1]	Penawaran Dirancang[2]
	('000 meter per.)					
WP Kuala Lumpur	1,509	1,170	1,037	321	667	738
Selangor	465	58	0	148	254	63
WP Putrajaya	0	295	155	0	0	0
Johor	208	254	430	289	182	855
Pulau Pinang	253	93	47	270	172	28
Negeri Sembilan	25	31	132	47	72	57
Perak	40	52	6	59	7	0
Melaka	16	12	0	56	9	0
Kedah	22	38	6	72	20	21
Pahang	9	14	51	36	0	6
Terengganu	13	2	0	5	7	0
Kelantan	10	5	20	2	19	0
Perlis	0	34	0	0	0	0
Sabah	155	169	0	28	0	0
WP Labuan	40	0	0	15	0	0
Sarawak	57	26	0	34	9	0
Jumlah	**2,822**	**2,253**	**1,884**	**1,382**	**1,418**	**1,768**

[1] Terdiri daripada harta tanah yang kerja pembinaannya sedang dijalankan termasuk unit dimana sijil layak menduduki/sijil layak menduduki sementara belum dikeluarkan.

[2] Diluluskan tetapi belum bermula.

Sumber: NAPIC, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta

Pada tahun 2002, Kerajaan telah menjalankan rombakan yang besar terhadap perundangan yang berkaitan dengan pembangunan perumahan untuk melindungi kepentingan para pembeli rumah. Pindaan telah dibuat terutamanya terhadap Akta Pemaju Perumahan. Akta Pemaju Perumahan yang baru (Pengawalan dan Pelesenan) (Pindaan) 2002, yang berkuat kuasa pada 1 Disember 2002, dan empat peraturan baru yang diperkenalkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaaan Tempatan, akan menambah kuasa penyiasatan dan penguatkuasaan pihak berkuasa di samping membolehkan pemantauan yang lebih rapi terhadap status pembangunan perumahan. Selain itu, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah telah ditubuhkan untuk mendengar tuntutan para pembeli rumah terhadap pemaju yang tidak bertanggungjawab untuk jumlah tuntutan yang bernilai kurang daripada RM25,000. Satu lagi ciri utama pindaan tersebut ialah keperluan deposit minimum sebanyak RM200,000 bagi setiap permohonan dan pembaharuan lesen pemaju.

Di bidang **perhotelan**, sejumlah 102 buah hotel baru siap dibina pada tahun 2002 dengan menawarkan sebanyak 5,785 buah bilik tambahan. Purata kadar penginapan di hotel kekal stabil pada 58%. Walau bagaimanapun, dengan jumlah ketibaan pelancong yang bertambah kepada 13.3 juta orang pada tahun 2002, kadar penghunian bilik hotel meningkat di beberapa buah bandar utama di Pulau Pinang, Johor Bahru dan Melaka.

Sektor Pertanian

Pada tahun 2002, sektor **pertanian, perhutanan dan perikanan** (pertanian) mendapat manfaat yang ketara daripada harga komoditi pertanian utama sedunia yang pulih dengan nyata. Perolehan eksport daripada pertanian meningkat dengan nyata sebanyak 31.9%, berikutan peningkatan ketara bagi semua komoditi pertanian utama, dalam keadaan kekangan penawaran sedunia disebabkan cuaca yang kurang menggalakkan. Harga minyak sawit, getah, kayu balak dan koko masing-masing meningkat sebanyak 52.4%, 28.7%, 16.6% dan 66.9%. Sungguhpun harga dan permintaan luar negeri meningkat, nilai ditambah sektor pertanian hanya meningkat 0.3% pada tahun 2002, dikekang oleh faktor penawaran. Namun begitu, peningkatan harga dan pendapatan yang ketara memberi kesan pengganda yang besar terhadap permintaan penggunaan persendirian dan keseluruhan pertumbuhan KDNK pada tahun tersebut. Ini memandangkan sektor pertanian merupakan aktiviti luar bandar yang penting dan menyediakan pekerjaan kepada 15% daripada jumlah tenaga pekerja di Malaysia. Harga komoditi yang lebih tinggi memberi manfaat kepada kira-kira

Jadual 1.9
Sektor Pertanian: Nilai ditambah, Pengeluaran dan Eksport

	2001		2002*a*	
	Jumlah dan Nilai	Perubahan tahunan (%)	Jumlah dan Nilai	Perubahan tahunan (%)
Nilai ditambah (RM juta pada harga tahun 1987)	**18,269**	**1.8**	**18,330**	**0.3**
Pengeluaran[1]				
di antaranya:				
Minyak sawit mentah	11,804	8.9	11,908	0.9
Getah	547	-11.1	588	7.6
Kayu balak	18,923	-18.0	19,709	4.2
Biji koko	58	-17.9	48	-16.6
Eksport (RM juta)	**19,966**	**-13.2**	**26,340**	**31.9**
di antaranya:				
Minyak sawit				
('000 tan)	10,466	18.1	10,866	3.8
(RM/tan)	944	-15.9	1,366	44.7
(RM juta)	9,876	-0.7	14,838	50.2
Getah				
('000 tan)	822	-16.0	928	12.9
(sen/kilogram)	230	-12.7	269	17.0
(RM juta)	1,886	-26.6	2,492	32.1
Kayu balak				
('000 meter padu)	4,834	-25.5	4,873	0.8
(RM/meter padu)	315	-17.9	367	16.6
(RM juta)	1,523	-38.8	1,790	17.5
Kayu siap digergaji				
('000 meter padu)	2,411	-16.2	2,335	-3.1
(RM/meter padu)	943	-10.2	954	1.2
(RM juta)	2,273	-24.7	2,228	-2.0

[1] Semua dalam '000 tan metrik, kecuali kayu balak dalam '000 meter padu.

a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia
Lembaga Minyak Sawit Malaysia
Jabatan Perhutanan (Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak)
Lembaga Koko Malaysia

500,000 keluarga pekebun kecil di sektor getah, kelapa sawit dan koko.

Peningkatan yang sedikit dalam pertumbuhan nilai ditambah sektor pertanian disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan pengeluaran minyak sawit mentah yang hampir tidak berubah, iaitu pada kadar 0.9% (8.9% pada tahun 2001). Ini sebahagian besarnya disebabkan oleh pokok kelapa sawit yang mengalami peralihan kepada hasil biologi yang lebih rendah. Namun begitu, pengeluaran getah dan kayu balak meningkat pada tahun 2002 hasil dorongan daripada kenaikan harga yang ketara dan permintaan eksport yang lebih menggalakkan. Keluaran komoditi pertanian yang lain, termasuk sayur-sayuran, buah-buahan, ternakan dan perikanan juga meningkat pada tahun 2002.

Pengeluaran **minyak sawit mentah** (MSM) kekal sebagai penyumbang tunggal terbesar kepada nilai ditambah sektor pertanian, mencakupi satu pertiga daripada keseluruhan nilai ditambah sektor. Walau bagaimanapun, pertumbuhan pengeluaran hanya bertambah sedikit disebabkan terutamanya oleh hasil yang lebih rendah. Pengeluaran MSM sebanyak 11.9 juta tan hampir tidak berubah

Graf 1.17
Pengeluaran Pertanian



berbanding dengan paras pengeluaran pada tahun sebelumnya (2001: 11.8 juta tan). Pengeluaran yang lebih tinggi hanya dicatatkan di Malaysia Timur, di mana kawasan kelapa sawit yang baru matang bertambah sebanyak 8.4% kepada 1.26 juta hektar pada tahun tersebut. Pengeluaran di Semenanjung Malaysia yang mencakupi hampir 60% daripada jumlah pengeluaran negara, merosot 6.1%, akibat daripada kemerosotan dalam hasil biologi serta kawasan pengeluaran yang berkurangan disebabkan oleh aktiviti tanaman semula yang sebahagian besarnya dijalankan pada separuh pertama tahun 2002. Berdasarkan kenaikan pengeluaran MSM yang sedikit dan peningkatan yang kecil dalam jumlah eksport, stok minyak sawit berkurangan sedikit kepada 1.1 juta tan pada akhir tahun 2002 (1.2 juta tan pada akhir tahun 2001).

Pemulihan harga minyak sawit (yang diukur oleh harga hantaran tempatan) yang bermula lewat tahun 2001 berterusan pada tahun 2002. Harga secara beransur-ansur menjadi kukuh daripada RM1,180 setiap tan pada Januari 2002 kepada RM1,449 pada Jun dan RM1,646 pada Disember. Bagi keseluruhan tahun 2002, purata harga minyak sawit adalah RM1,364 setiap tan (2001: RM895), iaitu peningkatan ketara sebanyak 52.4%. Harga MSM meningkat dengan ketara berikutan permintaan yang kukuh terhadap minyak tersebut ketika terdapat kekangan penawaran minyak sayuran yang lain. Peningkatan dalam pengeluaran minyak sawit yang sedikit serta harga minyak kacang soya yang sangat kukuh juga telah menyumbang kepada peningkatan ketara pada harga MSM. Sementara itu, stok kacang soya di negara-negara pengeluar utama telah turut terjejas oleh hasil tuaian yang lebih rendah di Amerika Syarikat serta gangguan bekalan di Argentina berikutan ketidakpastian keadaan ekonomi dan politik. Penggunaan minyak sawit oleh India, yang merupakan antara pembeli utama minyak sawit Malaysia, kekal tinggi disebabkan faktor pengeluaran bijirin tempatan yang tidak mencukupi. Sebaliknya, import oleh Republik Rakyat China meningkat dengan nyata, seterusnya mengatasi India sebagai pembeli terbesar minyak sawit Malaysia pada tahun 2002. Sungguhpun harga meningkat dengan nyata, minyak sawit kekal sebagai minyak sayuran paling kompetitif dan menjadi pilihan utama di pasaran antarabangsa pada tahun 2002. Pada tahun tersebut, harga minyak sawit mentah terus diniagakan secara diskaun, masing-masing sebanyak AS$64, AS$203 dan AS$94 setiap tan berbanding dengan minyak kacang soya, minyak bunga matahari dan minyak sesawi.

Memandangkan terdapat kekangan penawaran sedunia bagi minyak dan lelemak pada masa harga minyak sawit adalah kompetitif, jumlah eksport minyak sawit meningkat 3.8% pada tahun 2002, dengan Republik Rakyat China muncul sebagai pembeli utama, diikuti India, Kesatuan Eropah, Pakistan dan Mesir. Negara-negara ini secara berkumpulan mencakupi kira-kira 60% daripada jumlah eksport minyak sawit Malaysia. Berikutan peningkatan dalam harga dan jumlah yang dieksport, jumlah perolehan eksport minyak sawit meningkat dengan ketara sebanyak 50.2% kepada RM14.8 bilion. Dengan itu, minyak

Graf 1.18
Eksport Pertanian



a Awalan

Graf 1.19
Kelapa Sawit: Kawasan, Pengeluaran dan Hasil



a Anggaran bagi kawasan matang dan hasil pengeluaran

sawit kekal sebagai penyumbang tunggal terbesar kepada keseluruhan perolehan eksport pertanian.

Memandangkan pengeluaran MSM meningkat pada kadar purata tahunan 6.5% pada dekad yang lalu, usaha dipergiatkan untuk memastikan permintaan luar negeri yang berterusan. Ini termasuk meningkatkan bahagian pasaran di pasaran eksport yang sedia ada, menembusi pasaran baru dan meningkatkan penggunaan minyak sawit bagi barangan berasaskan sawit yang boleh dimakan dan tidak boleh dimakan. Usaha untuk meningkatkan promosi pasaran terus dijalankan oleh Lembaga Promosi Minyak Sawit Malaysia bersama dengan Bahagian Perkhidmatan Nasihat Teknikal Lembaga Minyak Sawit Malaysia (BPNT LMSM). Hasil daripada promosi ini, Malaysia berjaya menembusi enam pasaran baru, iaitu, Burkina Faso, Niger, Antigua, Surinam, Seychelles dan Mongolia. Di samping itu, langkah-langkah juga diambil untuk mengurangkan kawasan kelapa sawit yang sudah tua dan kurang produktif melalui program tanaman semula dengan baka pokok yang berhasil tinggi bagi mengurangkan kos pengeluaran.

Di bidang penyelidikan dan pembangunan, LMSM meneruskan usaha untuk mempelbagaikan penggunaan minyak sawit di industri huluan dan hiliran. Sehingga akhir tahun 2002, usaha ini telah berjaya menghasilkan sejumlah 174 teknologi/produk dengan 47 teknologi/produk dilancarkan pada tahun tersebut. Antara produk yang dibangunkan bagi industri hiliran termasuk formulasi lelemak, marjerin yang diperkaya dengan protein trans-free, komponen automobil (but dan perapi pintu, dan penutup tayar gantian), barangan kosmetik, papan blok daripada batang kelapa sawit, dakwat pencetak serta pulpa dan kertas daripada serabut kelapa sawit. Di sektor huluan, teknologi yang dimajukan termasuk mesin pemungut buah sawit lerai, penyembur pokok kelapa sawit muda dan rawatan sisa buangan.

Graf 1.20
Harga Minyak Sawit dan Stok



Perkembangan di sektor **getah asli** juga memberangsangkan pada tahun 2002. Apa yang paling ketara ialah pengeluaran getah asli bertukar arah untuk mencatatkan pertumbuhan 7.6% setelah mengalami kemerosotan dalam pengeluaran semenjak tujuh tahun yang lalu. Perkembangan ini adalah didorong oleh harga yang nyata bertambah baik, justeru membawa kepada pemulihan jumlah eksport getah buat pertama kali semenjak tahun 1997. Harga getah juga meningkat dengan ketara pada tahun tersebut dengan mengukuh kepada lebih 300 sen sekilogram semenjak pertengahan tahun 2002. Harga getah yang lebih tinggi juga mendorong kegiatan menoreh yang lebih kerap, terutamanya di kalangan pekebun kecil yang mencakupi kira-kira 85% daripada jumlah pengeluaran getah negara.

Purata harga getah yang dicerminkan oleh harga RSS1 meningkat 28.7% kepada 292 sen sekilogram, paras tertinggi yang pernah dicatatkan semenjak tahun 1996. Harga yang lebih kukuh adalah didorong oleh kekangan penawaran getah sedunia berikutan pengeluaran yang lebih rendah di Negeri Thai, iaitu pengeluar terbesar dunia, disebabkan keadaan cuaca yang tidak menggalakkan, serta peningkatan dalam permintaan sedunia. Pada tahun 2002, usaha negara-negara pengeluar utama getah untuk meningkatkan harga getah asli di pasaran antarabangsa terus menunjukkan kemajuan. Susulan daripada penubuhan Pertubuhan Getah Antarabangsa Tiga Pihak (ITRO, yang dianggotai oleh Negeri Thai, Indonesia dan Malaysia) pada Julai 2001, dengan objektif untuk memastikan harga getah antarabangsa yang setara dan menguntungkan melalui pengurusan jualan dan stok, sebuah konsortium (di bawah naungan ITRO) yang dikenali sebagai Perbadanan Getah Antarabangsa Tiga Pihak (ITRCo) ditubuhkan pada Ogos 2002. ITRCo memainkan peranan untuk menjalankan operasi pemasaran yang strategik apabila perlu.

Peningkatan jumlah eksport dan harga yang lebih tinggi menghasilkan perolehan eksport getah yang nyata lebih tinggi, iaitu sebanyak 32.1% pada tahun 2002. Eksport getah adalah lebih tinggi terutamanya ke Republik Rakyat China, Amerika Syarikat dan Perancis.

Sungguhpun bahagian pengeluaran getah dalam pertumbuhan KDNK merosot dengan nyata daripada 5% pada awal tahun 1980-an kepada 0.6% pada tahun 2002, kepentingan sosioekonominya sebagai tanaman ladang yang strategik dalam ekonomi

Malaysia masih lagi ketara. Justeru, adalah penting bagi Malaysia untuk mengekalkan pertumbuhan yang kukuh bagi sektor ini memandangkan rangkaian hubungannya yang kuat dengan industri hiliran tempatan berasaskan getah termasuk sarung tangan getah, tayar dan tiub serta kasut getah. Sektor ini juga masih menyediakan pekerjaan kepada kira-kira 265,000 keluarga di sektor pekebun kecil. Langkah-langkah untuk mengukuhkan industri ini ditumpukan kepada mempertingkat produktiviti melalui galakan penyatuan sektor pekebun kecil dan pemodenan pengurusan pengeluaran. Salah satu strategi utama yang dilaksanakan ialah untuk meningkatkan pelaburan sektor swasta melalui penggalakkan penyatuan tanah yang bersaiz tidak ekonomik bagi meningkatkan produktiviti. Sehingga kini, penyatuan dan pengurusan sektor pekebun kecil getah diterajui oleh agensi awam, manakala penyertaan sektor swasta masih lagi rendah. Oleh itu, untuk menggalakkan lebih banyak lagi penglibatan syarikat swasta dalam bidang penyatuan dan pengurusan sektor pekebun kecil dan tanah terbiar, beberapa insentif telah diperkenalkan semasa Bajet tahun 2003. Insentif tersebut adalah dalam bentuk potongan cukai ke atas jumlah pelaburan yang dibuat oleh syarikat yang melabur dalam anak syarikat milik penuh yang terlibat dalam kegiatan penyatuan, manakala anak syarikat milik penuh tersebut diberi pengecualian cukai perkhidmatan.

Pada tahun 2002, pengeluaran **komoditi pertanian lain**, termasuk buah-buahan, sayur-sayuran, ternakan dan perikanan juga mencatatkan pertumbuhan yang lebih tinggi. Peningkatan dalam pengeluaran kesemua komoditi ini yang mencakupi kira-kira 25% daripada jumlah nilai ditambah sektor pertanian mencerminkan kesan positif daripada Dasar Pertanian Negara Ketiga yang bertujuan untuk meningkatkan pengeluaran makanan dalam negeri. Pengeluaran sayur-sayuran dan buah-buahan masing-masing meningkat 19.9% dan 4.2% disebabkan terutamanya oleh kawasan tanaman yang lebih luas, termasuk Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM). Sehingga akhir tahun 2002, lebih daripada 1,840 hektar kawasan telah dibangunkan di bawah program TKPM. Pengeluaran ternakan juga meningkat 6.3% hasil daripada permintaan pengguna dan industri berasaskan makanan yang lebih tinggi. Pendaratan ikan dari subsektor marin dan akuakultur yang lebih banyak telah meningkatkan jumlah pengeluaran perikanan negara sebanyak 5.1%. Memandangkan subsektor akuakultur mempunyai potensi yang besar, Kerajaan telah mengenal pasti kawasan seluas 4,472 hektar untuk diklasifikasikan sebagai zon industri akuakultur.

Pengeluaran **kayu balak** meningkat 4.2% pada tahun 2002 seiring dengan permintaan yang lebih tinggi dari pasaran tradisional, termasuk Jepun, Republik Rakyat China dan India. Secara berkumpulan, negara-negara ini mencakupi lebih daripada 75% daripada jumlah eksport kayu balak. Perkembangan dari segi harga adalah juga positif. Selain permintaan luar negeri yang bertambah baik, kekurangan kayu balak tropika di pasaran antarabangsa berikutan pengharaman eksport kayu balak oleh Indonesia semenjak tahun 2001, menyumbang kepada harga yang lebih tinggi. Kesannya, harga eksport kayu balak Malaysia diniagakan pada harga purata yang lebih tinggi, iaitu RM367 setiap meter padu pada tahun 2002, yang meningkatkan perolehan eksport sebanyak 17.5%. Eksport kayu siap digergaji, sebaliknya terus merosot pada tahun 2002 disebabkan permintaan yang lemah daripada pembeli utama, terutamanya Eropah.

Susulan daripada keperluan terhadap keluaran kayu hutan yang diperakui berasal dari kawasan hutan yang diurus secara mapan atau "*green timber*" oleh pasaran eksport utama, terutamanya negara Eropah, skim persijilan kayu yang dijalankan oleh Majlis Persijilan Kayu Malaysia (MTCC) terus mencapai kemajuan yang menggalakkan pada tahun 2002. Setakat ini, Pahang, Selangor dan Terengganu telah diberikan Sijil Pengurusan Hutan, manakala beberapa buah negeri yang lain masih menunggu keputusan untuk mendapatkan sijil tersebut. Pada Oktober 2002, satu standard persijilan pengurusan hutan kebangsaan yang baru yang dibangunkan secara bersama oleh pelbagai pihak yang berkepentingan dalam Jawatankuasa Pemandu Kebangsaan dengan berasaskan prinsip dan kriteria Forest Stewardship Council (FSC) dan telah dibincangkan di peringkat kawasan dan kebangsaan, telah diterima untuk digunakan. MTCC juga menjadi anggota Pan European Forest Certification Council pada November 2002 di samping mengambil inisiatif untuk mempromosikan satu pendekatan ASEAN dalam melaksanakan persijilan kayu. Kayu balak yang mempunyai perakuan MTCC mula dieksport semenjak Julai 2002, dan sehingga akhir Disember, sejumlah 732 meter padu kayu siap digergaji telah dieksport ke Negeri Belanda dan United Kingdom.

Dalam kumpulan komoditi pertanian utama, hanya pengeluaran **biji koko** mencatatkan kejatuhan pada tahun 2002. Kemerosotan 16.6% dalam pengeluaran biji koko disebabkan terutamanya oleh pengurangan kawasan tanaman serta keadaan cuaca yang kurang menggalakkan, terutamanya pada separuh pertama tahun 2002. Jumlah kawasan

tanaman koko dianggarkan merosot 14% atau sebanyak 8,337 hektar pada tahun 2002. Walau bagaimanapun, usaha memulih kawasan pekebun kecil koko untuk meningkatkan produktiviti terus dijalankan oleh Lembaga Koko Malaysia. Pada akhir tahun 2002, sejumlah 3,073 hektar kawasan koko yang melibatkan 3,200 pekebun kecil berjaya dipulihkan oleh Lembaga tersebut di bawah Program Pembangunan Pekebun Kecil. Satu perkembangan positif pada tahun 2002 ialah peningkatan harga koko yang amat ketara, yang bermula semenjak Disember 2001, didorong terutamanya oleh kekangan penawaran sedunia berikutan masalah di Ivory Coast, pengeluar koko terbesar dunia. Pada Oktober 2002, harga niaga hadapan koko mencapai paras tertinggi dalam jangka masa 17 tahun. Seiring dengan perkembangan ini, purata harga eksport koko Malaysia meningkat dengan nyata kepada RM5,222 setiap tan (2001: RM3,494). Kenaikan ini berserta jumlah eksport yang lebih tinggi telah menghasilkan perolehan eksport koko yang lebih tinggi pada 2002.

Sektor Perlombongan

Nilai ditambah **sektor perlombongan** berkembang 4.5% pada tahun 2002, dengan pertumbuhan disumbangkan terutamanya oleh peningkatan dalam pengeluaran minyak mentah dan gas asli. Peningkatan dalam kapasiti pengeluaran dan permintaan luar negeri yang lebih kukuh menyumbang kepada pengeluaran minyak yang lebih tinggi pada tahun tersebut. Peningkatan dalam pengeluaran gas asli, bagaimanapun, telah didorong terutamanya oleh penggunaan dalam negeri yang lebih tinggi. Sejajar dengan arah aliran pengeluaran yang menurun semenjak beberapa tahun yang lepas, pengeluaran timah padat merosot 15.2% pada tahun 2002 disebabkan oleh penutupan beberapa buah lombong bijih timah. Bagi keseluruhan tahun 2002, perolehan eksport daripada sektor perlombongan

Jadual 1.10
Sektor Perlombongan: Nilai ditambah, Pengeluaran dan Eksport

	2001		2002*a*	
	Jumlah dan Nilai	Perubahan tahunan (%)	Jumlah dan Nilai	Perubahan tahunan (%)
Nilai ditambah (RM juta pada harga tahun 1987)	**15,892**	**1.6**	**16,603**	**4.5**
Pengeluaran				
Minyak mentah dan kondensat (tong sehari)	666,150	-2.1	700,000	5.1
di antaranya:				
Minyak mentah (tong sehari)	*579,290*	*-2.6*	*597,000*	*3.1*
Gas asli - bersih (juta kaki padu standard)	1,657,680	3.7	1,708,200	3.0
Timah padat (tan)	4,972	-21.2	4,216	-15.2
Eksport (RM juta)	**23,445**	**-12.6**	**22,406**	**-4.4**
di antaranya:				
Minyak mentah				
('000 tan)	15,077	-9.6	16,192	7.4
(AS$/tong)	25.53	-13.7	24.80	-2.9
(RM juta)	11,118	-21.9	11,597	4.3
Gas asli cecair				
('000 tan)	15,423	0.0	15,025	-2.6
(RM/tan)	721	-2.6	661	-8.3
(RM juta)	11,119	-2.7	9,932	-10.7
Timah				
('000 tan)	27	32.3	27	-0.7
(RM/tan)	16,900	-19.9	15,713	-7.0
(RM juta)	461	6.0	425	-7.7

a Awalan

Sumber: PETRONAS
Jabatan Perangkaan Malaysia
Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia

merosot 4.4% dengan kejatuhan dalam perolehan gas asli cecair dan timah telah lebih daripada mengimbangi peningkatan dalam eksport minyak mentah. Kemerosotan yang sedikit pada harga purata minyak mentah dan kejatuhan harga purata bagi semua kategori galian yang lain telah menyebabkan prestasi eksport sektor perlombongan menjadi lebih lemah pada tahun 2002.

Pengeluaran **minyak mentah** (tidak termasuk kondensat) meningkat 3.1% kepada 597,000 tong sehari pada tahun 2002, hampir menyamai sasaran paras pengeluaran bagi tahun 2002 iaitu 600,000 tong sehari di bawah Dasar Susutan Negara. Peningkatan pengeluaran minyak pada tahun 2002 adalah disebabkan oleh bermulanya operasi pengeluaran lima buah medan minyak yang baru dan permintaan luar negeri yang lebih tinggi dari pembeli-pembeli utama, terutamanya India, Jepun dan Republik Rakyat China. Jumlah pembelian dari kumpulan negara tersebut meningkat dengan ketara sebanyak 60.8% pada tahun 2002 (2001: -5.7%).

Harga minyak mentah Malaysia secara umumnya adalah sejajar dengan arah aliran di pasaran minyak sedunia. Di pasaran antarabangsa, harga minyak mentah pada tahun 2002 dipengaruhi sebahagian besarnya oleh ketidakpastian di Timur Tengah. Harga minyak kekal tinggi di kala kebimbangan akan meletusnya peperangan dan kemungkinan terjadinya gangguan bekalan minyak di negara-negara pengeluar utama. Keadaan ini diburukkan lagi oleh mogok pekerja industri minyak Venezuela pada penghujung tahun.

Harga minyak turut dipengaruhi oleh permintaan yang lemah dalam keadaan ramalan ekonomi yang kurang memberangsangkan dan ketidakpastian yang meningkat. Pertubuhan Negara Pengeksport Minyak (OPEC) memutuskan untuk mengekalkan kuota pengeluarannya pada tahun 2002 pada 21.7 juta tong sehari selepas mengurangkan pengeluaran sebanyak 1.5 juta tong sehari pada Januari. Sebaliknya, negara bukan OPEC meningkatkan penawaran sebanyak 1.3 juta tong sehari. Kesannya, jumlah penawaran minyak sedunia merosot sedikit kepada 76.6 juta tong sehari (2001: 76.8 juta tong sehari). Permintaan minyak sedunia meningkat sedikit kepada 76.9 juta tong sehari (2001: 76.5 juta tong sehari) dalam keadaan pemulihan ekonomi yang perlahan di negara-negara industri utama.

Berdasarkan perkembangan tersebut, harga minyak Brent, iaitu penanda aras bagi harga gred minyak antarabangsa, menjadi kukuh sedikit untuk berpurata AS$25.05 setong (2001: AS$24.95 setong). Harga purata eksport minyak mentah Malaysia, walaupun kekal kukuh di paras AS$24.80 setong, adalah rendah sedikit berbanding dengan harga yang dicatat pada tahun sebelumnya (AS$25.53 setong). Peningkatan dalam jumlah minyak yang dieksport menyumbang kepada perolehan hasil eksport minyak yang lebih tinggi sebanyak 4.3% pada tahun 2002.

Pengeluaran **gas asli** meningkat 3% pada tahun 2002 disebabkan oleh peningkatan dalam permintaan daripada industri jana kuasa yang menggunakan lebih daripada 70% jumlah penggunaan gas di negara ini. Tiga buah medan gas baru yang mula beroperasi juga menyumbang kepada pengeluaran gas yang lebih tinggi pada tahun 2002. Peningkatan Indeks Pengeluaran Elektrik sebanyak 4.6% juga mencerminkan penggunaan gas yang lebih tinggi di sektor jana kuasa. Selain sektor

Graf 1.21
Pengeluaran Galian



Graf 1.22
Eksport Galian



a Awalan

Jadual 1.11
Malaysia: Rizab Minyak Mentah dan Gas Asli[1]

	Pada akhir tahun	
	2001	2002
Minyak mentah		
Jumlah rizab (bilion tong)	3.20	3.61
Rizab/Pengeluaran (tahun)	14.8	16.0
Gas asli		
Jumlah rizab (trilion kaki padu standard)	87.49	87.76
Rizab/Pengeluaran (tahun)	41.7	35.7

[1] Dasar Susutan Negara telah diperkenalkan pada tahun 1980 untuk mengawal selia eksploitasi rizab minyak negara dengan menangguhkan pembangunan dan menjalankan kawalan terhadap pengeluaran medan minyak utama (yang mempunyai rizab sebanyak 400 juta tong atau lebih).

Sumber: PETRONAS

jana kuasa, sektor petrokimia tempatan juga mencatatkan penggunaan gas yang lebih tinggi memandangkan lebih banyak projek telah memulakan operasi pada tahun tersebut. Sementara itu, eksport gas asli cecair merosot 10.7% pada tahun 2002 berikutan import yang lebih rendah oleh pembeli utama yakni Jepun, di samping kemerosotan dalam harga eksport purata gas asli cecair kepada RM661/tan (2001: RM721/tan).

Pertumbuhan yang mapan di sektor perkhidmatan disokong oleh pengukuhan permintaan dalam negeri dan pemulihan aktiviti berkaitan perdagangan.

Pada tahun 2002, usaha-usaha terus dijalankan untuk meningkatkan keupayaan pengeluaran dan rizab minyak dan gas negara. Pada tahun tersebut, lima buah medan minyak baru, iaitu empat di Semenanjung Malaysia dan satu di Sabah, dan tiga buah medan gas baru di Semenanjung Malaysia telah memulakan operasi. Di samping itu, sebanyak 94 buah telaga pembangunan telah digerudi dan 60 buah telaga dibaik pulih pada tahun tersebut dan sejumlah 246,475 kilometer garisan data seismik telah diperoleh untuk tujuan penerokaan dan pembangunan. Tiga perjanjian perkongsian pengeluaran baru juga ditandatangani pada tahun 2002.

Sektor Perkhidmatan

Semenjak awal tahun 1990an, dasar-dasar terancang telah dijurus ke arah meningkatkan pertumbuhan di sektor perkhidmatan sebagai strategi mengekang defisit perkhidmatan dalam imbangan pembayaran dan mempelbagaikan sumber pertumbuhan. Pada awalnya, tumpuan adalah di bidang pelancongan, pendidikan, perkapalan, pelabuhan dan perkhidmatan kontrak dan profesional dengan matlamat untuk mengurangkan defisit di sektor perkhidmatan dalam imbangan pembayaran. Dengan mengambil pendekatan bersepadu atau asas gugusan "Strategi Perkilangan *Plus-Plus*" dalam Pelan Induk Perindustrian Kedua (1996-2005), industri adalah digalak untuk menggiatkan rantaian nilai ditambah, bukan hanya melalui pemprosesan dan pemasangan, tetapi termasuk juga pelbagai perkhidmatan seperti mempromosi jenama, reka bentuk, paten, penyelidikan dan pembangunan, francais, pemasaran, penggudangan dan logistik bersepadu. Bagi mencapai matlamat ini, insentif fiskal dan lain-lain insentif telah diperkenalkan kepada industri perkhidmatan yang kesannya telah meningkatkan kandungan perkhidmatan di sektor perkilangan. Akibatnya, sektor perkhidmatan menjadi semakin penting, berkembang pada kadar purata tahunan sebanyak 8.2% pada tempoh 1990-2002, iaitu lebih pesat daripada pertumbuhan KDNK keseluruhan sebanyak 6.5%. Sumbangan keseluruhan sektor perkhidmatan kepada KDNK meningkat daripada 46.8% pada tahun 1990 kepada 56.6% pada tahun 2002.

Sektor perkhidmatan juga kurang terdedah semasa kemelesetan ekonomi. Sebelum berlaku krisis di Asia, prestasi sektor perkhidmatan mempunyai korelasi yang tinggi dengan kitaran di sektor perkilangan yang didorong terutamanya oleh perubahan

Graf 1.23
Arah Aliran Pertumbuhan Sektor-sektor Perkhidmatan dan Perkilangan, dan Penggunaan



Graf 1.24
Arah Aliran Perkhidmatan Pengantara dan Akhir, Sektor Perkilangan dan Penggunaan



permintaan luar negeri bagi keluaran perkilangan. Walau bagaimanapun, semasa berlakunya kemelesetan global pada tahun 2001, permintaan dalam negeri menggantikan permintaan luar negeri sebagai pendorong pertumbuhan yang utama. Dengan yang demikian, prestasi sektor perkhidmatan melencong daripada kitaran perkilangan dan eksport. Walaupun sektor perkilangan merosot pada tahun 2001 dan aktiviti ekonomi keseluruhan menyederhana, pertumbuhan sektor perkhidmatan kekal mapan dan memberi sokongan kepada perkembangan keseluruhan pertumbuhan KDNK. Langkah-langkah terancang bagi menggalakkan sektor perkhidmatan sebagai enjin pertumbuhan baru serta menggalakkan penggunaan dalam negeri telah membantu membangunkan sektor tersebut dalam beberapa segi. Di samping menyokong aktiviti-aktiviti berkaitan perdagangan, sektor perkhidmatan juga menghasilkan rantaian yang lebih meluas dengan sumber pertumbuhan yang berorientasikan dalam negeri. Kesannya, sektor perkhidmatan menjadi lebih dinamik dalam menjana pertumbuhan.

Mencerminkan perkembangan di atas, pada tempoh 1990-2002, sektor perkhidmatan pengantara yang merangkumi pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi; dan kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan meningkat pada pertumbuhan dua angka, berpurata sebanyak 10.1% setahun, iaitu lebih pesat daripada pertumbuhan di sektor perkhidmatan akhir (7.1%). Kesannya, bahagian perkhidmatan pengantara kepada KDNK meningkat dengan ketara daripada 15% kepada 22%, manakala bahagian sektor perkhidmatan akhir kepada KDNK meningkat daripada 32% kepada 34%. Apa yang ketara, subsektor yang paling pesat berkembang pada tempoh tersebut adalah subsektor kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan; diikuti oleh utiliti; pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan; dan perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran.

Pada tahun 2002, sektor perkhidmatan terus berkembang sebanyak 4.5% dengan kumpulan **perkhidmatan pengantara** (4.9%) terus meningkat pada tahap yang lebih pesat daripada kumpulan perkhidmatan akhir (4.2%). Namun begitu, jika dibandingkan dengan tahun sebelum ini, perkhidmatan pengantara berkembang lebih

Jadual 1.12
Pertumbuhan di Sektor Perkhidmatan pada Harga Malar 1987

	1990 - 2002	2001	2002*a*	1990	2002*a*
	Purata pertumbuhan tahunan, %	Perubahan tahunan, %		% bahagian daripada KDNK	
Perkhidmatan	**8.2**	**5.7**	**4.5**	**46.8**	**56.6**
Perkhidmatan pengantara	10.1	8.7	4.9	14.9	22.4
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	8.7	7.5	2.9	6.7	8.6
Kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan	11.1	9.5	6.2	8.2	13.8
Perkhidmatan akhir	7.1	3.8	4.2	31.9	34.2
Elektrik, gas dan air	10.1	6.9	6.7	2.7	4.3
Perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran	7.9	3.0	2.5	13.2	14.8
Perkhidmatan kerajaan[1]	4.4	4.6	6.3	8.8	7.3
Perkhidmatan-perkhidmatan lain[2]	7.3	2.9	4.1	7.2	7.7

[1] Termasuk perkhidmatan awam (pentadbiran awam, hal ehwal luar serta keamanan dan keselamatan awam), pertahanan, kesihatan, pendidikan dan lain-lain.
[2] Termasuk bayaran sewa ke atas kediaman yang didiami oleh pemilik; perkhidmatan kemasyarakatan, sosial dan persendirian; perkhidmatan pengeluar swasta yang bukan berasaskan keuntungan kepada isi rumah; dan perkhidmatan rumah tangga bagi isi rumah.
a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

sederhana (2001: 8.7%) disebabkan terutamanya oleh penyederhanaan di subsektor telekomunikasi.

Dalam subsektor perkhidmatan pengantara, industri **pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan** berkembang sebanyak 2.9% pada tahun 2002 (2001: 7.5%). Pertumbuhan yang lebih perlahan ini mencerminkan penyederhanaan dalam aktiviti industri telekomunikasi, berikutan pengembangan yang kukuh pada tahun-tahun sebelumnya, manakala sektor pengangkutan terus berkembang dengan kukuh. Dalam industri telekomunikasi, saiz pasaran bagi telefon talian tetap menguncup sedikit kepada 4.67 juta talian pada tahun 2002 (2001: 4.71 juta) disebabkan telefon bimbit menjadi semakin popular. Jumlah pelanggan telefon bimbit terus meningkat sebanyak 23.6% (2001: 46%) kepada 9.2 juta. Pelanggan internet meningkat kepada 2.6 juta orang pada akhir tahun 2002, menunjukkan pertumbuhan sebanyak 23.6% (2001: 27.5%). Pada akhir tahun 2002, kadar penembusan internet dan telefon bimbit masing-masing adalah sebanyak 10.5% dan 37.3%.

Pertumbuhan dalam segmen pengangkutan disokong oleh lebih banyak aktiviti berkaitan perdagangan dan pemunggahan yang lebih tinggi. Aktiviti di pelabuhan-pelabuhan Malaysia kekal mapan sepanjang tahun. Penutupan pelabuhan Pantai Barat Amerika Syarikat (AS), iaitu pintu masuk utama perdagangan ke pasaran AS, selama sebelas hari pada bulan September-Oktober mempunyai kesan yang minimum ke atas perdagangan Malaysia. Ini disebabkan kebanyakan penghantaran ke AS terdiri daripada barangan elektronik, yang kebanyakannya diangkut melalui udara. Pemasangan kemudahan terkini dan juga peningkatan kualiti perkhidmatan membolehkan pelabuhan-pelabuhan Malaysia meningkatkan kapasiti pengendalian dan penyimpanan bagi mendapatkan bahagian yang lebih besar daripada kargo dan pemunggahan kontena serantau. Dengan meningkatnya kapasiti dan daya saing, jumlah truput kontena di enam pelabuhan utama terus meningkat 20.7% pada tahun 2002. Pelabuhan Klang mencakup sebahagian besar dengan mencatatkan sejumlah 4.5 juta TEU (20-kaki unit setara) pada tahun 2002. Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) pula mencatatkan satu lagi pencapaian cemerlang dengan jumlah TEU yang dikendalikan meningkat dengan ketara sebanyak 30% kepada lebih 2.6 juta (2001: 2 juta TEU), berikutan satu lagi operator syarikat perkapalan utama memindahkan pusat pemunggahan serantau mereka ke PTP.

Jadual 1.13
Penunjuk Terpilih bagi Sektor Perkhidmatan

	2001	2002*a*
	Perubahan tahunan, %	
Truput kargo di lima pelabuhan utama[1]	3.6	8.8
Truput kargo kontena di enam pelabuhan utama[2]	43.5	20.7
Penumpang KLIA	-1.3	12.8
Kargo KLIA	-13.7	19.6
Bilangan penumpang Transit Aliran Ringan[3]	16.4	3.5
Jumlah pelanggan internet	27.5	23.6
Jumlah pelanggan telefon bimbit	46.0	23.6
Jumlah sambungan talian tetap	1.8	-0.8
Premium insurans	10.8	13.3
Urus niaga BSKL (jumlah)	-27.3	12.0
Pinjaman yang belum dijelaskan dalam sistem perbankan	3.6	4.3
Ketibaan pelancong	25.0	4.0
Kadar penginapan hotel (%)	58.6	57.9
Indeks pengeluaran elektrik	8.6	4.6

[1] Termasuk Pelabuhan Klang, Pelabuhan Johor, Pelabuhan Pulau Pinang, Pelabuhan-pelabuhan Sabah and Pelabuhan Bintulu.
[2] Termasuk Pelabuhan Klang, Pelabuhan Johor, Pelabuhan Tanjung Pelepas, Pelabuhan Pulau Pinang, Pelabuhan-pelabuhan Sabah dan Pelabuhan Bintulu.
[3] Termasuk STAR and PUTRA.
a Awalan.

Sumber:
Jabatan Perangkaan Malaysia; Bursa Saham Kuala Lumpur; Malaysia Airports Holdings Berhad; Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia; Kementerian Kewangan; Pengendali-pengendali pelabuhan; Syarikat Prasarana Negara Berhad; Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia; dan Bank Negara Malaysia.

Segmen pengangkutan udara juga mencatatkan prestasi yang lebih kukuh dari segi kargo dan penumpang. Pada tahun 2002, jumlah pergerakan kargo udara meningkat 16.3% (2001: -9.3%). Sebahagiannya disebabkan oleh penggantian daripada penggunaan pengangkutan laut kepada penggunaan pengangkutan udara bagi memenuhi tempahan Krismas berikutan penutupan pelabuhan Pantai Barat AS. Jumlah penumpang di kesemua lapangan terbang di Malaysia meningkat 4.2% kepada 33.7 juta orang (2001: -0.9%). Peningkatan ini disebabkan oleh jumlah penumpang antarabangsa yang lebih ramai (4.7%) sejajar dengan peningkatan jumlah pelancong dan jumlah penumpang domestik yang meningkat (3.8%), terutamanya disebabkan oleh pengangkutan udara yang lebih murah yang ditawarkan oleh sebuah syarikat penerbangan tempatan. Dengan itu, jumlah trafik penumpang di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur meningkat 12.8% untuk mencapai 16.4 juta penumpang pada tahun 2002.

Nilai ditambah di **subsektor kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan** meningkat sebanyak 6.2% (2001: 9.5%). Pertumbuhan ini disokong terutamanya oleh perkembangan aktiviti-aktiviti pinjaman bank, khususnya bagi tujuan harta tanah kediaman dan

kereta penumpang serta peningkatan pungutan premium insurans. Pinjaman yang belum dijelaskan dalam sistem perbankan meningkat pada kadar yang lebih tinggi sebanyak 4.3% pada tahun 2002, mencerminkan pinjaman pengguna dan ahli perniagaan yang meningkat. Walaupun keuntungan bank dan pertumbuhan pinjaman adalah lebih tinggi pada tahun 2002, pertumbuhan nilai ditambah di subsektor kewangan adalah lebih sederhana. Ketika pinjaman terus meningkat, penerimaan faedah bersih dalam sistem perbankan pula adalah lebih rendah disebabkan persaingan yang sengit telah menyebabkan kadar pinjaman semakin rendah dan tebaran antara kadar pinjaman dan deposit semakin mengecil. Pada masa yang sama, subsektor harta tanah dan perkhidmatan perniagaan berkembang, disokong oleh aktiviti yang lebih pesat dalam perniagaan harta tanah dan Bursa Saham Kuala Lumpur pada separuh pertama tahun 2002.

Sejajar dengan pertumbuhan yang kukuh bagi penggunaan dalam negeri dan pelancongan, nilai ditambah bagi kumpulan **perkhidmatan akhir** yang merangkumi utiliti; perkhidmatan Kerajaan; perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran; dan perkhidmatan lain mencatatkan pertumbuhan yang lebih tinggi sebanyak 4.2% pada tahun 2002 (2001: 3.8%). **Subsektor perkhidmatan Kerajaan** meningkat pada kadar yang lebih cepat sebanyak 6.3% (2001: 4.6%) disebabkan oleh perbelanjaan emolumen yang lebih tinggi berikutan pembayaran bonus minimum sebanyak RM1,200 atau satu bulan gaji dan pelarasan gaji sebanyak 10% kepada semua kakitangan awam. Sementara itu, pertumbuhan **subsektor utiliti** kekal mapan terutamanya disebabkan oleh peningkatan dalam penggunaan elektrik bagi kesemua kategori pengguna perindustrian, komersil dan isi rumah.

Penggunaan dalam negeri yang lebih tinggi juga menyebabkan **subsektor perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran** kekal mapan dengan mencatatkan pertumbuhan sebanyak 2.5% pada tahun 2002 (2001: 3%). Perbelanjaan pengguna yang kukuh berikutan pemulihan sentimen pengguna secara beransur-ansur di sepanjang tahun 2002 serta jumlah ketibaan pelancong yang lebih tinggi pada separuh kedua tahun 2002, telah membantu perkembangan sektor ini. Industri perdagangan borong dan runcit terus mendapat faedah daripada peningkatan pendapatan boleh guna berikutan pemulihan harga komoditi yang ketara, pengurangan cukai pendapatan individu dan gaji yang lebih tinggi serta bonus akhir tahun yang diberikan kepada kakitangan Kerajaan. Di segmen runcit, peningkatan jualan juga disebabkan oleh pembukaan pusat-pusat jualan yang berkembang pesat oleh rangkaian runcit yang besar. Segmen ini juga mendapat manfaat daripada peningkatan perbelanjaan pelancong berikutan jumlah pelancong dari segmen pasaran yang berbelanja besar seperti Republik Rakyat China dan Asia Barat meningkat pada tahun 2002.

Subsektor **perkhidmatan lain** juga berkembang pada kadar yang lebih pesat sebanyak 4.1% (2001: 2.9%), disokong oleh peningkatan sektor-sektor pertumbuhan baru seperti industri pendidikan tinggi swasta dan industri kesihatan swasta. Pada akhir tahun 2002, sebanyak 20 universiti swasta dan 516 kolej swasta telah ditubuhkan di Malaysia dengan jumlah institusi pendidikan tinggi swasta yang diluluskan untuk mengambil pelajar asing juga meningkat daripada 231 pada tahun 2001 kepada 238 pada tahun 2002. Ini telah membantu meningkatkan kapasiti yang sedia ada, di institusi-institusi awam serta menjana perolehan pertukaran asing dengan menarik pelajar asing. Jumlah pelajar asing yang menuntut di institusi-institusi pendidikan tinggi swasta di Malaysia meningkat 32% kepada 22,823 orang (2001: 17,249 orang). Sementara itu, industri kesihatan swasta kini telah mengalami perubahan strategik dengan memberi tumpuan terhadap pelancongan perubatan. Bagi mencapai hasrat ini, satu Jawatankuasa Promosi Pelancongan Perubatan Kebangsaan telah ditubuhkan untuk menerajui pertumbuhan industri ini. Sehingga kini, terdapat 33 buah hospital swasta mengambil bahagian bagi memberi rawatan kepada pesakit-pesakit daripada Brunei Darussalam, Indonesia, Vietnam, Singapura, Bangladesh dan Arab Saudi.

KEADAAN PERMINTAAN DALAM NEGERI

Keadaan permintaan dalam negeri bertambah kukuh dengan ketara pada tahun 2002, disokong oleh peningkatan dalam keseluruhan perbelanjaan sektor awam yang berterusan dan peningkatan yang ketara dalam penggunaan swasta. Walaupun ketidakpastian yang nyata wujud di persekitaran luar negeri pada separuh tahun kedua, keyakinan pengguna kekal tinggi sepanjang tahun. Pendapatan boleh guna yang lebih tinggi dan

kesan positif daripada rangsangan fiskal serta kadar faedah yang rendah diperkuatkan oleh prestasi eksport yang lebih kukuh dan peningkatan yang nyata dalam harga komoditi. Dengan pengukuhan pemulihan ekonomi negara, pelaburan swasta kembali pulih daripada penurunan selama lima suku berturut-turut untuk mencatat peningkatan yang sederhana pada separuh tahun kedua. Keseluruhannya, pertumbuhan **permintaan agregat dalam negeri** (tidak termasuk stok) bertambah kukuh kepada 4.3% daripada 2.8% pada tahun 2001.

Perbelanjaan sektor awam kekal sebagai penggerak utama pertumbuhan, walaupun kadar peningkatannya menyederhana kepada 8.6%, mencerminkan terutamanya yang berkaitan dengan perbelanjaan rangsangan fiskal yang berterusan dan perbelanjaan modal yang lebih tinggi oleh Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK).

Perbelanjaan **pelaburan awam** meningkat sederhana sebanyak 4.6%. Perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan disalurkan terutamanya kepada pendidikan dan latihan bagi meningkatkan pembangunan sumber manusia dan projek jangka panjang pembinaan kapasiti produktif, termasuk infrastruktur dan teknologi maklumat dan komunikasi untuk membantu peralihan ke arah ekonomi berasaskan pengetahuan. Perbelanjaan yang lebih tinggi juga digunakan untuk pembangunan luar bandar, perkhidmatan kesihatan, projek perumahan awam berkos rendah dan perumahan bagi kakitangan yang perlu.

Jumlah perbelanjaan modal PABK juga lebih tinggi pada tahun 2002, disebabkan terutamanya oleh pengembangan dan program modenisasi beberapa PABK yang utama, seperti Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS), Tenaga Nasional Berhad (TNB), Telekom Malaysia Berhad (TMB) dan Putrajaya Holdings Sdn. Bhd. Pelaburan utama PETRONAS pada tahun tersebut termasuk projek Gas Asli Cecair Malaysia Tiga (MLNG3) yang sedang dilaksanakan, pembangunan secara berperingkat kampus Universiti Teknologi Petronas di Tronoh, Perak Darul Ridzuan dan pembelian kapal-kapal baru LNG. TNB terus memperkembang dan menaikkan taraf penjanaan kuasa, transmisi dan kemudahan penyaluran untuk memenuhi permintaan yang semakin bertambah. Perbelanjaan modal TMB adalah untuk pengembangan dan peningkatan teknologi maklumat dan komunikasi, terutamanya untuk meluaskan liputan kawasan bagi perkhidmatan Internet melalui talian tetap tanpa wayar. Perbelanjaan modal oleh Putrajaya Holdings Sdn. Bhd. adalah untuk pembangunan berterusan pusat pentadbiran Persekutuan dan perumahan di Putrajaya. Begitu juga, Silterra (Malaysia) Sdn. Bhd. dan 1st Silicon (Malaysia) Sdn. Bhd., dua PABK yang terlibat dalam aktiviti fabrikasi wafer, terus meningkatkan kapasiti kilang mereka pada tahun 2002.

Penggunaan awam terus mencatat peningkatan yang kukuh sebanyak 13.8%, disebabkan terutamanya oleh pertambahan perbelanjaan emolumen dan bekalan dan perkhidmatan. Peningkatan perbelanjaan emolumen adalah disebabkan terutamanya oleh pelarasan gaji sebanyak 10% dan pembayaran bonus kakitangan awam serta pelaksanaan skim gaji yang baru atau Sistem Saraan Malaysia (SSM) untuk kakitangan

Permintaan agregat dalam negeri terus kukuh. Pertumbuhan yang kukuh dalam penggunaan swasta membawa kepada penggunaan kapasiti yang lebih tinggi, lalu mendorong pemulihan dalam pembentukan modal swasta. Pertumbuhan penggunaan dan pelaburan disokong oleh rangsangan fiskal yang berterusan dan dasar monetari yang akomodatif serta diperkukuh oleh permintaan luar negeri yang bertambah baik.

Graf 1.25
Permintaan Agregat Dalam Negeri Benar



Jadual 1.14
Penunjuk Penggunaan Swasta

	2001	2002				
		S1	S2	S3	S4	Tahun
Jualan kereta penumpang (termasuk pacuan empat roda)						
'000 unit	343.3	92.0	97.8	99.0	86.6	375.4
Perubahan tahunan (%)	15.7	20.2	19.6	7.9	-7.1	9.4
Import barangan penggunaan						
(RM bilion)	16.6	4.3	4.7	5.0	5.3	19.3
Perubahan tahunan (%)	-2.5	6.7	12.2	22.4	22.1	15.9
Kutipan cukai						
Cukai jualan (RM bilion)	7.4	1.9	2.5	2.0	2.9	9.2
Cukai perkhidmatan (RM bilion)	1.9	0.4	0.6	0.4	0.8	2.2
Pinjaman yang dikeluarkan oleh sistem perbankan						
Kredit penggunaan (tidak termasuk kenderaan penumpang)						
Perubahan tahunan (%)	17.3	39.6	39.1	38.6	36.2	38.3
Perniagaan runcit, restoran dan hotel						
Perubahan tahunan (%)	0.6	0.2	15.6	23.7	31.0	17.0
Jualan runcit MRA						
Perubahan tahunan (%)	1.7	6.1	0.4	0.6	7.0[a]	2.5-4.0[a]
Operasi kad kredit						
Jumlah perbelanjaan (RM bilion)	23.4	6.6	6.9	7.5	8.2	29.1
Perubahan tahunan (%)	20.8	26.8	22.9	23.9	25.0	24.6
Indeks Sentimen Pengguna MIER	-	104.4	109.0	108.9	112.8	-

a Anggaran

sektor awam berkuat kuasa pada bulan November 2002. Perbelanjaan ke atas bekalan dan perkhidmatan yang lebih tinggi adalah bagi menaikkan taraf jentera pentadbiran Kerajaan untuk meningkatkan sistem pelaksanaannya.

Perbelanjaan sektor swasta pulih daripada penurunan pada tahun 2001, dengan pertumbuhan sederhana sebanyak 2% pada tahun 2002. **Penggunaan swasta** meningkat 4.2%, menunjukkan peningkatan keyakinan pengguna dalam persekitaran yang disokong oleh operasi fiskal Kerajaan, kadar faedah yang rendah dan prospek pekerjaan yang stabil dan pemulihan permintaan luar negeri. Pemangkin pertumbuhan perbelanjaan pengguna yang lebih kukuh pada tahun tersebut disebabkan oleh langkah-langkah fiskal untuk meningkatkan pendapatan boleh guna, termasuk penurunan kadar cukai pendapatan persendirian sebanyak 1-2 mata peratusan, memperluaskan lingkungan pendapatan boleh cukai untuk kumpulan berpendapatan rendah dan sederhana dan pelarasan kenaikan gaji dan bayaran bonus pada akhir tahun bagi kakitangan sektor awam. Kesan pengganda pendapatan luar bandar yang lebih tinggi daripada kenaikan ketara harga eksport komoditi telah meningkatkan penggunaan swasta dengan nyata. Persekitaran kadar faedah yang rendah dan akses pembiayaan yang mudah, menggalakkan pengguna untuk membeli barangan tahan lama dan bernilai besar, termasuk kereta dan rumah. Penunjuk utama

Jadual 1.15
Penunjuk Pelaburan Swasta

	2001	2002				
		S1	S2	S3	S4	Tahun
Jualan kenderaan perdagangan, termasuk pacuan empat roda						
'000 unit	53.1	14.3	15.0	15.6	14.6	59.6
Perubahan tahunan (%)	14.0	28.8	17.3	1.0	6.5	12.2
Import barangan modal						
(RM bilion)	41.3	10.2	12.4	11.8	11.3	45.7
Perubahan tahunan (%)	-6.5	-9.9	24.4	25.2	6.6	10.6
Permohonan kepada MITI						
Bilangan projek	837	214	220	245	162	841
Pelaburan modal (RM bilion)	16.5	3.3	3.0	10.9	1.7	18.8
Asing	11.3	1.0	1.4	8.6	0.8	11.8
Dalam negeri	5.2	2.3	1.6	2.2	0.9	7.0
Kelulusan oleh MITI						
Bilangan projek	928	191	195	208	69	663
Pelaburan modal (RM bilion)	25.8	3.6	4.0	2.9	5.9	16.5
Asing	18.9	2.7	1.8	1.3	5.4	11.2
Dalam negeri	6.9	0.9	2.2	1.6	0.5	5.3
Pinjaman yang dikeluarkan oleh sistem perbankan						
Sektor perkilangan						
Perubahan tahunan (%)	11.0	6.6	-5.0	1.8	1.2	1.0
Sektor pembinaan						
Perubahan tahunan (%)	-10.4	9.4	82.1	42.4	34.7	41.8
Perkhidmatan perniagaan						
Perubahan tahunan (%)	6.8	-18.5	16.3	-20.8	-6.5	-7.4
Sekuriti hutang swasta						
Jumlah dana yang diperoleh (RM bilion)	31.5	2.4	7.4	6.2	10.6	26.6
Tawaran Awam Permulaan (BSKL)						
Jumlah dana yang diperoleh (RM bilion)	1.7	0.6	5.6	0.4	0.3	6.8
Tinjauan Keadaan Perniagaan MIER						
Indeks Keadaan Perniagaan	-	51.9	57.5	49.9	43.0	-
Kadar Penggunaan Kapasiti	-	78.2	80.4	79.6	78.8	-
Syarikat berstatus MSC						
Bilangan syarikat	192	36	47	50	59	192
Pelaburan yang diluluskan (RM bilion)	3.5	0.5	0.6	0.7	0.8	2.7

Graf 1.26
Pelaburan Swasta Mengikut Sektor (% bahagian)

1999



2002



penggunaan seperti jualan kereta penumpang baru, import barangan penggunaan, hasil cukai jualan dan pinjaman yang diberi untuk tujuan penggunaan dan perniagaan runcit, restoran dan hotel menunjukkan peningkatan yang nyata dalam perbelanjaan pengguna pada tahun 2002.

Penurunan **pelaburan swasta** menyederhana dengan nyata pada tahun 2002 kepada 6.1% (2001: -19.9%). Dengan aktiviti ekonomi yang bertambah kukuh sejajar dengan pemulihan permintaan, perbelanjaan pelaburan swasta pulih pada separuh kedua tahun 2002. Ini dicerminkan oleh peningkatan import barangan modal, iaitu penentu utama aktiviti pelaburan, terutamanya import peralatan telekomunikasi dan pejabat serta peralatan pembinaan dan perlombongan.

Kesemua sektor utama ekonomi, kecuali sektor perkilangan, mencatat peningkatan sederhana dalam perbelanjaan modal. Arah aliran tersebut menunjukkan usaha yang diambil oleh Kerajaan untuk memperkembangkan sumber pertumbuhan dalam negeri yang baru, terutamanya dalam sektor perkhidmatan, termasuk pelancongan, nilai ditambah yang tinggi berasaskan pengetahuan dan aktiviti ekonomi berasaskan sumber dan pertanian. Dengan itu, terdapat peralihan bentuk pelaburan yang nyata,

Graf 1.27
Pelaburan Swasta dalam Sektor Perkilangan



Graf 1.28
Pelaburan Perkilangan yang Diluluskan Mengikut Sektor, 2002 (% bahagian)



dengan lebih banyak pelaburan baru disalurkan kepada bidang baru yang digalakkan dalam sektor perkhidmatan. Ini termasuk pelaburan asing dengan nilai ditambah yang lebih tinggi dan berasaskan pengetahuan dalam sektor perkhidmatan seperti penubuhan ibu pejabat operasi, pusat pengagihan serantau, dan pusat perolehan antarabangsa oleh beberapa syarikat multinasional di Malaysia. Hasilnya, bahagian pelaburan swasta di sektor perkhidmatan meningkat kepada 20% pada tahun 2002, sementara bahagian pelaburan di sektor pertanian kekal stabil. Walaupun sektor perkilangan terus mencakupi bahagian terbesar daripada jumlah pelaburan swasta, bahagiannya merosot kepada 33%.

Perbelanjaan modal di **sektor perkilangan** kekal lemah pada tahun 2002 (-20.7%) kerana firma-firma mengambil sikap berhati-hati untuk membuat pelaburan modal yang besar dalam suasana lebihan kapasiti di beberapa sektor ekonomi dan pemulihan pertumbuhan dunia yang dijangka perlahan. Namun begitu, aktiviti pelaburan pulih pada separuh tahun kedua, disokong oleh projek elektrikal dan elektronik yang berterusan dan projek petrokimia dan pengembangan kapasiti dalam industri yang beroperasi pada tahap kapasiti yang lebih tinggi seperti industri kelengkapan kenderaan dan keluaran logam asas.

Terdapat peningkatan yang nyata dalam nilai permohonan pelaburan baru yang diterima pada tahun 2002 kepada pertumbuhan positif sebanyak 13.7%, setelah mengalami penurunan yang lebih daripada separuh pada tahun 2001 (-64.3%). Kebanyakan permohonan baru diterima pada separuh tahun kedua, ketika pemulihan semakin mendapat momentum. Pertambahan yang ketara dalam nilai permohonan pelaburan yang diterima untuk sektor perkilangan adalah berikutan peningkatan keyakinan perniagaan.

Graf 1.29
Penyertaan Asing dalam Projek Perkilangan yang diluluskan Mengikut Negara, 2002 (% bahagian)



Walau bagaimanapun, jumlah nilai pelaburan di sektor perkilangan yang diluluskan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri adalah lebih rendah pada tahun 2002, berjumlah RM16.5 bilion (2001: RM25.8 bilion). Daripada jumlah pelaburan yang diluluskan, industri elektrikal dan elektronik mencakupi bahagian yang terbesar sebanyak 33.6%. Bahagian pelaburan yang besar dalam industri elektrikal dan elektronik adalah sejajar dengan pemulihan permintaan global dan penggunaan khidmat luar yang berterusan serta pemindahan lokasi oleh beberapa syarikat multinasional. Industri barangan petroleum, termasuk petrokimia adalah sektor yang kedua terbesar daripada segi pelaburan (29.4%). Selain peruntukan pelaburan yang besar untuk pengeluaran serbuk getah sintetik dan thermoplastic elastomers daripada petroleum, perbelanjaan modal dalam industri tersebut disokong oleh pengembangan dan aktiviti hiliran baru oleh syarikat petroleum selaras dengan pertambahan permintaan bagi barangan petroleum. Ini diikuti oleh sektor pengilangan makanan (6.3%), sektor kimia dan barangan kimia (4.9%) dan sektor kelengkapan pengangkutan (3.5%).

Bahagian pelaburan asing daripada jumlah permohonan dan kelulusan pelaburan, untuk aktiviti baru dan pembesaran oleh syarikat yang sedia ada, kekal tinggi disebabkan pelabur mengambil kesempatan daripada kepesatan ekonomi negara-negara Asia, termasuk Malaysia. Pelabur asing mencakupi 78.6% daripada jumlah pelaburan semula yang diluluskan pada tahun 2002. Nilai pelaburan asing yang diluluskan untuk sektor perkilangan pada tahun 2002 berjumlah RM11.2 bilion dan merangkumi 68% daripada jumlah pelaburan yang diluluskan. Lima sumber pelaburan asing yang tertinggi pada tahun 2002 adalah Jerman, Amerika Syarikat, Singapura, Negeri Belanda dan Jepun, yang keseluruhannya mencakupi 86.6% daripada jumlah pelaburan asing yang diluluskan.

Perbelanjaan modal di **sektor pembinaan** mencatat peningkatan yang sederhana pada tahun 2002, disokong oleh aktiviti beberapa projek lebuhraya yang diswastakan, termasuk Lebuh Raya Baru Pantai, Lebuh

Raya Koridor Guthrie, Jalan Lingkaran Kajang, Lebuh Raya SPRINT (laluan Penchala), Lebuh Raya Kajang-Seremban dan Jalan Lingkaran Luar Butterworth yang sedia ada. Lebuhraya Selat Kelang Utara Baru (Lebuhraya Shahpadu) telah disiapkan pada awal tahun 2002. Persekitaran kadar faedah yang rendah dan insentif fiskal terus memberi sokongan kepada pelaburan dalam subsektor kediaman.

Pelaburan di **sektor perkhidmatan** pulih dengan mencatat pertumbuhan positif pada tahun 2002. Pelaburan meliputi sebahagian besar subsektor, dari segi perbelanjaan modal untuk memperbesar dan menaik taraf infrastruktur dan keupayaan teknologi bagi memperbaiki kualiti perkhidmatan. Khususnya, pelaburan baru adalah dalam bentuk perkhidmatan yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi, termasuk pelaburan dalam subsektor perbankan dan teknologi komunikasi maklumat. Perbelanjaan modal subsektor utiliti adalah disokong oleh pembangunan projek stesen janakuasa dan bekalan air. Projek-projek tersebut termasuk Stesen Janakuasa Bebas Teluk Gong di Melaka, Stesen Janakuasa Bebas Segari di Perak Darul Ridzuan, Stesen Jana Kuasa Bebas Teknologi Tenaga Perlis, Stesen Janakuasa Bebas Prai, Stesen Janakuasa Bebas TNB Janamanjung dan fasa ketiga Projek Sungai Selangor Darul Ehsan (SSP3). Di subsektor telekomunikasi, persaingan sengit menyebabkan syarikat menggandakan usaha untuk menaikkan taraf teknologi dan mengembangkan rangkaian mudah alih bagi memenuhi pertambahan kapasiti pelanggan dan kawasan liputan baru. Pertambahan kapasiti pelabuhan yang sedia ada di Malaysia seperti Pelabuhan Barat Kelang, Pelabuhan Tanjung Pelepas dan Pelabuhan Kuantan menyokong pelaburan di subsektor pengangkutan. Walau bagaimanapun, jumlah pelaburan di subsektor tersebut adalah lebih rendah disebabkan oleh dua projek rel iaitu Lingkaran Rel Ekspres (ERL) yang telah siap dan KL-Monorel yang hampir siap.

Aktiviti pelaburan yang kukuh juga dapat dilihat di subsektor runcit, borong dan perniagaan, menunjukkan terutamanya pembukaan cawangan baru dan aktiviti pembesaran dan membaik pulih oleh peruncit yang sedia ada. Pelaburan lain yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi termasuk aktiviti kajian dan pembangunan dan logistik serta perkhidmatan sokongan melalui penubuhan pusat serantau untuk operasi multinasional, seperti pusat perolehan antarabangsa dan pusat pemprosesan serantau, operasi kewangan dan pusat khidmat pelanggan. Projek pembangunan bercampur yang utama termasuklah pembangunan *Proton City* di Tanjong Malim yang melibatkan pembinaan kilang pemasangan dan kilang pembuatan bagi pelbagai komponen kereta untuk memenuhi peningkatan permintaan kereta nasional.

Pelaburan modal **sektor perlombongan** berada dalam arah aliran yang menaik sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Ini menyebabkan bahagian pelaburan swasta di sektor berkenaan meningkat daripada 10% pada tahun 1999 kepada 14% pada tahun 2002. Sebahagian besar daripada pelaburan tersebut adalah di subsektor minyak dan gas. Prospek harga minyak mentah sedunia yang baik di samping pertambahan permintaan sedunia terus mendorong kemasukan pelaburan baru seperti aktiviti penerokaan dan tinjauan bagi medan minyak dan gas yang baru dan pembesaran kemudahan pengeluaran yang sedia ada. Di **sektor pertanian**, kesan positif insentif cukai yang terdapat dalam Bajet tahun 2001 dan 2002 serta peruntukan yang lebih tinggi di bawah Dasar Pertanian Negara telah menggalakkan penglibatan sektor swasta. Pelaburan tersebut termasuk permodenan dan integrasi aktiviti pertanian bercampur dan pengeluaran makanan dan diversifikasi kepada aktiviti bukan tradisional, seperti florikultur dan hortikultur.

Pada tahun 2002, pemulihan pendapatan nominal menyebabkan peningkatan perbelanjaan penggunaan dan pertumbuhan sederhana dalam **tabungan negara kasar (TNK)** sebanyak 7.6%. Tabungan sektor awam meningkat sebanyak 3%, mencerminkan perolehan pendapatan yang lebih tinggi berbanding dengan peningkatan perbelanjaan mengurus sektor awam. Penggunaan swasta bertambah kukuh pada tahun 2002 disebabkan oleh aliran tunai yang lebih tinggi untuk isi rumah dan sektor korporat, hasil langkah-langkah fiskal, peningkatan gaji, pemulihan permintaan luar negeri dan harga komoditi yang nyata lebih tinggi. Sementara itu, tabungan sektor swasta pulih dengan mencatat peningkatan sebanyak 12.2% pada tahun tersebut.

Keseluruhannnya, disebabkan pendapatan negara kasar meningkat pada kadar yang lebih pesat sebanyak 8.9% berbanding dengan TNK (7.6%), bahagian TNK kepada KNK kekal pada 34.4%. Kadar tabungan ini kekal tinggi berbanding negara serantau dan membolehkan Malaysia menyokong pertumbuhan ekonomi yang dibiayai terutamanya daripada sumber dalam negeri. Pemulihan pelaburan swasta pada separuh tahun kedua menyumbang

Jadual 1.16
Jurang Tabungan-Pelaburan

	2001	2002a
	(RM juta)	
Pembentukan modal dalam negeri kasar awam	48,817	51,142
Tabungan awam	53,534	55,161
Defisit / lebihan	4,717	4,019
Pembentukan modal dalam negeri kasar swasta[1]	30,867	37,026
Tabungan swasta	53,839	60,398
Defisit / lebihan	22,972	23,372
Pembentukan modal dalam negeri kasar	79,684	88,168
(% daripada KNK)	25.8	26.2
Tabungan negara kasar	107,373	115,559
(% daripada KNK)	34.8	34.4
Imbangan akaun semasa	27,689	27,391
(% daripada KNK)	9.0	8.1

a Awalan

[1] Termasuk perubahan dalam stok. Sebelum ini, perubahan dalam stok adalah dibahagikan di antara pembentukan modal dalam negeri kasar awam dan swasta.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Graf 1.30
Inflasi: Kadar Perubahan Tahunan



kepada peningkatan pembentukan modal tetap kasar (termasuk stok), yang meningkat 10.6% pada tahun 2002. Pengukuhan asas ekonomi dapat dilihat dalam imbangan tabungan-pelaburan yang lebih rendah, seperti yang ditunjukkan oleh lebihan yang lebih kecil dalam akaun semasa imbangan pembayaran sebanyak RM27.4 bilion atau 8.1% daripada KNK (2001: 9% daripada KNK).

HARGA DAN GUNA TENAGA

Harga Pengguna

Kadar inflasi kekal rendah pada tahun 2002. Inflasi utama, seperti yang diukur oleh perubahan tahunan di dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), meningkat sedikit ke tahap 1.8% pada tahun 2002 (2001: 1.4%). Walau bagaimanapun, inflasi teras, yang mengukur tekanan harga yang berkaitan dengan permintaan, menyederhana daripada 1% pada tahun 2001 kepada 0.4% pada tahun 2002. Walaupun permintaan domestik terus berkembang dengan lebih kukuh, lebihan kapasiti di beberapa sektor dalam ekonomi domestik dan harga import yang rendah mengurangkan kesan tekanan harga pada tahun ini.

Peningkatan yang kecil dalam inflasi utama pada tahun ini mencerminkan pelarasan harga terutamanya bagi sub kumpulan pengangkutan dan perhubungan. Pelarasan harga ini mencakup 10.9% daripada jumlah keseluruhan raga IHP dan menyumbang 1.4 mata peratusan kepada inflasi utama pada tahun 2002. Tidak termasuk duti import yang lebih tinggi untuk rokok dan tembakau, pelarasan harga bagi sektor pengangkutan dan perhubungan; dan produk yang berkaitan dengan petroleum mencerminkan kecenderungan ke arah mekanisme penetapan harga yang berasaskan pasaran. Secara keseluruhannya, perubahan tersebut adalah:

- Kenaikan bayaran tol sebanyak 10%, berkuat kuasa mulai 1 Januari 2002;
- Bayaran perkhidmatan telefon yang lebih tinggi berikutan struktur tarif telefon yang baru, berkuat kuasa mulai 1 Mac 2002;
- Kenaikan harga runcit minyak petrol sebanyak 10 sen mulai penghujung bulan Oktober 2001, dan kenaikan selanjutnya sebanyak 2 sen mulai 1 Mei 2002 dan 1 sen mulai 1 November 2002; dan
- Kenaikan harga diesel dan LPG sebanyak 2 sen mulai 1 Mei 2002, dan disusuli kenaikan sebanyak 2 sen mulai 1 November 2002.

Jadual 1.17
Pelarasan Harga pada Tahun 2002

Barangan	Wajaran	% Kenaikan	Sumbangan
Rokok dan tembakau	1.72	7.3	0.13
Bayaran tol	0.24	10.0	0.02
Minyak petrol	4.86	7.8	0.42
Minyak diesel	0.10	2.1	0.00
LPG	0.49	0.4	0.00
Perkhidmatan telefon	3.47	23.5	0.80
Impak pelarasan secara keseluruhan	10.88	12.6	1.37

Pelarasan dalam harga input ini semasa lebihan kapasiti dalam beberapa sektor telah mengurangkan kesan selanjutnya ke atas barangan dan perkhidmatan yang lain dan justeru itu mengawal kesan kenaikan harga ke atas barangan pengguna yang lain. Pelarasan yang lebih tinggi dalam harga runcit minyak petrol dan barangan yang berkaitan, serta bayaran perkhidmatan telefon mencerminkan perubahan keadaan pasaran yang menunjukkan kenaikan kos pengeluaran dan harga minyak mentah yang lebih tinggi. Kesan positif daripada kenaikan bayaran perkhidmatan telefon domestik ialah peningkatan dalam kualiti perkhidmatan telefon dan pencapaian perkhidmatan internet di kawasan luar bandar.

Analisa ke atas perubahan harga barangan dan perkhidmatan menunjukkan kadar inflasi utama, mencerminkan terutamanya kenaikan yang lebih tinggi bagi perkhidmatan (2.9%), khususnya perkhidmatan pengangkutan dan perhubungan. Harga sektor barangan meningkat pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 0.5%. Harga bagi barangan tidak tahan lama menyederhana disebabkan oleh pertumbuhan yang lebih perlahan bagi harga makanan di rumah kepada

Jadual 1.18
Penunjuk Inflasi

	Wajaran	2001	2002
		Perubahan tahunan %	
Indeks Harga Pengguna (2000=100)	**100.0**	**1.4**	**1.8**
di antaranya:			
Makanan	33.8	0.7	0.7
Minuman dan tembakau	3.1	4.8	4.2
Pakaian dan kasut	3.4	-2.6	-2.3
Sewa kasar, bahan api dan kuasa	22.4	1.4	0.7
Perabot, hiasan dalaman dan peralatan dan pengendalian rumah	5.3	0.1	-0.4
Perbelanjaan rawatan perubatan dan kesihatan	1.8	2.9	2.4
Pengangkutan dan perhubungan	18.8	3.6	6.6
Perkhidmatan rekreasi, hiburan, pelajaran dan kebudayaan	5.9	-0.1	0.2
Pelbagai barang dan perkhidmatan	5.5	0.7	1.1
Indeks Harga Pengguna mengikut Kawasan			
Semenanjung Malaysia	81.6	1.5	2.1
Sabah	8.9	0.6	0.8
Sarawak	9.5	0.8	1.0
Indeks Harga Pengeluar (1989=100)	**100.0**	**-5.0**	**4.4**
di antaranya:			
Pengeluaran tempatan	79.3	-6.1	5.7
Import	20.7	-0.3	-0.7
Indeks Harga Rumah (1990=100)		**-0.6**	**-**
di antaranya:			
Lembah Klang		-0.3	-
Johor Bahru		-6.0	-
Pulau Pinang		-5.2	-

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia
NAPIC, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta

0.2% pada tahun 2002 (0.4% pada tahun 2001) berikutan keadaan cuaca yang baik. Harga bagi barang tahan lama dan separa tahan lama adalah lebih rendah

Graf 1.31
Sumbangan kepada Perubahan Tahunan Indeks Harga Pengguna



pada tahun ini, disebabkan oleh penurunan harga bagi pakaian dan kasut; dan perabot, hiasan dalaman dan peralatan dan pengendalian rumah.

Harga Pengeluar

Harga pengeluar meningkat pada tahun 2002 sejajar dengan pemulihan besar dalam harga komoditi. Indeks Harga Pengeluar (IHPR) meningkat 4.4% pada tahun 2002 berbanding dengan penurunan 5% pada tahun 2001. Sebahagian besar daripada peningkatan ini disebabkan oleh harga yang lebih tinggi bagi barangan keluaran tempatan, yang mencatat peningkatan 5.7% pada tahun 2002 (2001: -6.1%) dan mencakup 79.3% daripada jumlah keseluruhan dalam raga IHPR. Ini mencerminkan harga yang lebih tinggi bagi barangan yang berkaitan dengan komoditi berikutan peningkatan besar bagi harga minyak sawit mentah, petroleum mentah dan getah pada tahun 2002. Tidak termasuk barangan yang berkaitan komoditi ini, harga pengeluar secara relatifnya kekal stabil, meningkat hanya 0.1%. Sementara itu, harga barangan yang dibayar oleh pengimport juga stabil pada tahun tersebut, disebabkan oleh lebihan kapasiti global dan persaingan sengit di pasaran yang mengurangkan kuasa penetapan harga oleh pengeluar.

Graf 1.32
Keluaran dan Guna Tenaga



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia
Bank Negara Malaysia

Perkembangan Pasaran Pekerja

Keadaan pasaran pekerja kekal menggalakkan pada tahun 2002 untuk menyokong pemulihan dalam aktiviti ekonomi. Anggaran terkini menunjukkan bahawa jumlah tenaga pekerja dan jumlah guna tenaga berkembang dengan kadar yang sederhana, masing-masing sebanyak 3.1% kepada 10.2 juta orang dan 3.2% kepada 9.8 juta pekerja. Hasilnya, kadar pengangguran berkurangan daripada 3.6% kepada 3.5%, iaitu hampir kepada tahap guna tenaga penuh. Keadaan pasaran pekerja yang lebih baik pada tahun 2002 juga dicerminkan oleh pengurangan yang ketara dalam bilangan pemberhentian pekerja serta permintaan pekerja yang lebih tinggi. Langkah-langkah telah diambil pada tahun 2002 untuk meningkatkan kualiti pekerja serta untuk menangani masalah ketidaksepadanan kemahiran dengan permintaan untuk pekerja. Pembangunan sumber manusia masih merupakan bidang yang terus diberi keutamaan dalam usaha berterusan untuk mengukuhkan ekonomi Malaysia.

Mengikut sektor, sebahagian besar daripada pekerja baru (175,000) diambil bekerja oleh sektor perkhidmatan, seterusnya meningkatkan bahagian sektor tersebut kepada jumlah **guna tenaga** kepada 52.6%. Pekerjaan baru yang diwujudkan tertumpu terutamanya di subsektor 'perkhidmatan lain' (60,000), yang merangkumi pendidikan, kesihatan dan kerja sosial, aktiviti perkhidmatan komuniti, sosial dan persendirian lain dan isi rumah persendirian dengan pekerja bergaji. Mencerminkan peningkatan aktiviti di sektor perkilangan pada separuh tahun kedua, terutamanya di subsektor elektronik, bilangan pekerjaan di sektor perkilangan juga meningkat dengan sejumlah 124,000 pekerjaan baru dihasilkan.

Jadual 1.19
Penunjuk Pasaran Pekerja

	1998	1999	2000	2001	2002*a*
Tenaga pekerja ('000)	8,884	9,152	9,616	9,892	10,199
(perubahan tahunan dalam %)	1.1	3.0	5.1	2.9	3.1
Guna tenaga (perubahan tahunan dalam %)	0.4	2.7	5.5	2.3	3.2
Kadar pengangguran (% daripada tenaga pekerja)	3.2	3.4	3.1	3.6	3.5
Produktiviti pekerja (KDNK/Guna tenaga)					
(perubahan tahunan dalam %)	-7.7	3.3	2.7	-1.8	0.9
Upah benar bagi seorang pekerja dalam sektor perkilangan					
(perubahan tahunan dalam %)	-2.4	3.1	5.0	1.7	2.9

a Anggaran

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Graf 1.33
Guna Tenaga Mengikut Sektor



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia
Bank Negara Malaysia

Mencerminkan keadaan ekonomi yang bertambah baik pada tahun 2002, bilangan pekerja yang diberhentikan berkurangan dengan ketara sebanyak 30.6% kepada 26,457, manakala bilangan yang ditawarkan Skim Pemisahan Secara Sukarela (VSS) berkurangan 22.6% kepada 21,486. Di sektor perbankan, sebanyak 1,741 pekerja menerima VSS pada tahun 2002, menjadikan jumlah pekerja yang menerima VSS ekoran daripada program penyatuan institusi perbankan tempatan kepada 5,981 pada akhir bulan Disember 2002.

Kesemua sektor utama ekonomi mencatatkan bilangan **pemberhentian** pekerja yang lebih rendah pada tahun 2002. Khususnya keseluruhan penurunan adalah disebabkan oleh bilangan pemberhentian pekerja yang lebih rendah di subsektor elektronik dan elektrikal (10,496; 2001: 17,413) serta sektor pertanian, perhutanan dan perikanan (733; 2001: 1,129). Bilangan majikan yang mengurangkan tenaga pekerja juga turut berkurangan sebanyak 10.4% kepada 1,236. Apa yang lebih memberangsangkan ialah pemberhentian pekerja akibat daripada pengurangan permintaan produk dan penyusunan semula syarikat berkurangan sebanyak separuh kepada 9,917. Mengikut kategori pekerjaan, pekerja pengeluaran dan yang berkaitan, khususnya pekerja separuh mahir, adalah kumpulan pekerja yang paling banyak diberhentikan (58%), menunjukkan bahawa langkah-langkah mengurangkan kos kebanyakannya melibatkan pekerja di peringkat bawahan. Pemberhentian pekerja profesional, teknikal dan yang berkaitan, berkurangan dengan ketara sebanyak 26%. Pekerja tempatan mencakup sebahagian besar (90.8%) daripada jumlah pekerja yang diberhentikan. Dari segi lokasi, Semenanjung Malaysia mencakup 96% daripada pekerja yang diberhentikan, dengan Pulau Pinang, yang merupakan pengeluar utama barangan elektronik, terus mencakup sebahagian terbesar (24%) daripada jumlah pemberhentian, diikuti Selangor Darul Ehsan (21%) dan Johor Darul Takzim (13%). Pada masa yang sama, guna tenaga tidak penuh berkurangan selaras dengan prestasi ekonomi yang lebih baik. Ini dicerminkan dalam penurunan bilangan pekerja yang bekerja kurang dari masa yang sepatutnya (61,959;

Graf 1.34
Pemberhentian Pekerja Mengikut Sektor



Sumber: Kementerian Sumber Manusia

Graf 1.35
Sebab-sebab Pemberhentian Pekerja



1 Penggulungan syarikat/Syarikat ditutup
2 Penjualan syarikat
3 Pemindahan syarikat ke negara asing
4 Pemindahan syarikat dalam negara
5 Kos pengeluaran tinggi
6 Kemerosotan pasaran produk
7 Penyusunan semula organisasi dan automasi
8 Lain-lain

Sumber: Kementerian Sumber Manusia

2001: 91,915) dan juga bilangan pekerja yang menerima potongan upah (17,425; 2001: 36,294).

Sejajar dengan pemulihan ekonomi, **permintaan terhadap pekerja** yang diukur berdasarkan jumlah kekosongan jawatan yang dilaporkan kepada Jabatan Tenaga Kerja, Kementerian Sumber Manusia meningkat 23.8% kepada 162,787 pada tahun 2002 (2001: 6.5%). Peningkatan ini dilaporkan bagi kesemua sektor, kecuali subsektor pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan, di mana kekosongan berkurangan 13.5%. Antara yang ketara ialah peningkatan yang besar sebanyak 25.1% bagi kekosongan di sektor perkilangan berbanding dengan penurunan 10.4% pada tahun 2001. Sektor tersebut terus mencakup hampir separuh (46.5%) daripada kekosongan yang dilaporkan pada tahun 2002. Mengikut kumpulan pekerjaan, kekosongan yang dilaporkan kebanyakannya adalah untuk pekerjaan yang berkaitan dengan pengeluaran (63.2%), serta pertanian (21.1%). Pada tahun 2002, peningkatan permintaan untuk pekerja berkemahiran tinggi menyebabkan permintaan bagi pekerja profesional, teknikal, pentadbiran dan pengurusan meningkat dengan nyata sebanyak 70.8% kepada 8,575 kekosongan. Sarawak terus mencakup lebih separuh daripada jumlah kekosongan. Penghantaran pulang pekerja tanpa izin ketika tempoh pengampunan turut menyebabkan bilangan kekosongan yang tinggi di sektor pembinaan. Namun demikian, keadaan ini tidak dicerminkan dalam jumlah kekosongan kerana majikan tidak diwajibkan melaporkan kekosongan kepada Jabatan Tenaga Kerja.

Jumlah bilangan **pencari kerja aktif** yang berdaftar dengan Jabatan Tenaga Kerja berkurangan 5.5% kepada 32,305 pada akhir tahun 2002. Sementara kebanyakan kekosongan adalah untuk pekerjaan yang berkaitan dengan pengeluaran dan pertanian, sebahagian besar daripada pekerjaan yang dicari adalah yang berkaitan dengan perkeranian (49.4%), profesional, teknikal dan pentadbiran (21%) serta pengeluaran (20.3%). Ini mencerminkan ketidaksepadanan permintaan dan penawaran kemahiran di pasaran pekerja. Khususnya, terdapat kekurangan pekerja di sektor pertanian dan pengeluaran, tetapi terdapat lebihan penawaran pekerja di bidang yang berkaitan dengan profesional, teknikal dan pentadbiran. Walaupun terdapat banyak bilangan pencari kerja untuk pekerjaan pengeluaran, kekurangan pekerja pengeluaran yang masih dihadapi oleh majikan menunjukkan bahawa pengilang di Malaysia

Graf 1.36
Keluk Beveridge untuk Malaysia (1998-2002)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia
Kementerian Sumber Manusia
Bank Negara Malaysia

memerlukan pekerja yang lebih mahir apabila mereka meningkatkan pengeluaran ke rantaian nilai yang lebih tinggi.

Analisa Keluk Beveridge (Pengangguran-Kekosongan)[1] menunjukkan walaupun ketidaksepadanan antara penawaran dan permintaan pekerja berterusan sehingga ke tahun 2002, keluk ini juga menunjukkan bahawa terdapat pemulihan dalam struktur pasaran pekerja. Nisbah kekosongan kepada pengangguran yang lebih tinggi bersama dengan peralihan keluk ke kiri dari tahun 2001 ke 2002 menandakan bahawa terdapat peningkatan dalam bilangan penganggur yang mengisi jawatan-jawatan kosong. Ini mencerminkan pemadanan kerja yang lebih baik berikutan langkah-langkah berterusan yang dilaksanakan oleh Kerajaan bagi meningkatkan kualiti dan pergerakan pekerja.

Pada akhir bulan September 2002, sebahagian besar daripada pencari kerja aktif dan penganggur adalah terdiri daripada lepasan sekolah menengah (masing-masing mencakup 80% dan 62.9%). Bilangan penganggur graduan meningkat kepada 45,400 atau 0.1% daripada jumlah penganggur pada akhir bulan September 2002 dan mencakup 0.5% daripada jumlah tenaga pekerja (akhir tahun

[1] Kadar kekosongan = $\frac{\text{(Bil. kerja yang ditawarkan – Bil. penempatan)}}{\text{(Bil. pekerja + Bil. kerja yang ditawarkan – Bil. penempatan)}}$

2001: 38,800 atau 0.4% daripada jumlah tenaga pekerja). Peningkatan ini disebabkan terutamanya oleh peningkatan dalam bilangan graduan berkelulusan diploma (daripada 18,200 kepada 26,300) sementara bilangan penganggur graduan berijazah berkurangan daripada 20,600 kepada 19,100. Walaupun keadaan pengangguran di kalangan graduan pada umumnya adalah mengikut kitaran ekonomi yang meningkat semasa pertumbuhan ekonomi merosot, terdapat faktor-faktor lain yang menyumbang kepada peningkatan pengangguran di kalangan graduan di tahun-tahun kebelakangan ini. Satu Kaji Selidik Mengenai Keupayaan Memperoleh Pekerjaan oleh Graduan yang dilaksanakan oleh Bank Negara Malaysia pada Julai 2002 untuk mengenal pasti kelayakan pekerjaan mengikut kehendak majikan, menunjukkan bahawa masalah utama ialah ketidaksepadanan kemahiran kerana kebanyakan syarikat yang menjawab kaji selidik menyatakan sebahagian besar graduan tidak memiliki kemahiran yang diperlukan oleh industri dan masalah ini lebih ketara di kalangan graduan tempatan.

Oleh kerana sektor-sektor tertentu masih mempunyai kapasiti yang berlebihan, peningkatan aktiviti ekonomi tidak memberi tekanan ke atas upah pada tahun 2002. Penunjuk **upah** yang sedia ada menunjukkan bahawa peningkatan kadar upah telah menjadi sederhana:

- Data daripada Kaji Selidik Bulanan Industri Perkilangan yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan menunjukkan bahawa pada asas tahunan, upah benar bagi setiap pekerja meningkat 2.9% (2001: 1.7%).
- Kajian Gaji dan Kemudahan Tambahan oleh Persekutuan Majikan Malaysia (MEF) menunjukkan peningkatan dalam purata gaji sektor swasta yang lebih rendah pada kadar 6% pada tahun 2002 (2001: 6.9%). Mengikut sektor, kenaikan purata gaji di sektor bukan perkilangan adalah lebih tinggi 6.1% (2001: 7.1%) berbanding dengan sektor perkilangan 5.9% (2001: 6.7%). Purata gaji minima yang ditawarkan kepada pemegang ijazah am kekal stabil pada RM1,675.
- Hanya dua mogok perindustrian yang berkaitan dengan permintaan upah yang lebih tinggi dilaporkan pada tahun 2002, melibatkan sektor-sektor perkilangan dan pertanian.

Produktiviti pekerja yang diukur dengan nisbah KDNK kepada jumlah guna tenaga juga pulih dengan mencatatkan pertumbuhan positif 0.9%

Graf 1.37
Faktor Yang Mempengaruhi Pengambilan Graduan



Nota:
Dalam kaji selidik yang dijalankan oleh Bank Negara Malaysia yang meliputi 312 syarikat untuk mengenalpasti kelayakan pekerjaan mengikut kehendak majikan, 71.7% (134) daripada 187 syarikat yang menyertai kaji selidik ini melaporkan bahawa mereka mengalami kekurangan pekerja untuk pekerjaan yang tertentu diperingkat graduan. Daripada mereka yang menyatakan bahawa mereka mengalami kekurangan pekerja:

- 77.6% menyatakan graduan tidak mempunyai kemahiran yang diperlukan;
- 31.3% menyatakan mereka tidak dapat memenuhi permintaan upah pekerja yang berpotensi; dan
- 28.4% menyatakan universiti tidak dapat membekalkan bilangan graduan yang mencukupi dalam bidang yang tertentu.

Graf 1.38
Perbandingan Kemahiran Di antara Graduan Tempatan Dengan Graduan Luar Negeri



Nota:
Sebanyak 184 syarikat menyatakan graduan tempatan memiliki sekurang-kurangnya satu kelemahan kemahiran, manakala bilangan yang lebih kecil (147) menyatakan graduan luar negeri memiliki sekurang-kurangnya satu kelemahan kemahiran.

- Jurang kemahiran yang paling ketara dilaporkan ialah kemahiran berkomunikasi dan kemahiran berbahasa Inggeris secara lisan, dengan 90.4% responden menyatakan graduan tempatan kekurangan kemahiran-kemahiran ini.
- 75.4% menyatakan graduan tempatan menunjukkan kelemahan bertulis dalam bahasa Inggeris.
- Kebanyakan responden dari kesemua subsektor yang dikaji selidik menyatakan graduan tempatan memiliki kelemahan berkomunikasi dan kemahiran berbahasa Inggeris. Tidak terdapat perbezaan ketara di antara syarikat milik tempatan/asing dan syarikat awam/persendirian, menunjukkan bahawa kelemahan-kelemahan ini adalah sama untuk semua jenis syarikat.
- Jumlah responden yang menyatakan graduan luar negeri memiliki enam kelemahan yang sama adalah lebih rendah daripada graduan tempatan.

pada tahun 2002 (2001: -1.8%). Pertumbuhan produktiviti adalah disebabkan terutamanya oleh pemulihan produktiviti di sektor-sektor pembinaan, perkhidmatan dan perkilangan. Produktiviti di sektor pembinaan pulih untuk mencatatkan pertumbuhan positif 1.1% (2001: -3.4%), sementara produktiviti di sektor perkhidmatan mencatatkan pertumbuhan positif 0.8% (2001: -1.6%) disebabkan terutamanya oleh pemulihan produktiviti di subsektor kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan dan juga subsektor perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran. Sejajar dengan prestasi sektor perkilangan yang lebih baik pada tahun 2002, terutamanya dalam industri yang berasaskan eksport, kadar penurunan produktiviti di sektor perkilangan menyederhana kepada 1.6% pada tahun 2002 (2001: -7.6%).

Kerajaan juga terus melaksanakan beberapa inisiatif sebagai sebahagian daripada usaha untuk meningkatkan kualiti pekerja dan memenuhi permintaan majikan yang berubah selaras dengan perubahan struktur ekonomi. Langkah-langkah untuk meningkatkan pergerakan pekerja dari satu sektor ke sektor yang lain termasuklah penganjuran pameran kerjaya di seluruh negara dan pelaksanaan program latihan semula untuk pekerja yang diberhentikan. Inisiatif lain yang diambil termasuk Projek Bursa Buruh Elektronik (ELX). ELX yang mula beroperasi pada bulan Mei 2002, direka dengan tujuan untuk memadankan pencari kerja dengan jawatan kosong yang meliputi kawasan geografi yang lebih luas untuk memperbaiki pergerakan sumber manusia. Pada akhir tahun 2002, seramai 11,000 pencari kerja aktif telah mendaftar melalui ELX, manakala 2,040 jawatan kosong telah diiklankan pada bursa ini oleh 720 majikan.

Dalam usaha menangani kekurangan pekerja di sektor-sektor tertentu, kerajaan telah meluluskan pengambilan 545,725 **pekerja asing** yang baru (2001: 258,578). Jumlah pekerja asing yang berdaftar meningkat 111% kepada 1,057,156 pada tahun 2002. Sebahagian besar daripada pekerja asing diambil bekerja di sektor perkilangan, pertanian, perkhidmatan rumah dan pembinaan. Sementara pengambilan pekerja dari Indonesia mencakup bahagian yang paling besar (71.4%) daripada jumlah pekerja asing yang berdaftar, pengambilan pekerja dari Negeri Thai pula meningkat dengan ketara kepada 23,660 pada tahun 2002 (2001: 2,240), dengan kebanyakannya diambil untuk bekerja di sektor pembinaan.

Memandangkan bilangan pendatang tanpa izin yang tinggi di negara ini, Kerajaan telah melaksanakan beberapa langkah pada tahun 2002 untuk menangani isu-isu keselamatan. Satu daripada langkah-langkah yang dilaksanakan termasuklah pembaharuan Akta Imigresen. Akta Imigresen 1959/63 (Pindaan 2002) baru yang berkuat kuasa 1 Ogos 2002, memperuntukkan hukuman yang lebih berat kepada mereka yang didapati bersalah mengambil pendatang tanpa izin sebagai pekerja ataupun memasuki Malaysia secara tidak sah. Majikan-majikan mengambil kesempatan daripada tempoh program pengampunan dari 22 Mac hingga 31 Julai 2002 untuk menghantar pulang pendatang tanpa izin ke negara asal mereka. Semasa tempoh pengampunan, 318,272 pendatang tanpa izin telah dihantar pulang, dengan pendatang tanpa izin dari Indonesia (84.7%) mencakup bahagian terbesar daripada mereka yang dihantar pulang, diikuti India (6.3%) dan Bangladesh (5.5%).

Untuk memastikan kemasukan pekerja asing yang lebih teratur, Kerajaan kini dalam proses menyediakan Memorandum Persefahaman (MoU) dengan 13 buah negara lain (India, Indonesia, Kemboja, Kazakhstan, Laos, Myanmar, Nepal, Filipina, Sri Lanka, Negeri Thai, Turkmenistan, Uzbekistan dan Vietnam), yang akan menawarkan pekerja kepada Malaysia. Di antara syarat-syarat baru yang dimasukkan ke dalam MoU ialah pekerja-pekerja mesti boleh berkomunikasi dalam bahasa Melayu atau Inggeris, tidak mempunyai rekod jenayah dan kerajaan tuan rumah mesti bertanggungjawab untuk menghantar pekerja-pekerja ini balik jika mereka didapati melanggar undang-undang Malaysia. Dengan MoU ini, urusan pengambilan pekerja akan menjadi lebih sistematik dan membolehkan pembangunan pangkalan data pekerja asing yang komprehensif di negara ini.

Pada bulan September, Kerajaan telah memperbaharui dasar dan garis panduan berkenaan pengambilan pekerja asing untuk menangani masalah kekurangan pekerja mahir berikutan tamatnya tempoh pengampunan, terutamanya di sektor-sektor perkilangan dan pembinaan. Di bawah garis panduan baru, pekerja asing berpengalaman yang diiktiraf oleh Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK) boleh melanjutkan tempoh tinggal mereka selama lima tahun lagi, kepada 10 tahun. Pada tahun 2002, sebanyak 12,662 pekerja asing dari sektor-sektor perkilangan (8,974), perkhidmatan (2,215) dan pertanian (1,473) telah diiktiraf sebagai pekerja mahir oleh MLVK.

Kerajaan akan meneruskan usaha untuk menambah bilangan pekerja mahir dan meningkatkan kualiti tenaga pekerja sebagai persediaan untuk beralih kepada ekonomi yang berasaskan pengetahuan. Dalam Bajet tahun 2003, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM1.62 bilion kepada Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Pembangunan Usahawan untuk melaksanakan pelbagai program latihan kemahiran dan untuk menyediakan kemudahan infrastruktur. Selaras dengan hasrat Kerajaan untuk membangunkan tenaga pekerja yang lebih mahir untuk tujuan penyelidikan dan pembangunan, satu Geran Latihan bernilai RM100 juta juga akan ditubuhkan. Geran ini akan disalurkan kepada syarikat sektor swasta untuk membiayai latihan untuk kakitangan penyelidikan dan pembangunan mereka.

Status projek-projek yang dilaksanakan pada tahun 2001 dengan objektif mempertingkat kualiti sumber manusia adalah seperti yang berikut:

- **Projek *"Dual System"*** – Projek ini bertujuan memberi persediaan kepada belia-belia untuk menjadi pekerja yang berpengetahuan melalui latihan berorientasikan industri yang akan dijalankan di tempat bekerja dalam suasana bekerja yang sebenar. Projek yang mengandungi lima komponen utama, kini berada pada tahap pertama yang melibatkan penubuhan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TEVT) dan meningkatkan penyertaan industri dan perusahaan-perusahaan kecil dan sederhana (PKS) secara langsung dalam TEVT.

- **Program Menggalakkan Warganegara Malaysia yang Berkepakaran di Luar Negara Pulang ke Malaysia** – Pada akhir tahun 2002, sebanyak 184 daripada 506 permohonan yang diterima telah diluluskan dibawah program ini, yang menggalakkan warganegara Malaysia yang berkepakaran yang bekerja di luar negara pulang ke Malaysia untuk membantu proses pembinaan negara. Daripada jumlah permohonan yang diluluskan, 47 adalah dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), penyelidikan dan pembangunan dan bioteknologi.

- **Program Khas untuk Graduan Menganggur dan Pekerja yang Diberhentikan** – Sebanyak 37,033 peserta telah menyertai pelbagai skim sangkutan dan latihan untuk graduan menganggur, manakala 9,499 peserta menyertai skim untuk pekerja diberhentikan dan lepasan sekolah. Pada akhir tahun 2002, sejumlah RM254 juta telah digunakan untuk pelbagai program di bawah skim ini. Kesemua program (kecuali skim sangkutan dengan agensi kerajaan, yang berakhir pada bulan Oktober 2002) akan terus dilaksanakan sehingga kesemua peruntukan kewangan sebanyak RM300 juta selesai digunakan.

- **Projek Latihan Semula Kakitangan (StaRs)** – Pada akhir tahun 2002, sembilan institusi kewangan telah menyertai Projek StaRs. Projek ini bertujuan untuk menyediakan pekerja dari institusi kewangan yang akan meninggalkan industri kewangan di bawah Skim Pemisahan Secara Sukarela dengan kemahiran untuk memenuhi keperluan ekonomi berasaskan pengetahuan supaya membolehkan mereka memasuki industri-industri lain. Pada tahun 2002, Institut Bank-Bank Malaysia telah menjalankan 26 program dengan memberi manfaat kepada kira-kira 714 pelatih.

Pada tahun 2002, Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB), yang mentadbir Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM) untuk latihan semula dan meningkatkan taraf kemahiran pekerja telah meluluskan 441,102 tempat latihan untuk 14 skim latihan di bawah KWPSM, dengan bantuan kewangan sebanyak RM319.5 juta. Semenjak ditubuhkan pada tahun 1993, PSMB telah meluluskan 3.5 juta tempat latihan dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM1.3 bilion. Pada akhir bulan Disember 2002, jumlah majikan yang berdaftar dengan PSMB meningkat kepada 8,172, dengan sebahagian besar (71%) adalah dari sektor

Graf 1.39
Bilangan Tempat Latihan yang Diluluskan oleh PSMB



Sumber: Pembangunan Sumber Manusia Berhad

perkilangan dan selebihnya dari sektor perkhidmatan. Memandangkan levi yang dikenakan oleh PSMB adalah lebih rendah pada tahun 2002, levi yang dikumpul oleh KWPSM berkurangan kepada RM121.2 juta daripada RM209.1 juta pada tahun 2001. Walau bagaimanapun, mulai 1 November 2002, levi yang dikenakan oleh PSMB bertukar kembali daripada 0.5% kepada 1% daripada upah bulanan majikan pada tahun 2002.

Sebagai satu agensi yang menyelaraskan skim latihan untuk pekerja yang diberhentikan dan graduan yang menganggur, pada tahun 2002, PSMB juga menguruskan peruntukan sebanyak RM137 juta yang telah memberi manfaat kepada 20,573 pelatih (graduan: 11,787) di bawah "Skim Latihan untuk Penganggur dan Pekerja yang Diberhentikan" dan "Skim Latihan Graduan." Di samping itu, Dana Pembangunan Kemahiran (SDF) telah mengeluarkan bayaran sejumlah RM181.6 juta (2001: RM24.2 juta) kepada 36,700 permohonan yang diluluskan (2001: 5,000). SDF ditubuhkan oleh Kementerian Sumber Manusia untuk memberi pinjaman mudah untuk latihan teknikal dan vokasional yang ditawarkan oleh institusi yang diiktiraf oleh Majlis Latihan Vokasional Negara.

SEKTOR LUAR NEGARA

Imbangan Pembayaran

Secara keseluruhannya, **imbangan pembayaran** bertambah kukuh dengan mencatatkan lebihan yang lebih besar pada tahun 2002. Kedudukan yang lebih baik ini mencerminkan lebihan akaun semasa yang terus kukuh serta aliran masuk modal jangka panjang yang lebih besar ke Malaysia, manakala aliran keluar jangka pendek oleh sektor swasta pula menurun. Sungguhpun lebihan akaun semasa berkurangan

Kedudukan luaran terus bertambah kukuh dengan peningkatan dalam rizab antarabangsa. Lebihan akaun semasa kekal besar manakala akaun kewangan bertambah baik disebabkan oleh aliran masuk modal jangka panjang yang lebih besar.

Jadual 1.20
Imbangan Pembayaran

Perkara	2001 +	2001 -	2001 Bersih	2002*a* +	2002*a* -	2002*a* Bersih
			RM juta			
Barangan	334,326	264,472	69,854	354,855	285,942	68,913
Akaun perdagangan	*334,284*	*280,229*	*54,055*	*354,475*	*303,508*	*50,967*
Perkhidmatan	54,929	63,295	-8,366	56,536	62,501	-5,965
Imbangan barangan dan perkhidmatan	389,255	327,767	61,488	411,391	348,443	62,948
Pendapatan	7,018	32,641	-25,623	8,064	33,253	-25,189
Pindahan semasa	2,040	10,218	-8,178	2,511	12,879	-10,368
Imbangan akaun semasa	398,313	370,626	27,687	421,966	394,575	27,391
% daripada KNK			9.0			8.1
Akaun modal			-			-
Akaun kewangan			-14,791			-11,952
Pelaburan langsung			1,091			4,667
Pelaburan portfolio			-2,466			-6,718
Pelaburan lain			-13,416			-9,901
Imbangan akaun modal dan kewangan			-14,791			-11,952
Kesilapan dan ketinggalan			-9,234			-1,248
di antaranya:						
Keuntungan (+) atau kerugian (-) dari penilaian semula pertukaran asing			*-4,060*			*6,627*
Imbangan keseluruhan			3,662			14,191
Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia, bersih			117,203			131,394
(AS$ juta)			30,843			34,577

a Anggaran

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

sedikit tetapi jumlahnya masih lagi besar, iaitu RM27.4 bilion atau bersamaan dengan 8.1% daripada KNK. Sementara kedudukan akaun perkhidmatan dan pendapatan bertambah baik, aliran keluar akaun pindahan semasa adalah lebih besar pada tahun tersebut.

Pemulihan yang ketara dalam eksport menghasilkan lebihan yang kekal besar dalam akaun perdagangan.

Graf 1.40
Malaysia: Imbangan Pembayaran







Pada masa yang sama, keuntungan dan dividen yang terakru kepada syarikat Malaysia yang melabur di luar negara berubah arah untuk mencatatkan aliran masuk bersih, justeru menghasilkan kedudukan akaun pendapatan yang bertambah baik. Di sektor perkhidmatan, kesan daripada polisi untuk membangunkan sektor tersebut secara kumulatif telah menyebabkan defisit akaun perkhidmatan berkurangan dengan nyata kepada RM6 bilion atau 1.8% daripada KNK.

Kedudukan akaun kewangan adalah lebih baik berikutan aliran masuk modal jangka panjang yang lebih tinggi, iaitu pelaburan langsung asing dan pinjaman luar negara oleh Kerajaan Persekutuan. Walaupun aliran keluar dana portfolio bersih adalah lebih besar tatkala kelembapan pasaran saham serantau dan global dan risiko geopolitik yang meningkat, aliran keluar modal jangka pendek oleh sektor swasta secara keseluruhannya telah menurun, sebahagiannya disebabkan oleh perbezaan kadar faedah yang nyata lebih memihak kepada Malaysia. Imbangan pembayaran secara keseluruhannya mencatatkan lebihan sebanyak RM14.2 bilion atau AS$3.7 bilion, selepas mengambil kira faktor kesilapan dan ketinggalan sebanyak -RM1.2 bilion. Sebahagian besar komponen kesilapan dan ketinggalan tersebut adalah keuntungan penilaian semula pertukaran asing (RM6.6 bilion) ekoran daripada penilaian semula rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia terutamanya berikutan kenaikan mata wang euro dan yen berbanding dengan dolar AS. Hasilnya, rizab antarabangsa bersih Bank Negara Malaysia meningkat RM14.2 bilion kepada RM131.4 bilion (AS$34.6 bilion) pada akhir tahun 2002. Rizab meningkat lagi kepada RM131.7 bilion (AS$34.7 bilion) pada 14 Mac 2003. Paras rizab ini memadai untuk membiayai 5.3 bulan import tertangguh dan adalah 4.4 kali hutang luar negara jangka pendek. Rizab Malaysia boleh digunakan dengan serta merta dan tidak berbeban.

Akaun semasa masih mempunyai lebihan besar, iaitu sebanyak RM27.4 bilion atau bersamaan 8.1% daripada KNK pada tahun 2002, walaupun terdapat peningkatan dalam pertumbuhan import selaras dengan pertumbuhan dalam permintaan dalam negeri. Pemulihan pertumbuhan eksport adalah hasil daripada permintaan yang tinggi terhadap barangan eletronik dan peningkatan yang ketara dalam terma perdagangan untuk eksport komoditi. Lebihan akaun barangan adalah memadai untuk mengimbangi jumlah defisit di dalam akaun

Jadual :1.21
Eksport Kasar

	2002*a*		
	RM juta	Perubahan tahunan (%)	% bahagian
Barangan Perkilangan	**298,925**	**4.8**	**84.3**
Di antaranya:			
Elektronik, jentera dan peralatan elektrik	209,137	4.4	59.0
Elektronik	154,386	10.6	43.6
Separa konduktor	*72,547*	*19.9*	*20.5*
Komponen elektronik	*81,839*	*3.5*	*23.1*
Jentera dan peralatan elektrik	54,751	-9.8	15.4
Barangan elektrik pengguna	*21,097*	*-10.6*	*5.9*
Barangan elektrik perindustrian dan komersil	*19,511*	*-17.0*	*5.5*
Perkakas and jentera elektrik industri	*12,751*	*2.3*	*3.6*
Peralatan elektrik isirumah	*1,392*	*26.1*	*0.4*
Kimia dan keluaran kimia	17,285	16.2	4.9
Keluaran logam	8,827	1.5	2.5
Tekstil, pakaian dan kasut	8,587	-5.2	2.4
Kelengkapan optikal dan saintifik	8,157	4.6	2.3
Keluaran kayu	6,314	4.9	1.8
Keluaran getah	4,512	1.0	1.3
Kelengkapan pengangkutan	2,931	20.8	0.8
Komoditi pertanian	**26,340**	**31.9**	**7.4**
Di antaranya:			
Minyak sawit	*14,838*	*50.2*	*4.2*
Getah	*2,492*	*32.1*	*0.7*
Kayu siap digergaji	*2,228*	*-2.0*	*0.6*
Kayu balak	*1,790*	*17.5*	*0.5*
Galian	**22,406**	**-4.4**	**6.3**
Di antaranya:			
Minyak mentah	*11,597*	*4.3*	*3.3*
Gas asli cecair	*9,932*	*-10.7*	*2.8*
Timah	*425*	*-7.7*	*0.1*
Lain-lain eksport	**6,804**	**22.5**	**2.0**
Jumlah	**354,475**	**6.0**	**100.0**

a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

perkhidmatan dan pendapatan serta aliran keluar bersih dalam akaun pindahan semasa. Pengurangan dalam defisit perkhidmatan mencerminkan pemulihan yang mapan dalam lebihan akaun perjalanan serta pembayaran perkhidmatan kontrak dan profesional yang lebih rendah. Kedudukan defisit akaun pendapatan menjadi bertambah baik, mencerminkan pemulihan dalam keuntungan dan dividen terakru kepada syarikat Malaysia yang melabur di luar negara. Sementara itu, keuntungan dan dividen yang terakru kepada pelabur asing masih besar selaras dengan pendapatan eksport yang lebih tinggi. Salah satu faktor yang menyumbang kepada pengurangan yang sedikit dalam lebihan akaun semasa adalah aliran keluar pindahan semasa yang lebih besar iaitu sebanyak RM10.4 bilion (-RM8.2 bilion pada tahun 2001). Keadaan ini berlaku terutamanya oleh penghantaran pendapatan secara sekali gus oleh pekerja asing tanpa izin yang pulang ke negara masing-masing di bawah Program Pengampunan pada 22 Mac hingga 31 Julai 2002.

Pada tahun 2002, **eksport kasar** bertukar arah dan mencatat pertumbuhan sebanyak 6% disebabkan terutamanya oleh peningkatan yang nyata dalam eksport separa konduktor. Pemulihan dalam eksport elektronik mencerminkan peningkatan permintaan luaran terutamanya dari rantau Asia Pasifik dan sebahagian kecilnya dari Amerika Syarikat. Eksport pertanian juga lebih kukuh disebabkan oleh peningkatan harga dan jumlah yang dieksport. Eksport galian, walau bagaimanapun merosot disebabkan oleh pendapatan eksport LNG dan bijih timah yang lebih rendah yang lebih daripada mengimbangi kenaikan dalam pendapatan minyak mentah. Peningkatan dalam eksport ini bermula pada bulan Mac 2002 dan mencapai kemuncaknya pada suku ketiga. Mencerminkan perkembangan permintaan dalam negeri yang ketara dan

Graf 1.41
Prestasi Eksport Sektor Perkilangan



Graf 1.42
Prestasi Eksport Industri-industri Elektronik dan Bukan Elektronik



pemulihan eksport, import meningkat pada kadar yang lebih pesat (8.3%) berbanding dengan eksport. Dengan itu, lebihan perdagangan, walaupun nilainya masih besar tetapi telah berkurangan kepada RM51 bilion (AS$13.4 bilion). Jumlah perdagangan Malaysia meningkat sebanyak 7.1% kepada RM658 bilion, mencakupi 196% daripada KNK pada tahun 2002. Setelah pengubahsuaian penilaian dan liputan mengikut asas imbangan pembayaran, akaun barangan mencatat lebihan yang besar sebanyak RM68.9 bilion (AS$18.1 bilion).

meningkat 4.8% pada tahun 2002 (2001: -10.3%). Pemulihan tersebut disokong terutamanya oleh permintaan yang kukuh bagi elektronik, khususnya separa konduktor, dimana eksportnya meningkat dengan ketara melebihi 40% pada separuh tahun kedua 2002. Eksport keluaran kimia dan kelengkapan pengangkutan turut mencatat peningkatan yang ketara pada tahun tersebut, manakala nilai eksport barangan elektrik menurun disebabkan terutamanya oleh harga eksport yang lebih rendah. Dari segi suku tahunan, eksport perkilangan secara beransur-ansur bertambah kukuh dan mencapai tahap tertinggi pada suku ketiga. Keseluruhan, peningkatan eksport perkilangan pada tahun 2002 disebabkan

Lebihan dagangan kekal besar. Pertumbuhan pendapatan eksport terutamanya oleh peningkatan jumlah eksport perkilangan dan harga komoditi yang lebih tinggi. Harga eksport perkilangan terus merosot.

Eksport perkilangan, yang mencakup kira-kira 84% daripada jumlah eksport, kembali pulih untuk

Graf 1.43
Eksport Barangan Perkilangan Mengikut Pasaran



terutamanya oleh jumlah yang lebih tinggi (7.9%). Harga eksport terus merosot disebabkan pengeluar menurunkan harga untuk mengekalkan daya saing.

Perolehan eksport **sektor komoditi utama** bertukar arah untuk mencatat pertumbuhan yang kukuh sebanyak 12.3% pada tahun 2002 hasil daripada peningkatan yang ketara dalam eksport pertanian (31.9%). Eksport galian, walau bagaimanapun merosot. Harga eksport **komoditi pertanian** utama Malaysia meningkat dengan ketara ekoran daripada kekangan penawaran sedunia, manakala pertumbuhan dalam permintaan kekal kukuh. Harga eksport koko, minyak sawit, getah dan kayu balak masing-masing meningkat dengan ketara sebanyak 49.5%, 44.7%, 17% dan 16.6%. Sungguhpun harga minyak sawit adalah lebih tinggi, permintaan luar negeri terhadap komoditi ini masih menggalakkan pada tahun tersebut, seperti yang dicerminkan oleh import yang lebih tinggi dari Republik Rakyat China dan Timur Tengah. Sebaliknya, perolehan eksport **galian** merosot 4.4% disebabkan oleh kejatuhan hasil eksport daripada gas asli cecair dan timah. Eksport minyak mentah meningkat, ekoran pembelian yang lebih tinggi dari Jepun, India dan Republik Rakyat China. Pada tahun 2002, purata harga eksport minyak mentah Malaysia adalah rendah sedikit, iaitu pada AS$24.80 setong (2001: AS$25.53 setong). Sementara itu, eksport gas asli cecair turut terjejas akibat permintaan yang lebih rendah dari Jepun yang merupakan pengimport utama.

Import kasar bertukar arah untuk meningkat sebanyak 8.3%, mencerminkan terutamanya kenaikan dalam jumlah import. Pertumbuhan import yang kukuh disebabkan oleh pengukuhan permintaan domestik dan import barangan pengantara dan modal yang lebih tinggi. Import barangan pengantara digunakan terutamanya sebagai input untuk pembuatan barangan bagi pasaran eksport. Import barangan modal pula turut meningkat mencerminkan aktiviti pelaburan yang lebih tinggi terutamanya dalam sektor perkhidmatan.

Import barangan pengantara, yang mencakupi 71.3% daripada jumlah import, berkembang sebanyak 6.2%. Import barangan pengantara yang lebih tinggi ini digunakan terutamanya sebagai input kepada industri elektronik yang berorientasikan eksport, yang meningkat sebanyak 15.9%. Komponen elektronik mencakup 29.2% daripada jumlah import, menggambarkan kandungan import yang tinggi yang digunakan dalam industri elektronik dan juga kepentingan industri tersebut sebagai sumber utama pengeluaran perkilangan pada tahun 2002. Begitu juga, nilai import barangan asas dan bekalan industri yang telah diproses, yang digunakan sebagai komponen dalam pengeluaran barangan eksport dan mencakup 21.3% daripada jumlah import turut meningkat.

Satu lagi perkembangan yang penting ialah peningkatan import barangan pengantara yang berterusan yang digunakan dalam pembuatan barangan untuk pasaran domestik. Import bahan asas dan yang telah diproses yang digunakan oleh industri makanan dan minuman meningkat, sejajar dengan keadaan perbelanjaan pengguna yang kukuh ke atas makanan dan minuman. Sementara itu, perkembangan industri pemasangan kereta hasil daripada permintaan kukuh ke atas kenderaan penumpang juga mengakibatkan import barangan gantian dan aksesori peralatan pengangkutan meningkat dengan ketara sebanyak 28.1%.

Mencerminkan keadaan pelaburan swasta yang pulih di separuh tahun kedua tahun 2002, **import barangan modal** meningkat sebanyak 10.6%. Pertambahan import barangan modal untuk peningkatan kapasiti berlaku dalam sektor perkhidmatan, pembinaan dan pelombongan manakala import barangan modal untuk sektor perkilangan berkurangan disebabkan kapasiti yang berlebihan dalam beberapa subsektor. Pelaburan dalam teknologi maklumat dan komunikasi serta pengembangan kapasiti hasil daripada permintaan yang meningkat dalam perkhidmatan cellular dan

Jadual 1.22
Perdagangan Luar Negara

	2001	2002	2001	2002
	RM bilion		AS$ bilion	
Eksport kasar (f.o.b)	**334.3**	**354.5**	**88.0**	**93.3**
Perubahan tahunan (%)	-10.4	6.0	-10.4	6.0
	Perubahan tahunan (%)			
Jumlah dagangan[1]	-4.2	6.8	-4.2	6.8
Harga [1]	-6.2	-1.3	-6.2	-1.3
Import kasar (c.i.f)	**280.2**	**303.5**	**73.8**	**79.9**
Perubahan tahunan (%)	-10.0	8.3	-10.0	8.3
	Perubahan tahunan (%)			
Jumlah dagangan[1]	-8.6	5.0	-8.6	5.0
Harga [1]	-1.8	2.3	-1.8	2.3
Imbangan perdagangan	**54.1**	**51.0**	**14.2**	**13.4**

[1] Jumlah dagangan dan harga adalah anggaran.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Graf 1.44
Import



penerimaan teknologi baru telah menyebabkan pertumbuhan import bagi alat-alat telekomunikasi. Ini digambarkan dalam usaha industri telekomunikasi untuk menyediakan perkhidmatan baru dan mempertingkatkan rangkaian telefon bimbit. Di samping itu, sejajar dengan perkembangan dalam sektor perkhidmatan, import barangan modal untuk perkakas pejabat dan import penjana kuasa, turbin dan motor elektrik untuk penjanaan elektrik telah mencatatkan jumlah yang lebih tinggi. Peningkatan kegiatan eksplorasi dan aktiviti hiliran dalam industri petroleum dan gas berikutan harga petroleum yang tinggi telah mengakibatkan pertambahan import peralatan pembinaan dan pelombongan. Peningkatan import kapal dan pesawat udara oleh syarikat perkapalan dan penerbangan mencerminkan pembesaran pengangkutan laut dan udara untuk membekalkan perkhidmatan kepada pasaran baru dan memenuhi obligasi kontrak jangka panjang.

Sejajar dengan perbelanjaan penggunaan swasta yang kukuh, **import barangan pengguna** meningkat dengan ketara sebanyak 15.9%. Pertumbuhan import barangan pengguna mencerminkan terutamanya import yang lebih tinggi bagi barangan tahan lama, separa tahan lama dan tidak tahan lama seperti barangan perabot, kamera dan peralatan optikal, barangan elektrik isirumah seperti mesin pembasuh pakaian, dapur elektrik dan peti sejuk, barangan kulit, pakaian dan kasut. Dari segi bahagian import, import barangan pengguna kekal stabil mencakup 6.3% daripada jumlah import.

Usaha-usaha berterusan Malaysia untuk mempelbagaikan pasaran dan memperbesarkan bahagian eksport dapat dilihat dalam perkembangan jumlah perdagangan serta kepelbagaian pasaran eksport pada tahun 2002. Kepelbagaian pasaran dagangan diukurkan dengan indek Herfindahl-Hirschmann yang diubahsuaikan di mana nisbah yang lebih hampir kepada kosong mencerminkan kepelbagaian yang meningkat. Indek tersebut dibentuk untuk mengambil kira 32 rakan dagang utama Malaysia yang mencakupi 93% daripada jumlah eksport. Mencerminkan kepelbagaian pasaran eksport yang semakin meningkat, indek Herfindahl-Hirschmann menurun kepada 0.16 pada tahun 2002 berbanding 0.17 pada tahun 2001 (1995: 0.19). Seperti yang ditunjukkan oleh indek tersebut, kepelbagaian pasaran eksport Malaysia meningkat sebanyak 3% pada tahun 2002.

Perdagangan Malaysia dengan **rakan dagangan** utama, seperti Amerika Syarikat, Singapura, Jepun dan Kesatuan Eropah menurun sedikit untuk mencakup 59.2% daripada jumlah dagangan Malaysia pada tahun 2002 (2001: 62.5%) ekoran eksport yang lebih tinggi ke kawasan serantau, terutamanya ASEAN (tidak termasuk Singapura) dan Asia Timur Laut (tidak termasuk Jepun dan Singapura). Pada masa yang sama, perdagangan dengan rantau Asia Timur (tidak termasuk Jepun) meningkat kepada 29.5% daripada jumlah perdagangan (2001: 25.4%), disebabkan oleh peningkatan perdagangan yang ketara dengan Republik Rakyat China.

Amerika Syarikat mengekalkan kedudukannya sebagai rakan dagang Malaysia yang terbesar dengan mencakup sebanyak 18.4% daripada jumlah eksport. Eksport ke Amerika Syarikat kembali pulih dan mencatatkan pertumbuhan sebanyak 5.7% selaras dengan peningkatan permintaan separa konduktor. Pemulihan sektor eletronik turut membawa kepada peningkatan import pengantara dari Amerika Syarikat sebanyak 10.7%. Amerika Syarikat kekal sebagai sumber import yang kedua terbesar. Dengan itu, lebihan dagangan di antara Malaysia dan Amerika Syarikat, walaupun ia masih besar, telah merosot kepada RM21.8 bilion (2001: RM22.7 bilion).

Singapura menggantikan Jepun sebagai rakan dagang Malaysia yang kedua terpenting walaupun bahagiannya daripada jumlah keseluruhan perdagangan menurun secara marginal kepada 14.7%. Aktiviti perdagangan serantau yang meningkat telah menyumbang kepada bahagian eksport ke Singapura yang lebih tinggi. Eksport ke Singapura telah mencatatkan pertumbuhan sebanyak

Jadual 1.23
Import Kasar Mengikut Penggunaan Akhir

	2002*a*		
	RM juta	Perubahan tahunan (%)	% bahagian
Barangan modal	**45,672**	**10.6**	**15.0**
Barangan modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan)	40,611	5.2	13.4
Alat jentera dan perkakas untuk industri	*10,281*	*-16.1*	*3.4*
Alat kelengkapan pejabat	*7,893*	*20.2*	*2.6*
Alat kelengkapan telekomunikasi	*5,852*	*27.7*	*1.9*
Alat kelengkapan pengangkutan	5,061	89.6	1.7
Barangan pengantara	**216,492**	**6.2**	**71.3**
Makanan dan minuman, khusus untuk industri	5,153	11.8	1.7
Bekalan perindustrian, t.s.t.l.	64,695	4.4	21.3
Logam dan barangan logam	*17,856*	*4.5*	*5.9*
Bahan kimia	*6,938*	*-1.5*	*2.3*
Bahan api dan pelincir	11,073	0.5	3.6
Alat ganti dan aksesori barangan modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan)	128,431	7.1	42.3
Elektronik	*88,476*	*15.9*	*29.2*
Alat ganti dan aksesori alat kelengkapan telekomunikasi	*7,049*	*-2.6*	*2.3*
Alat ganti dan aksesori alat kelengkapan pengangkutan	7,140	28.1	2.4
Barangan penggunaan	**19,263**	**15.9**	**6.3**
Makanan dan minuman, khusus untuk penggunaan isirumah	7,173	0.5	2.4
Alat kelengkapan pengangkutan, bukan perusahaan	173	39.0	0.1
Barangan pengguna, t.s.t.l.	11,917	27.4	3.9
Barangan tahan lama	*2,865*	*58.4*	*0.9*
Barangan separa tahan lama	*4,234*	*23.9*	*1.4*
Barangan tidak tahan lama	*4,817*	*16.7*	*1.6*
Barangan dua guna	**6,105**	**4.5**	**2.0**
Minyak	2,544	3.1	0.8
Kereta penumpang	3,561	5.4	1.2
Lain-lain	**6,873**	**19.0**	**2.3**
Eksport semula	**9,103**	**32.0**	**3.0**
Import kasar	**303,508**	**8.3**	**100.0**

a Awalan
t.s.t.l.: Tidak disenarai di tempat lain.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

7.1% dan meliputi terutamanya komponen elektronik dan elektrik, barangan petroleum serta kertas dan barangan pulpa. Sementara itu, import dari Singapura merangkumi terutamanya mesin dan peralatan pengangkutan, kimia dan barangan perkilangan meningkat sebanyak 2.7%. Dengan itu, lebihan perdagangan dengan Singapura meningkat kepada RM24.3 bilion.

Graf 1.45
Indeks Kepelbagaian Pasaran Eksport



Indeks kepelbagaian pasaran eksport adalah indeks Herfindahl-Hirschmann yang telah diubahsuaikan untuk pasaran eksport. Ia telah dinormalkan untuk mendapatkan indeks dalam lingkungan 0 hingga 1. Indeks yang lebih rendah menunjukkan tahap kepelbagaian yang lebih tinggi.

Perdagangan dengan **Jepun** menurun kepada 14.2% pada tahun 2002 (16% pada tahun 2001) disebabkan permintaan yang rendah dari negara tersebut. Walaupun nilai mata wang Yen meningkat, pertumbuhan import yang marginal mencerminkan permintaan tidak elastik ke atas import mesin dan peralatan pengangkutan. Jepun masih kekal sebagai sumber import yang terpenting dengan bahagian pasaran, walaupun lebih kecil, mencakupi sebanyak 17.8% daripada jumlah keseluruhan import. Justeru itu, defisit perdagangan dengan Jepun meningkat kepada RM14.1 bilion (2001: -RM9.4 bilion). Begitu juga, perdagangan dengan negara-negara **Kesatuan Eropah** juga menurun kepada 11.9% daripada jumlah keseluruhan perdagangan pada tahun 2002 (2001: 13.2%) dan ini mencerminkan

Graf 1.46
Haluan Eksport: 1995



[1] ASEAN tidak termasuk Singapura

[2] Hong Kong China, Korea Selatan dan China Taipei

Haluan Eksport: 2002



[1] ASEAN tidak termasuk Singapura

[2] Hong Kong China, Korea Selatan dan China Taipei

kelembapan aktiviti ekonomi di negara-negara tersebut. Lebihan perdagangan Malaysia meningkat kepada RM9.6 bilion akibat daripada penurunan pertumbuhan import yang melebihi secara relatifnya daripada penurunan eksport.

Pertumbuhan ekonomi yang kukuh di negara-negara serantau menyokong perkembangan perdagangan serantau di **Asia Timur**. Pertumbuhan perdagangan serantau disebabkan sebahagiannya oleh pertumbuhan ekonomi **Republik Rakyat China** yang kukuh dan perdagangan liberalisasinya yang bertujuan untuk mematuhi syarat-syarat Pertubuhan Perdagangan Sedunia. Mencerminkan peningkatan yang ketara dalam eksport dan import, perdagangan dengan Republik Rakyat China mencatatkan pertumbuhan sebanyak 49% dalam tahun 2002. Republik Rakyat China kini menjadi rakan dagang yang keempat terbesar dengan peningkatan bahagiannya mencakup sebanyak 6.6% daripada jumlah keseluruhan perdagangan. Faktor kedua menyokong pertumbuhan perdagangan serantau ialah kedapatan rantaian dan rangkaian pengeluaran yang luas di negara serantau akibat daripada penempatan syarikat-syarikat multinasional ke Republik Rakyat China, kegiatan memperolehi perkhidmatan luar dan pengkhususan secara vertikal. Sementara itu, eksport ke negara-negara Utara Timur Asia iaitu Hong Kong China, Korea Selatan dan China Taipei telah berkembang dan kumpulan ini terus meningkatkan sumbangannya sebanyak 13.2% (2001: 11.9%) daripada keseluruhan perdagangan. Negara-negara **ASEAN** (kecuali Singapura) turut mengalami corak perdagangan yang sama dengan mencatatkan peningkatan bahagian perdagangan sebanyak 9.7% daripada jumlah keseluruhan perdagangan (2001: 8.8%).

Perdagangan Malaysia dengan Asia Timur berkembang, disokong oleh pertumbuhan serantau yang kukuh, rantaian pengeluaran serta kegiatan memperolehi perkhidmatan luar.

Akibat daripada aktiviti pengimport untuk mencari sumber input yang murah dari pembekal yang mempunyai kos yang lebih rendah, Malaysia telah mengalami defisit perdagangan dengan Republik Rakyat China, China Taipei, Korea Selatan, Filipina dan Indonesia.

Pengembangan dalam beberapa sektor industri perkhidmatan dicerminkan oleh pengurangan secara progresif dalam defisit perkhidmatan imbangan pembayaran. Berdasarkan nisbah kepada KNK, defisit **akaun perkhidmatan** mengecil kepada 2.9% bagi tempoh 1996-2002 daripada 4.6% bagi tempoh 1991-1995. Kemajuan ini telah disokong oleh peningkatan yang ketara dalam perolehan pelancongan dan sebahagian kecilnya, peningkatan perolehan pertukaran asing daripada perkhidmatan yang berkaitan dengan lapangan terbang dan

Jadual 1.24
Haluan Perdagangan Luar Negera

	2002*a*				
	Eksport		Import		Imbangan perdagangan
	RM juta	% bahagian	RM juta	% bahagian	RM juta
Negara-negara ASEAN terpilih	91,177	25.7	69,144	22.8	22,033
Singapura	60,660	17.1	36,317	12.0	24,343
Negeri Thai	15,096	4.3	12,017	4.0	3,079
Indonesia	6,846	1.9	9,689	3.2	-2,843
Filipina	5,073	1.4	9,863	3.2	-4,790
Lain-lain negara ASEAN	3,502	1.0	1,258	0.4	2,244
Kesatuan Eropah (EU)	43,926	12.4	34,368	11.3	9,558
United Kingdom	8,353	2.4	5,970	2.0	2,383
Jerman	7,963	2.2	11,163	3.7	-3,200
Negeri Belanda	13,146	3.7	2,450	0.8	10,696
Lain-lain negara EU	14,464	4.1	14,785	4.8	-321
Amerika Syarikat	71,502	20.2	49,692	16.4	21,810
Jepun	39,778	11.2	53,912	17.8	-14,134
Republic Rakyat China	19,966	5.6	23,472	7.7	-3,506
Hong Kong China	20,128	5.7	8,837	2.9	11,291
China Taipei	13,224	3.7	16,863	5.6	-3,639
Korea Selatan	11,823	3.3	16,079	5.3	-4,256
India	6,692	1.9	2,445	0.8	4,247
Australia	8,013	2.3	5,411	1.8	2,602
Lain-lain negara di dunia	28,246	8.0	23,285	7.6	4,961
Jumlah	**354,475**	**100.0**	**303,508**	**100.0**	**50,967**

a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

pelabuhan. Dasar-dasar bagi menggalakkan industri pelancongan dan koordinasi pembangunan dan pemasaran yang lebih berkesan oleh sektor awam dan swasta telah membawa kepada hasil perolehan pelancongan yang melebihi dua kali ganda (1996-2002: purata berjumlah RM15.4 bilion, 1991-1995: berpurata RM6.3 bilion). Lebihan dalam **akaun perjalanan** yang lebih tinggi ini juga adalah kesan daripada dasar untuk memasarkan perkhidmatan pendidikan sebagai komoditi eksport dan pembangunan kemudahan-kemudahan pendidikan swasta yang telah menarik pelajar antarabangsa untuk mengikuti pendidikan peringkat tinggi di Malaysia. Perkembangan perkhidmatan penjagaan kesihatan dengan kos berpatutan oleh sektor swasta juga telah menyumbang kepada kenaikan jumlah pesakit asing dari negara-negara serantau untuk mendapatkan perkhidmatan tersebut dari pusat-pusat kesihatan tempatan. Penyelarasan proses penggunaan teknologi baru dalam pelaksanaan pelbagai cara pengangkutan turut menyumbang kepada peningkatan pengendalian kargo di lapangan terbang dan pelabuhan. Perkembangan ini, berserta dengan pertambahan kapasiti dalam industri pengangkutan barangan dan perkapalan, telah membantu usaha untuk menyekat aliran keluar daripada akaun pengangkutan.

Kesan kumulatif daripada dasar-dasar untuk membangunkan sektor perkhidmatan jelas kelihatan melalui pengecilan yang ketara dalam defisit akaun perkhidmatan kepada RM6 bilion atau 1.8% daripada KNK dalam tahun 2002. Perolehan kasar

Jadual 1.25
Akaun Perkhidmatan dan Pendapatan

	2001	2002*a*		
	RM bilion			
	Bersih	+	–	Bersih
Akaun Perkhidmatan				
Pengangkutan	-11.4	10.8	22.4	-11.5
Perjalanan	16.1	27.0	9.9	17.1
Perkhidmatan Lain	-13.2	18.2	29.4	-11.2
Urus niaga Kerajaan	...	0.5	0.8	-0.3
RM bilion	**-8.4**	**56.5**	**62.5**	**-6.0**
AS$ bilion	**-2.2**	**14.9**	**16.4**	**-1.6**
% daripada KNK	-2.7			-1.8
Akaun Pendapatan				
Pampasan Pekerja	-1.0	1.7	2.8	-1.2
Pendapatan Pelaburan	-24.6	6.4	30.4	-24.0
RM bilion	**-25.6**	**8.1**	**33.3**	**-25.2**
AS$ bilion	**-6.7**	**2.1**	**8.8**	**-6.6**
% daripada KNK	-8.3			-7.5

a Anggaran

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Graf 1.47
Ketibaan Pelancong dan Perolehan Pelancongan



meningkat pada kadar 2.9% di mana sebahagian besarnya disebabkan oleh peningkatan eksport perkhidmatan, terutamanya dalam sektor pelancongan. Keseluruhannya, kemajuan dalam

tempatan oleh pekilang-pekilang yang kian meningkat selaras dengan usaha-usaha Kerajaan untuk membangunkan sektor perkhidmatan di bawah asas gugusan pendekatan "Perkilangan *Plus Plus*" dalam Pelan Induk Industri Kedua.

Lebihan bersih akaun perjalanan terus meningkat pada tahun 2002 kepada RM17.1 bilion (2001: RM16.1 bilion) disebabkan terutamanya oleh ketibaan pelancong asing yang bertambah pada kadar 4% kepada 13.3 juta orang (2001: 12.8 juta orang) meskipun industri pelancongan dalam rantau ini mengalami keadaan tidak menentu kesan daripada meningkatnya kebimbangan terhadap kemungkinan berlakunya keganasan. Bilangan kedatangan pelawat harian kekal tinggi pada jumlah 7.5 juta orang. Hasilnya, perolehan daripada pelawat asing (termasuk pelawat harian) meningkat pada kadar 3.7% kepada RM26.8 bilion. Peningkatan perolehan pelancongan mencerminkan kejayaan penyelarasan strategi pemasaran oleh Kerajaan dan

Pengembangan sektor pelancongan serta peningkatan dalam perkhidmatan lapangan terbang dan pelabuhan membawa pengurangan secara progresif dalam defisit akaun perkhidmatan.

defisit akaun perkhidmatan ini berpunca daripada aliran masuk bersih yang lebih tinggi dalam akaun perjalanan dan bayaran kontrak dan profesional yang lebih rendah berikutan siapnya beberapa projek besar. Pembayaran kasar berkurangan dan peratusan bahagian aliran keluar perkhidmatan daripada KDNK jatuh kepada 17.3% pada tahun 2002 (-18.9% pada tahun 2001). Pembayaran ke luar negara yang lebih rendah mencerminkan penggunaan perkhidmatan

sektor swasta dalam tiga kategori utama. Kategori tersebut ialah penumpuan kepada pasaran terpilih seperti Republik Rakyat China, India dan Asia Barat, pelonggaran dalam syarat keperluan visa dan pertambahan perhubungan melalui peningkatan kekerapan penerbangan (termasuk penerbangan tempahan) dari lebih banyak pintu masuk. Selepas peristiwa 11 September, Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia telah mengambil usaha-usaha

Graf 1.48
2002: Komponen Perolehan Kasar Akaun Perkhidmatan (% bahagian)



Graf 1.49
2002: Komponen Pembayaran Kasar Akaun Perkhidmatan (% bahagian)



proaktif untuk mengembalikan keyakinan. Satu program untuk menarik minat ejen pelancongan, media dan penganjur konvensyen luar negeri ke Malaysia berkesan dalam meningkatkan purata bulanan kedatangan pelancong asing pada tahun 2002 kepada 1.1 juta orang, berbanding purata bulanan berjumlah 0.8 juta orang bagi tempoh Oktober-Disember 2001. Komposisi pelancong asing juga telah berubah, dengan kedatangan pelancong dari Asia meningkat sebanyak 6.5%. Pertumbuhan yang tinggi dicatatkan oleh pelancong dari Republik Rakyat China (23%), India (27.8%) dan Asia Barat (14.8%). Pelancong dari negara serantau (pelancong dari Asia Timur tidak termasuk Jepun) mencakupi kira-kira 81% daripada jumlah kedatangan pelancong asing dan menyumbang kira-kira 72% daripada jumlah perolehan pelancongan. Peningkatan mapan perolehan pelancongan daripada pelancong-pelancong kawasan serantau dan Asia Barat lebih daripada mengimbangi kemerosotan perolehan daripada pelancong jarak jauh.

Bagi eksport perkhidmatan pendidikan, usaha-usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat pendidikan serantau ini tertumpu kepada menarik pelajar-pelajar dari pasaran baru seperti Vietnam dan Asia Barat dan pasaran sedia ada di negara-negara serantau. Justeru, jumlah pelajar antarabangsa telah meningkat dengan ketara sebanyak 55.7% kepada 36,468 orang, dengan jumlah pelajar dari Indonesia dan Republik Rakyat China terus mencakupi sebahagian besar jumlah pelajar antarabangsa. Satu perkembangan penting di sektor pendidikan ialah penubuhan kampus cawangan kolej-kolej swasta Malaysia di Republik Rakyat China, Indonesia dan Negeri Thai secara francais. Sungguhpun perkembangan sektor ini akan menghasilkan pendapatan pendidikan dari luar negara yang lebih tinggi, perolehan daripada pelancongan pendidikan masih kecil, mencakup kira-kira 1% daripada jumlah perolehan perjalanan dan 0.5% daripada jumlah perolehan perkhidmatan.

Sementara itu, pelancongan kesihatan telah muncul sebagai bidang pertumbuhan baru yang berpotensi untuk menjadi sumber perolehan pertukaran asing yang utama, berdasarkan peningkatan permintaan penjagaan kesihatan berkualiti tinggi pada harga berpatutan dari negara-negara kawasan serantau. Justeru, hasil perolehan daripada pesakit asing yang mendapatkan perkhidmatan perubatan tempatan meningkat dengan ketara kepada RM150 juta pada tahun 2002 daripada RM28 juta pada tahun 2001. Penjana pertumbuhan ini ialah promosi yang disasarkan ke pasaran serantau dan Asia Barat, yang diterajui oleh Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia dengan usaha sama MATRADE dan sektor swasta.

Dari segi pembayaran, aliran keluar perjalanan berjumlah RM9.9 bilion berikutan bayaran yang lebih tinggi bagi pendidikan luar negeri dan menunaikan haji lebih daripada mengimbangi perbelanjaan yang ditanggung oleh rakyat Malaysia ke luar negeri. Pembayaran untuk pendidikan di luar negara meningkat 17.5% dengan jumlah pelajar Malaysia di luar negara meningkat pada semua tahap pendidikan tinggi. Aliran keluar perjalanan juga adalah disebabkan oleh pertambahan jumlah penunai fardhu haji sebanyak 12.6% yang menyebabkan peningkatan jumlah pembayaran urusan haji sebanyak 54.1%.

Satu lagi faktor yang menyumbang kepada defisit perkhidmatan yang lebih rendah ialah aliran keluar bersih yang lebih rendah berjumlah RM11.2 bilion (2001: -RM13.2 bilion) dalam **akaun perkhidmatan lain**. Aliran keluar kasar yang lebih kecil ini (2002: -RM29.4 bilion, 2001: -RM31.1 bilion) mencerminkan permintaan yang lebih rendah bagi perkhidmatan pembinaan dan kejuruteraan pada tahun 2002, ekoran selesainya beberapa projek besar yang diswastakan pada tahun 2000 dan 2001. Pembayaran kepada pembekal perkhidmatan asing dalam bidang berkaitan dengan perkhidmatan komunikasi, komputer dan maklumat turut berkurangan sejajar dengan perkembangan kepelbagaian perkhidmatan yang disediakan oleh sektor telekomunikasi dan multimedia tempatan. Perolehan eksport yang lebih baik daripada perkhidmatan pembinaan dan pemasangan yang disediakan oleh syarikat-syarikat Malaysia dalam projek-projek di luar negara seperti pembinaan jalan raya dan lebuh raya, turut menyumbang kepada susutnya defisit akaun perkhidmatan lain. Peningkatan permintaan untuk perkhidmatan profesional tempatan dengan penubuhan pusat kegiatan global dan serantau yang menyediakan perkhidmatan komunikasi dan sokongan rangkaian melintas sempadan jelas kelihatan pada perolehan yang lebih tinggi daripada fi perkhidmatan profesional seperti perkhidmatan teknikal, perniagaan, komputer dan maklumat. Hasilnya, penerimaan daripada akaun perkhidmatan lain meningkat kepada RM18.2 bilion pada tahun 2002 (RM17.9 bilion pada tahun 2001).

Defisit dalam **akaun pengangkutan** meningkat kepada RM11.5 bilion (2001: -RM11.4 bilion),

sebahagian besarnya mencerminkan kenaikan bayaran pengangkutan oleh syarikat perkapalan antarabangsa yang disebabkan oleh kos bahan api yang lebih tinggi dan premium risiko yang meningkat di beberapa laluan. Pembayaran kasar yang lebih tinggi juga disebabkan oleh jumlah dagangan yang lebih besar. Perolehan kasar meningkat disebabkan oleh perolehan yang lebih tinggi daripada pengangkutan udara dan perkhidmatan yang semakin baik daripada khidmat kargo dan perkapalan tempahan tempatan dan perkhidmatan-perkhidmatan berkenaan dengan pelabuhan. Jumlah muatan kontena yang dikendalikan oleh enam pelabuhan utama (iaitu Pelabuhan Kelang, Pelabuhan Johor, Pelabuhan Tanjung Pelepas, Pelabuhan Pulau Pinang, Pelabuhan Sabah dan Pelabuhan Bintulu) bertambah sebanyak 20.7% kepada 8.8 juta TEU (20 kaki unit setara) pada tahun 2002. Peningkatan jumlah perdagangan ini mencerminkan kenaikan jumlah muatan yang dipindahkan antara kapal yang dikendalikan oleh pelabuhan dan usaha-usaha yang diambil untuk meningkatkan daya saing dan kecekapan perkhidmatan pelabuhan dan berkaitan dengan pelabuhan menerusi pengurusan yang lebih baik, peningkatan pelaburan dalam infrastuktur dan kemudahan-kemudahan, dan pemudahan perdagangan menerusi penyelarasan prosedur mengendalikan kargo.

Defisit dalam **akaun pendapatan** mengecil kepada RM25.2 bilion atau nisbah 7.5% kepada KNK (2001: -RM25.6 bilion, -8.3% daripada KNK). Pencapaian baik ini mencerminkan pemulihan keuntungan dan dividen yang terakru kepada syarikat-syarikat Malaysia yang melabur di luar negara, terutamanya dalam sektor pertanian dan perkhidmatan (2002: RM0.7 bilion, 2001: -RM0.2 bilion). Sementara itu, keuntungan dan dividen terakru kepada pelabur langsung asing turut meningkat ekoran prestasi eksport yang lebih baik daripada industri berorientasikan eksport, terutamanya industri elektronik dan petroleum. Keuntungan dan dividen terakru kepada pelabur langsung asing ini mencakup 68.8% daripada aliran keluaran kasar akaun pendapatan. Walau bagaimanapun, aliran keluar sebenar pendapatan pelaburan adalah jauh lebih rendah memandangkan sebahagian besar keuntungan ini disimpan di Malaysia. Sementara itu, pendapatan pelaburan portfolio terus mencatatkan aliran keluar bersih ekoran daripada keadaan pasaran ekuiti global dan kawasan serantau yang lebih lemah. Pendapatan pelaburan lain (terutamanya pendapatan faedah) mencatat aliran keluar bersih disebabkan oleh bayaran faedah ke atas hutang luar negara lebih daripada mengimbangi pulangan faedah yang lebih rendah daripada aset luaran Bank Negara Malaysia dan sektor korporat, termasuk bank-bank perdagangan.

Pada tahun 2002, aliran keluar bersih bagi **akaun pindahan semasa** meningkat dengan ketara kepada RM10.4 bilion (2001: -RM8.2 bilion). Ini mencerminkan terutamanya penghantaran pulang wang sekali sahaja oleh 318,272 orang pekerja asing tanpa izin yang pulang ke negara asal masing-masing di bawah Program Pengampunan yang dilaksanakan oleh Jabatan Imigresen bagi tempoh 22 Mac hingga 31 Julai 2002. Tambahan pula, pengiriman wang oleh pekerja asing seramai 1,057,156 yang berdaftar terutamanya dalam sektor perkilangan dan pertanian turut menyumbang kepada peningkatan aliran keluar bersih tersebut.

Sepanjang lima tahun yang lalu, kedudukan kewangan luaran Malaysia terus bertambah baik selaras dengan langkah-langkah yang diambil untuk mengukuhkan kedudukan luaran negara. Dalam keadaan pasaran kewangan global yang tidak menentu, aliran keluar modal jangka pendek telah menyusut secara berterusan berikutan perbezaan kadar faedah yang bertambah luas yang memihak kepada Malaysia. Pada masa yang sama, aliran modal jangka panjang, terutamanya pelaburan langsung asing (FDI) dapat dikekalkan bagi melengkapi pembiayaan kewangan dalam negeri untuk menyokong pertumbuhan ekonomi.

Pada tahun 2002, kedudukan **akaun kewangan** bertambah baik bagi tahun yang ketiga berturut-turut dengan mencatatkan aliran keluar bersih yang lebih rendah, iaitu sebanyak RM12 bilion (2001: -RM14.8 bilion). Ini disebabkan terutamanya oleh aliran masuk modal jangka panjang yang lebih tinggi, khususnya pelaburan langsung asing dan sebahagian kecilnya, pinjaman luar negara oleh Kerajaan Persekutuan. Aliran keluar modal swasta jangka pendek merosot pada tahun 2002. Memandangkan tempoh matang bagi liabiliti luaran negara terus beralih ke arah julat jangka yang lebih panjang, profil risiko Malaysia menjadi bertambah baik, justeru meningkatkan lagi daya tahan kepada kejutan luaran.

Jumlah aliran masuk **FDI** ke Malaysia adalah stabil semenjak beberapa tahun kebelakangan ini walaupun dalam keadaan ketidaktentuan global dan saingan yang lebih sengit dengan negara-negara membangun

Jadual 1.26
Imbangan Pembayaran: Akaun Kewangan

	2001	2002*a*	2001	2002*a*
	RM bilion		AS$ bilion	
Akaun Kewangan	**-14.8**	**-12.0**	**-3.9**	**-3.2**
Pelaburan Langsung	**1.1**	**4.7**	**0.3**	**1.2**
Di Malaysia				
(pelaburan langsung asing)	2.1	12.0	0.6	3.2
Di luar negara				
(pelaburan di luar negara)	-1.0	-7.3	-0.3	-1.9
Pelaburan Portfolio	**-2.5**	**-6.7**	**-0.7**	**-1.8**
Pelaburan Lain	**-13.4**	**-9.9**	**-3.5**	**-2.6**
Sektor awam	7.1	4.7	1.9	1.2
Kerajaan Persekutuan (bersih)	6.3	8.0	1.7	2.1
Pinjaman kasar	7.0	10.5	1.9	2.8
Pembayaran balik	0.7	2.5	0.2	0.7
PABK (bersih)	0.9	-3.3	0.2	-0.9
Pinjaman kasar	10.7	3.5	2.8	0.9
Pembayaran balik	9.8	6.8	2.6	1.8
Sektor swasta	-20.5	-14.6	-5.4	-3.9

a Anggaran

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

yang baru untuk mendapatkan FDI. Satu perkembangan yang nyata pada tahun 2002 adalah perubahan dalam corak aliran FDI. Aliran FDI ini adalah lebih meluas, dengan bahagian yang lebih besar daripada aliran baru ini beralih ke arah aktiviti yang mempunyai nilai ditambah yang lebih tinggi di sektor perkhidmatan, di samping aliran masuk yang berkekalan ke sektor perkilangan. Perubahan struktur dalam aliran FDI ini adalah sejajar dengan transformasi ekonomi Malaysia ke arah sektor perkhidmatan sebagai satu sumber pertumbuhan dan peralihan kepada ekonomi yang berteraskan pengetahuan.

Kedudukan akaun kewangan bertambah baik dengan aliran masuk FDI yang lebih besar dan aliran keluar modal jangka pendek yang lebih rendah. Aliran FDI adalah lebih meluas di sektor perkhidmatan, perkilangan dan minyak dan gas. Pelaburan di luar negara telah mula menghasilkan penghantaran balik keuntungan dan dividen ke Malaysia.

Pada tahun 2002, aliran bersih FDI ke Malaysia meningkat kepada RM12 bilion (2001: RM2.1 bilion) atau 3.6% daripada KNK. Aliran masuk kasar FDI pula meningkat kepada RM22.4 bilion (2001: RM18.8 bilion). Aliran keluar pula sebahagiannya mencerminkan pengambilalihan kepentingan milik asing dalam perniagaan di Malaysia oleh syarikat tempatan serta pembayaran balik pinjaman kepada syarikat berkaitan.

Dari segi aliran masuk kasar, bahagian yang lebih besar, iaitu sebanyak 38% daripada jumlah aliran masuk FDI adalah ke sektor perkhidmatan. Aliran masuk untuk aktiviti perkilangan dan minyak dan gas berkekalan dengan bahagian masing-masing sebanyak 28% dan 34%. Pelaburan baru di sektor perkhidmatan dicerminkan oleh arah aliran yang semakin meningkat ke arah penubuhan penggabungan strategik antara pelabur asing bersama dengan rakan dagangan di Malaysia dalam pelbagai subsektor seperti perkhidmatan perdagangan borong, runcit, perniagaan, kewangan dan insurans. Di samping itu, lebih banyak syarikat multinasional beroperasi di negara ini dengan menubuhkan pejabat pusat serantau, termasuk ibu pejabat operasi, pusat sumber dan pengagihan, pusat pemprosesan data serantau serta pusat perkhidmatan kewangan dan perkhidmatan pelanggan. Bagi melicinkan lagi pembangunan sektor yang semakin meningkat ini, MIDA telah menubuhkan Bahagian Promosi Sektor Perkhidmatan pada bulan April 2002 manakala Bajet Tahun 2003 telah memberikan beberapa insentif tambahan bagi pelaburan di sektor perkhidmatan. Pelaburan asing di sektor perkilangan kebanyakannya bertujuan untuk menaikkan taraf peralatan memandangkan penggunaan kapasiti oleh pekilang-pekilang meningkat berikutan meningkatnya permintaan terhadap barangan elektronik. Beberapa syarikat multinasional juga telah menaikkan taraf kemudahan di kilang mereka ke arah peningkatan dalam rantaian nilai untuk mengeluarkan barangan dengan nilai ditambah yang lebih tinggi dan berorientasikan teknologi serta untuk beroperasi sebagai pembekal *turnkey* untuk kerja-kerja ujian. Pada tahun 2002, aliran masuk FDI ke sektor minyak dan gas juga adalah nyata, mencerminkan terutamanya penubuhan beberapa usaha sama yang baru dalam projek penerokaan minyak dan gas antara syarikat-syarikat minyak Malaysia dengan syarikat minyak antarabangsa.

Pelaburan langsung Malaysia di luar negara meningkat dengan nyata kepada RM7.3 bilion pada tahun 2002 (2001: -RM1 bilion), diterajui oleh beberapa syarikat Malaysia yang besar dan kukuh

melalui pelaburan di sektor minyak dan gas, perkilangan dan utiliti. Terdapat juga perubahan dalam corak pelaburan ke luar negara, dengan aliran dana kini lebih ke negara-negara maju berbanding dengan pelaburan ke luar negara pada tahun-tahun sebelum ini yang lebih cenderung ke negara-negara yang sedang membangun. Skop pelaburan juga lebih meluas, yang mana selain daripada sektor perladangan dan perkilangan, pelaburan turut disalurkan ke sektor lain seperti sektor utiliti dan perkhidmatan kewangan. Kebanyakan daripada pelaburan ini dilaksanakan melalui pengambilalihan dan usaha sama, di samping pelaburan baru. Selain pembekalan modal ekuiti terutamanya daripada dana dalaman syarikat, pelaburan luar negara yang lebih tinggi ini juga dibiayai oleh pemberian pinjaman yang lebih tinggi oleh syarikat induk di Malaysia kepada syarikat bersekutu mereka di luar negara. Pelaburan ini bukan sahaja meningkatkan eksport barangan dan perkhidmatan Malaysia, malahan turut memberi sumbangan kepada pertumbuhan pendapatan melalui penghantaran balik keuntungan dan dividen ke Malaysia. Pada tahun 2002, keuntungan dan dividen yang terakru kepada syarikat-syarikat Malaysia yang melabur di luar negara pulih untuk mencatat aliran masuk bersih sebanyak RM0.7 bilion. Secara keseluruhan, aliran masuk FDI ke Malaysia lebih daripada mencukupi untuk mengimbangi pelaburan Malaysia ke luar negara yang semakin meningkat. Dengan itu, imbangan **pelaburan langsung bersih** telah mencatatkan aliran masuk bersih yang lebih tinggi iaitu sebanyak RM4.7 bilion pada tahun 2002 (2001: RM1.1 bilion).

Pelaburan portfolio mencatatkan aliran keluar bersih yang lebih tinggi sebanyak RM6.7 bilion pada tahun 2002 (2001: -RM2.5 bilion). Pada suku pertama, pelaburan portfolio mencatatkan aliran masuk bersih sebanyak RM2.9 bilion (S1 2001: -RM2.4 bilion) berikutan sentimen para pelabur yang bertambah baik sejajar dengan pemulihan ekonomi Malaysia. Dalam tempoh berkenaan, sebuah agensi penarafan antarabangsa telah menaikkan penarafan prospek Kerajaan Malaysia. Walau bagaimanapun, pelaburan portfolio mencatatkan aliran keluar bersih pada suku kedua, mencerminkan ketidaktentuan pasaran kewangan global dan ekoran daripada kelembapan pasaran saham serantau dan global. Aliran keluar bersih ini juga sebahagian kecilnya disebabkan oleh penebusan sekuriti hutang oleh sebuah syarikat tempatan, yang mana telah mengurangkan hutang luar negara sektor swasta. Sepanjang separuh kedua tahun 2002, pelaburan portfolio terus mencatatkan aliran keluar bersih, sejajar dengan kelemahan pasaran saham global yang berpanjangan, di kala meningkatnya ketidaktentuan berhubung dengan pemulihan ekonomi sedunia dan risiko geopolitik yang semakin meruncing. Aliran keluar bersih pelaburan portfolio pada suku keempat mencerminkan sebahagian kecilnya pembelian saham keutamaan yang boleh ditebus oleh pemastautin daripada pemegang bukan pemastautin.

Akaun pelaburan lain mencatatkan aliran keluar bersih yang nyata lebih rendah, iaitu sebanyak RM9.9 bilion pada tahun 2002 apabila aliran masuk modal jangka panjang bagi sektor awam kekal mapan, manakala aliran keluar bersih modal jangka pendek sektor swasta berkurangan. **Sektor awam** mencatatkan pengambilan pinjaman luar negara yang lebih rendah. Aliran masuk daripada terbitan bon baru pada tahun 2002 telah diimbangi sebahagiannya oleh pembayaran balik bersih hutang luar negara oleh Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK). Aliran masuk pinjaman baru sektor awam adalah hasil daripada pembukaan semula bon global yang matang pada tahun 2011, dengan nilai tambahan sebanyak AS$750 juta pada bulan Mac 2002 dan terbitan Sijil Amanah Global Islam dengan tempoh matang lima tahun bernilai AS$600 juta pada bulan Jun 2002. Di samping itu, terdapat juga pengambilan pinjaman daripada institusi kewangan pelbagai hala dan sumber dua hala, termasuk Inisiatif Miyazawa. PABK mencatatkan pembayaran balik bersih pinjaman luar negara pada tahun 2002, dengan matangnya beberapa bon dan pinjaman yang diterbitkan sebelum ini.

Sektor swasta mencatatkan aliran keluar bersih yang lebih kecil sebanyak RM14.6 bilion pada tahun 2002. Ini terdiri terutamanya daripada pinjaman dan pemberian pinjaman serta penyimpanan dan pengeluaran deposit oleh sektor perbankan dan sektor swasta bukan bank dengan pihak yang tidak berkaitan. Keadaan yang lebih baik ini kebanyakannya disebabkan oleh pinjaman bersih mata wang asing sektor perbankan untuk mengambil peluang arbitraj berikutan perbezaan kadar faedah yang memihak kepada Malaysia pada tahun 2002. Aliran masuk ini mengimbangi sebahagian aliran keluar dana sektor swasta bukan bank yang lebih besar, mencerminkan terutamanya kredit perdagangan yang lebih tinggi yang diberikan kepada pengimport di luar negara. Pada

tahun 2002, terdapat juga pembayaran balik bersih yang besar dan prabayaran pinjaman luar negara oleh sektor swasta berikutan penstrukturan semula hutang korporat.

Hutang Luar Negara

Malaysia terus mengekalkan strategi pengurusan hutang luar negara yang berhemat untuk memastikan hutang luar negara adalah rendah dan profil hutang cenderung kepada struktur tempoh kematangan yang lebih panjang. Kedudukan hutang luar negara yang secara relatifnya rendah adalah hasil daripada pengurusan hutang yang aktif oleh pihak berkuasa yang menepati garis panduan antarabangsa mengenai perlindungan berhemat bagi memastikan keupayaan negara kekal kukuh untuk menghadapi cabaran kejutan luar. Perlindungan berhemat termasuk usaha giat untuk mengurangkan risiko pendedahan kepada kejutan kadar faedah sedunia, pergerakan kadar pertukaran yang tidak baik dan perubahan sentimen pelabur. Matlamat utama perlindungan ini adalah untuk memastikan kepelbagaian pinjaman luar negara oleh sektor awam dan swasta dari segi mata wang, instrumen hutang dan penghutang untuk mempelbagaikan risiko, mencapai profil kematangan yang lebih panjang dan memperoleh akses yang lebih meluas di pasaran modal antarabangsa. Tambahan lagi, keupayaan khidmat hutang dalam jangka sederhana, terutamanya oleh sektor swasta, dipastikan menerusi garis panduan yang mensyaratkan hutang luar negara hanya digunakan untuk membiayai aktiviti produktif yang akan menghasilkan pendapatan berasaskan pertukaran asing untuk menjelaskan hutang. Pengurusan hutang negara telah disokong dengan secukupnya oleh sistem pengawasan hutang yang berkesan yang membolehkan pihak berkuasa mengawasi perubahan menyeluruh paras hutang, struktur hutang serta tuntutan khidmat bayaran hutang oleh sektor awam dan swasta.

Kedudukan hutang luar negara masih di sekitar had yang berhemat dan nisbah khidmat bayaran hutang keseluruhan adalah rendah. Bahagian hutang luar negara jangka pendek kekal di antara yang terendah di rantau ini dan adalah hanya 24% daripada rizab.

Kedudukan hutang luar negara Malaysia pada tahun 2002 masih di sekitar had yang berhemat. Meskipun jumlah hutang luar negara yang belum dijelaskan meningkat sebanyak RM11.5 bilion atau 6.6% kepada RM185.3 bilion (AS$48.8 bilion) pada akhir tahun 2002, nisbah hutang luar negara kepada KNK dan hutang luar negara kepada eksport barangan dan perkhidmatan kekal stabil, masing-masing pada 55.1% dan 44.2%. Peningkatan dalam jumlah hutang luar negara mencerminkan terutamanya pinjaman pasaran yang lebih tinggi oleh Kerajaan Persekutuan dan kerugian penilaian semula akibat penyusutan nilai dolar AS. **Nisbah khidmat bayaran hutang** secara keseluruhannya (tidak termasuk prabayaran) kekal rendah pada 6% pada tahun 2002.

Bahagian hutang jangka pendek daripada jumlah hutang luar negara kekal rendah, mencakupi 17% daripada jumlah hutang luar negara, berbanding sebanyak 25.3% pada akhir tahun 1997. Nisbah hutang jangka pendek kepada rizab antarabangsa masih merupakan salah satu nisbah yang terendah di rantau ini, mencakup hanya 24% daripada rizab (akhir tahun 1997: 73.2%). Tambahan lagi, kira-kira dua pertiga daripada hutang jangka sederhana dan panjang mempunyai baki tempoh matang melebihi tiga tahun.

Jadual 1.27
Hutang Luar Negara Yang Belum Dijelaskan

	2001		2002*a*	
	RM juta	AS$ juta	RM juta	AS$ juta
Jumlah hutang	**173,830**	**45,745**	**185,348**	**48,776**
Jangka sederhana dan panjang	149,629	39,376	153,767	40,465
Jangka pendek[1]	24,201	6,369	31,582	8,311
% daripada jumlah hutang	*13.9*	*13.9*	*17.0*	*17.0*
% daripada rizab antarabangsa	*20.6*	*20.6*	*24.0*	*24.0*
% daripada KNK				
Jumlah hutang	56.3	56.3	55.1	55.1
Hutang jangka sederhana dan panjang	48.4	48.4	45.7	45.7
% daripada eksport barangan dan perkhidmatan				
Jumlah hutang	43.9	43.9	44.2	44.2
Hutang jangka sederhana dan panjang	37.8	37.8	36.7	36.7
Nisbah khidmat bayaran hutang (%)	**6.1**	**6.1**	**6.0**	**6.0**

[1] Merujuk kepada hutang jangka pendek bank dan sektor swasta bukan bank.
a Awalan

Graf 1.50
Hutang Luar Negara Yang Belum Dijelaskan



Khidmat Bayaran Hutang



Hutang luar negara jangka sederhana dan panjang yang belum dijelaskan meningkat sebanyak RM4.1 bilion atau 2.8% kepada RM153.8 bilion (AS$40.5 bilion) pada akhir tahun 2002. Peningkatan ini disebabkan terutamanya oleh kerugian penilaian semula pertukaran asing sebanyak RM3.7 bilion akibat daripada penyusutan nilai ringgit, khususnya berbanding dengan yen dan euro. Pada tahun 2002, sektor awam, yang terdiri daripada Kerajaan Persekutuan dan Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK), mencatatkan pengambilan pinjaman bersih yang lebih rendah sebanyak RM4.7 bilion (2001: RM7.2 bilion) kerana sebahagian daripada pengambilan pinjaman luar negara bersih yang besar sedikit oleh Kerajaan Persekutuan telah diimbangi oleh pembayaran balik bersih oleh PABK. Sebahagian besar aliran masuk bersih ini telah diimbangi oleh pembayaran balik bersih oleh sektor swasta sebanyak RM4.2 bilion.

Pada tahun 2002, **hutang luar negara jangka pendek** (dengan tempoh matang satu tahun atau kurang) meningkat sebanyak RM7.4 bilion kepada RM31.6 bilion (AS$8.3 bilion) mencerminkan terutamanya peningkatan dalam pinjaman luar negara oleh sektor perbankan. Sebahagian besar pinjaman ini diperoleh pada suku keempat, apabila bank perdagangan mengambil kesempatan daripada peluang arbitraj berikutan pelebaran perbezaan kadar faedah yang memihak kepada Malaysia. Peningkatan urus niaga jangka pendek ini adalah sementara dan akan dijelaskan apabila matang. Sementara itu, pinjaman jangka pendek oleh sektor swasta bukan bank, terdiri terutamanya daripada kredit pusingan dan pinjaman antara syarikat, berkurangan pada tahun 2002. Secara khususnya, terdapat pembayaran balik yang besar sebanyak RM3.1 bilion pada suku kedua untuk pinjaman penyambung yang diperoleh pada suku keempat tahun 2001 untuk membiayai pengambilalihan milik kawalan sebuah syarikat telekomunikasi daripada rakan niaga bukan pemastautin.

Komposisi mata wang hutang jangka sederhana dan panjang kekal dengan bahagian yang besar dalam sebutan dolar Amerika Syarikat, iaitu sebanyak 77% daripada hutang luar negara yang belum dijelaskan pada akhir tahun 2002. Bahagian hutang dalam sebutan yen stabil pada 15% manakala bahagian pinjaman dalam sebutan euro meningkat sedikit kepada 4%. Baki 4% daripada hutang adalah disebut dalam mata wang antarabangsa lain, terdiri daripada paun sterling, franc Switzerland dan dolar Singapura. Komposisi mata wang hutang luar negara pada umumnya adalah sejajar dengan komposisi mata wang pendapatan luar negara Malaysia, dan dengan itu mewujudkan lindungan nilai secara semulajadi terhadap risiko mata wang.

Hutang luar negara sektor awam: Hutang luar negara sektor awam yang belum dijelaskan meningkat kepada RM100.6 bilion (AS$26.5 bilion), mencerminkan pengambilan pinjaman luar negara yang lebih tinggi oleh Kerajaan Persekutuan manakala hutang PABK menurun. Walaupun Kerajaan Persekutuan masih mengekalkan amalan untuk mendapatkan keperluan pembiayaan terutamanya daripada sumber-sumber dalam negeri yang tidak mendorong inflasi, ia mempunyai fleksibiliti untuk mendapatkan pembiayaan daripada pasaran modal antarabangsa berdasarkan kedudukan hutang luar negara yang rendah. Memandangkan keadaan pasaran yang memberangsangkan, khususnya kadar faedah yang

Graf 1.51
Tebaran Kadar Faedah Bon Global Kerajaan dan Bon Terpilih PABK berbanding dengan Pulangan Bil Perbendaharaan A.S.



rendah, Kerajaan telah mendapatkan pembiayaan luar negara bertujuan untuk mengekalkan kehadiran di pasaran dan menetapkan suatu kadar penanda aras untuk memudahkan sektor korporat menceburi pasaran modal AS, Eropah dan pasaran modal antarabangsa yang lain.

Pengambilan pinjaman kasar **Kerajaan Persekutuan** meningkat kepada RM10.5 bilion (AS$2.8 bilion) yang sebahagian besarnya diperoleh menerusi pembukaan semula Bon Global yang matang pada tahun 2011 dan penerbitan Sijil Amanah Global Islam. Pada bulan Mac 2002, Kerajaan membuka semula Nota 7.5% bernilai AS$1 bilion yang matang pada tahun 2011 dengan nilai tambahan sebanyak AS$750 juta pada pulangan yang lebih rendah pada 6.8%, di mana ianya adalah 90 mata asas lebih rendah daripada pulangan semasa terbitan permulaan sebanyak 7.7% pada bulan Julai 2001. Saiz pembukaan semula pada mulanya telah ditetapkan pada AS$500 juta. Walau bagaimanapun, memandangkan ianya menerima lebihan langganan sebanyak tujuh kali (lebihan langganan sebanyak dua kali pada terbitan permulaan pada bulan Julai 2001), terbitan berkenaan telah dinaikkan kepada AS$750 juta. Perkembangan ini mencerminkan keyakinan pelabur ke atas asas ekonomi Malaysia yang kukuh tatkala meningkat ketidaktentuan dalam ekonomi dunia. Pada bulan Jun 2002, Kerajaan berjaya menerbitkan bon Islam antarabangsa yang pertama di pasaran modal antarabangsa, iaitu Sijil Amanah Global Islam dengan tempoh matang 5 tahun bernilai AS$600 juta. Sijil yang berlandaskan Syariah ini juga dikenali sebagai Sukuk al-Ijarah atau sijil amanah dengan penyertaan pajakan, mempunyai kadar kupon sebanyak 95 mata asas ke atas London Inter Bank Offer Rate (LIBOR) 6 bulan dalam sebutan dolar AS. Sukuk menerima lebihan langganan lebih daripada dua kali ganda, mencerminkan minat dan penerimaan sijil Islam global yang pertama di seluruh dunia. Kejayaan Sukuk akan memberi dorongan kepada perkembangan pasaran kewangan Islam antarabangsa. Selain daripada membentuk satu penanda aras untuk terbitan yang serupa pada masa akan datang, ia juga telah meluaskan asas pelabur dan menawarkan satu jenis aset baru untuk pelabur Islam dan biasa.

Sebagai mencerminkan asas Malaysia yang kukuh dan selaras dengan kenaikan penarafan Kerajaan pada tahun 2002, tebaran kadar faedah ke atas sekuriti penanda aras Malaysia berkurangan lagi pada tahun 2002. Tebaran Bon Global Malaysia yang matang pada tahun 2011 berkurangan daripada 228 mata asas berbanding Perbendaharaan AS semasa terbitan permulaan pada 9 Julai 2001 kepada 175 mata asas di pembukaan semula pada 5 Mac 2002. Tebaran berkenaan berkurangan lagi kepada 140 mata asas pada akhir tahun 2002. Begitu juga, tebaran ke atas Bon Global yang matang pada tahun 2009 berkurangan dengan berterusan pada tahun 2002 kepada 78 mata asas pada akhir tahun 2002 (akhir tahun 2001: 145 mata asas). Pada tahun 2002, beberapa agensi penarafan kredit telah menaikkan penarafan Kerajaan Malaysia. Secara khususnya, selepas mengesahkan penarafan jangka panjang mata wang asing Kerajaan Malaysia pada BBB dan memberi penarafan positif kepada prospeknya pada 4 Mac 2002, Standard & Poor's telah menaikkan penarafan Malaysia kepada BBB+ pada 20 Ogos 2002 dan memberikan prospek yang stabil kepada penarafan. Sementara itu, Perkhidmatan Pelabur Moody's mengesahkan penarafan Baa2 ke atas hutang mata wang asing jangka panjang Malaysia dan meminda prospek kepada positif daripada stabil pada 3 April 2002. Selanjutnya, pada 24 September 2002, penarafan telah dinaikkan lagi kepada Baa1, dengan prospek yang stabil.

Pada tahun 2002, Kerajaan juga mengambil pinjaman luar negara yang dijanjikan di bawah Inisiatif Miyazawa serta pinjaman projek daripada sumber pelbagai hala seperti Bank Dunia, Bank Pembangunan Islam dan Bank Pembangunan Asia. Pada bulan Februari 2002, Kerajaan telah menandatangani satu pinjaman bernilai ¥68 bilion (AS$420 juta) dengan *Japan Bank for International*

Sijil Amanah Global Islam Yang Pertama

Kerajaan Malaysia telah berjaya menerbitkan sekuriti global kerajaan secara Islam yang pertama di dunia pada 25 Jun 2002. Sijil Amanah Global Islam menerima lebihan langganan sebanyak lebih daripada dua kali, mencerminkan minat dan penerimaan serata dunia yang kukuh terhadap sijil global secara Islam yang pertama ini. Terbitan berkenaan telah menarik minat pelabur yang meluas, merangkumi kedua-dua pelabur biasa dan dana berlandaskan Islam. Dari segi agihan menurut georafi, pelabur Timur Tengah mencakup 51% daripada jumlah langganan, diikuti oleh Asia (30%), Eropah (15%) dan AS (4%). Yang ketara adalah pelabur baru yang merangkumi 65% daripada keseluruhan langganan, yang menunjukkan kehadiran suatu asas pelabur baru yang besar. Pelabur dari Timur Tengah adalah lebih meluas, meliputi beberapa negara Arab. Secara bandingan, pelabur dari AS melanggan 48% daripada nilai tambahan sebanyak AS$750 juta dalam pembukaan semula bon global Malaysia bernilai AS$1 bilion pada kadar kupon 7.5% yang matang pada tahun 2011 pada bulan Mac 2002, diikuti oleh pelabur dari Asia (27%) dan Eropah (25%).

Dari segi penetapan harga, Sijil Amanah Islam pada mulanya diniagakan pada julat 95-98 mata asas melebihi kadar LIBOR 6 bulan dalam sebutan dolar AS, tetapi akhirnya ditetapkan harga pada tahap terendah, iaitu pada 95 mata asas melebihi kadar LIBOR 6 bulan dalam sebutan dolar AS. Terbitan berkenaan telah diberi penarafan Baa2 dan BBB, dengan prospek positif, masing-masing oleh *Moody's* dan *Standard and Poor's*, selaras dengan penarafan mata wang asing jangka panjang Kerajaan Malaysia.

Terbitan Sijil Amanah Global Islam membuktikan komitmen Malaysia yang berterusan dan kukuh dalam menyokong pembangunan perbankan dan kewangan Islam di peringkat global. Terbitan berkenaan, berlandaskan prinsip-prinsip Islam, adalah selaras dengan matlamat untuk memberi dorongan kepada pasaran kewangan Islam yang semakin berkembang, membentuk suatu instrumen baru bagi kedua-dua pelabur Islam dan biasa, mempelbagaikan asas pelabur bagi Malaysia serta membentuk suatu penanda aras bagi terbitan serupa yang lain.

Sijil Amanah Global Islam bernilai AS$600 juta dengan tempoh matang lima tahun ini dibentuk menurut konsep Sukuk al-Ijarah atau sijil amanah dengan penyertaan pajakan. Bagi memenuhi tuntutan Syariah, pembiayaan mestilah berasaskan aset dan tidak melibatkan pembayaran faedah secara konvensional. Sebaliknya, pemberi pinjaman memperoleh pulangan yang dikaitkan dengan prestasi aset yang terlibat. Dalam hal ini, para pelabur membeli sijil amanah sebagai bukti pemilikan sesuatu aset yang selanjutnya dipajakkan kepada Kerajaan Malaysia. Sijil Amanah berkenaan dikenali sebagai Sukuk dalam istilah Islam.

Dari segi mekanisme, sijil amanah ini membabitkan penjualan aset bertanah oleh Suruhanjaya Tanah Persekutuan Malaysia kepada badan tujuan khas (SPV), *Malaysia Global Sukuk Inc*, yang diperbadankan di Labuan. SPV membeli aset berkenaan secara tunai, dibiayai menerusi perolehan yang diterima daripada terbitan sijil amanah berkadar terapung yang dijual kepada para pelabur. SPV memajakkan aset bertanah itu kepada Kerajaan Malaysia selama lima tahun. Sijil amanah itu, dengan ini, merupakan hak milik ke atas aset dan pajakan tersebut.

Di sepanjang tempoh urus niaga ini, Kerajaan Malaysia akan membayar sewa pajakan setiap enam bulan pada kadar terapung kepada SPV, di mana SPV juga akan membayar perolehan kepada para pelabur setiap enam bulan pada kadar terapung. Kedua-dua bayaran ini ditetapkan pada tebaran 95 mata asas melebihi kadar LIBOR 6 bulan dalam sebutan dolar AS. Apabila cukup tempoh, SPV akan menjual aset bertanah terbabit kepada Kerajaan Malaysia pada harga belian asal, tanpa mengambil kira nilai pasaran aset berkenaan, di mana perolehan daripada jualan itu akan digunakan untuk membayar balik pelaburan pokok kepada para pelabur.

Graf 1: Struktur Urus Niaga



FLC – Suruhanjaya Tanah Persekutuan
SPV – Malaysia Global Sukuk Inc

Terbitan Sijil Amanah Global Islam yang pertama oleh Kerajaan Malaysia telah membuka jalan bagi instrumen yang serupa untuk ditawarkan oleh pelbagai pihak termasuk agensi yang ada hubung kait dengan Kerajaan dan syarikat-syarikat di Malaysia. Sementara syarikat-syarikat digalakkan untuk mempertimbangkan sijil amanah antarabangsa secara Islam sebagai instrumen baru untuk mendapatkan pembiayaan, mereka mempunyai fleksibiliti untuk memilih kaedah pembiayaan terbaik untuk memenuhi keperluan masing-masing.

Kejayaan Sijil Amanah Global Islam akan turut memberi dorongan kepada pembangunan pasaran kewangan Islam di peringkat global, terutamanya sebagai pemangkin bagi mempercepatkan pembangunan Pasaran Kewangan Islam Antarabangsa yang dilancarkan pada awal tahun 2002. Memandangkan Sijil berkenaan telah juga disenaraikan di Bursa Kewangan Labuan, di samping di Bursa Saham Luxembourg di mana bon biasa dan nota kadar terapung disenaraikan, ianya akan menggiatkan lagi pembangunan Pusat Kewangan Luar Pesisir Labuan sebagai sebuah pusat kewangan Islam antarabangsa.

Cooperation untuk membiayai projek pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) di Malaysia. Selepas mengambil kira pembayaran balik, pengambilan hutang tertentu yang diambil oleh perusahaan awam dan swasta dan kerugian penilaian semula pertukaran asing pada tahun itu, hutang luar negara Kerajaan Persekutuan yang belum dijelaskan meningkat kepada RM36.3 bilion atau AS$9.5 bilion (2001: RM24.3 bilion). Justeru, bahagian hutang Kerajaan Persekutuan juga meningkat daripada 14% daripada jumlah hutang pada akhir tahun 2001 kepada 19.6% pada akhir tahun 2002.

Jumlah hutang luar negara **PABK** yang belum dijelaskan menurun kepada RM64.3 bilion (AS$16.9 bilion) pada tahun 2002 (2001: RM67.4 bilion). Walaupun PABK terus memperoleh pinjaman luar negara jangka panjang daripada pasaran kewangan antarabangsa, terutamanya untuk membiayai pelaburan modal mereka, jumlah tersebut adalah nyata lebih rendah iaitu sebanyak RM3.5 bilion (AS$0.9 bilion; 2001: RM10.9 bilion). Pinjaman PABK termasuk pengambilan pinjaman di bawah Inisiatif Miyazawa oleh Tenaga Nasional Bhd., Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Bhd. dan Bank Industri Bhd., masing-masing untuk membiayai pembangunan projek stesen jana kuasa, infrastruktur pengangkutan, dan kemudahan kredit eksport. Pembayaran balik hutang luar negara oleh PABK kekal besar sebanyak RM6.8 bilion (AS$1.8 bilion) pada tahun 2002, disebabkan terutamanya oleh kematangan beberapa bon dan pinjaman.

Hutang luar negara sektor swasta: Hutang luar negara jangka sederhana dan panjang sektor swasta yang belum dijelaskan berkurangan sebanyak kira-kira 8.2% kepada RM53.2 bilion (AS$14 bilion) pada akhir tahun 2002. Hutang sektor swasta (termasuk hutang jangka pendek) terus mencakupi sebahagian

besar daripada hutang luar negara Malaysia, sebanyak 45.7% daripada jumlah hutang luar negara pada tahun 2002. Pada tahun tersebut, jumlah pengambilan hutang luar negara oleh sektor swasta adalah lebih rendah pada RM8.4 bilion (2001: RM12.1 bilion). Kira-kira dua pertiga daripada jumlah peminjaman luar negara adalah oleh syarikat milik bukan pemastautin, yang memperoleh sebahagian besar pinjaman daripada para pemegang saham serta syarikat-syarikat induk dan sekutu di luar pesisir. Pinjaman seumpama ini biasanya mempunyai tempoh matang yang lebih panjang, dengan syarat yang lebih fleksibel dan pada kadar faedah yang rendah. Pinjaman ini adalah dilindung nilai secara semulajadi, dengan perolehan dalam mata wang asing untuk membayar khidmat hutang. Pembayaran balik hutang jangka sederhana dan panjang sektor swasta adalah lebih tinggi pada tahun tersebut, berjumlah RM12.5 bilion (2001: RM9.6 bilion), mencerminkan prabayaran dan pembayaran balik pinjaman yang lebih besar yang sebahagiannya disebabkan oleh penstrukturan semula hutang korporat. Ini mengakibatkan pembayaran balik bersih sebanyak RM4.2 bilion, berbanding dengan pengambilan hutang luar negara bersih sebanyak RM2.5 bilion pada tahun 2001.

Walaupun Malaysia telah menerbitkan maklumat terperinci hutang luar negara secara tetap, Malaysia berazam untuk mematuhi keperluan baru **Piawai Penyebaran Data Khas** (SDDS) **IMF** untuk hutang luar negara. Keperluan data hutang luar negara mengikut piawaian SDDS yang baru adalah sejajar dengan format statistik untuk kedudukan pelaburan antarabangsa seperti yang dijelaskan dalam edisi kelima Garis Panduan Imbangan Pembayaran. Piawai SDDS berkenaan menggariskan penyebaran data hutang luar negara setiap suku tahun mengikut sektor, iaitu kerajaan am, pihak berkuasa kewangan, sektor perbankan, dan lain-lain. Data juga perlu dipecahkan mengikut tempoh matang (jangka pendek dan panjang) menurut tempoh kematangan yang asal dan mengikut instrumen. Pihak Bank kini sedang dalam proses untuk melaksanakan suatu sistem statistik yang baru untuk menyusun data hutang luar negara Malaysia berpandukan keperluan-keperluan ini. Penyebaran data hutang luar negara ini akan melengkapkan penyebaran maklumat hutang luar negara yang sedia ada melalui Buletin Perangkaan Bulanan dan Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia. Ini akan mempertingkatkan lagi ketelusan data hutang luar negara Malaysia.

Rizab Antarabangsa

Rizab antarabangsa bersih Bank Negara Malaysia (terdiri daripada emas, pertukaran mata wang asing, kedudukan rizab dengan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan milikan Hak Pengeluaran Khas (SDR)) meningkat sebanyak RM14.2 bilion atau AS$3.7 bilion pada tahun 2002 kepada RM131.4 bilion atau AS$34.6 bilion pada akhir tahun 2002.Pada 14 Mac 2003, rizab meningkat lagi kepada RM131.7 bilion atau AS$34.7 bilion. Paras rizab ini memadai untuk membiayai 5.3 bulan import tertangguh dan menampung 4.4 kali hutang luar negara jangka pendek.

Kenaikan rizab antarabangsa pada tahun 2002 disebabkan terutamanya oleh lebihan dagangan yang kukuh dan aliran masuk modal jangka panjang yang lebih besar. Paras rizab yang melebihi 4 kali hutang luar negara jangka pendek adalah tidak berbeban dan boleh digunakan.

Pada tahun 2002, rizab antarabangsa terus meningkat dengan berterusan daripada RM117.2 bilion pada akhir tahun 2001 kepada RM131.4 bilion pada akhir tahun 2002. Pengukuhan paras rizab antarabangsa di sepanjang tahun 2002 mencerminkan asas ekonomi keseluruhan yang

Jadual 1.28
Rizab Antarabangsa Bersih

	Pada akhir			Perubahan
	2000	2001	2002	2002
	RM juta			
Milikan SDR	418.7	487.8	585.0	97.2
Kedudukan rizab dengan IMF	3,310.9	3,193.5	3,315.5	122.0
Emas dan pertukaran wang asing	109,835.4	113,542.3	127,515.1	13,972.8
Rizab Antarabangsa Kasar	**113,565.0**	**117,223.6**	**131,415.6**	**14,192.0**
Tolak Tanggungan luar negara Bank Negara Malaysia	23.7	20.7	21.9	1.2
Rizab Antarabangsa Bersih	**113,541.3**	**117,202.9**	**131,393.7**	**14,190.8**
Nilai dalam AS$ juta	**29,879.3**	**30,842.9**	**34,577.3**	**3,734.4**
Bulan import tertangguh	4.5	5.1	5.4	
Rizab/Hutang luar negara jangka pendek (kali)	6.5	4.8	4.2	

Graf 1.52
Rizab Antarabangsa Bersih



kukuh dengan aliran masuk pertukaran mata wang asing dijana terutamanya daripada lebihan perdagangan yang kukuh. Sebahagian daripada rizab yang terkumpul juga berpunca daripada aliran masuk pelaburan langsung asing dan peminjaman luar negara oleh Kerajaan Persekutuan, yang sebahagian besarnya adalah pembukaan semula bon global dan terbitan Sijil Amanah Global Islam. Kenaikan rizab juga mencerminkan keuntungan penilaian semula bersih pada tahun tersebut. Walaupun ketidaktentuan ekonomi dunia semakin meningkat, aliran masuk perolehan eksport kekal besar. Aliran masuk ini lebih daripada mencukupi untuk menampung peningkatan import barangan dan perkhidmatan yang berkait dengan pengembangan permintaan dalam negeri dan eksport. Ianya diperkukuhkan lagi oleh perbezaan kadar faedah yang memihak kepada Malaysia pada tahun 2002.

Di samping aliran keluar untuk membiayai pembayaran terhadap import barangan dan perkhidmatan, terdapat juga pelaburan luar negara sektor swasta yang lebih besar. Pelaburan ini terutamanya untuk membiayai kegiatan di luar negara oleh syarikat-syarikat yang dikawal oleh pemastautin dan bukan pemastautin bagi memperluaskan peluang-peluang perniagaan mereka. Kegiatan ini bertujuan untuk meningkatkan eksport barangan dan perkhidmatan Malaysia ke negara penerima pelaburan dan selepas satu jangka masa tertentu, pelaburan ini akan meningkatkan aliran masuk pendapatan dan keuntungan ke Malaysia.

Pembayaran balik pinjaman luar negara yang besar terutamanya oleh sektor swasta pada tahun 2002, mencerminkan prabayaran pinjaman yang mahal dan pembayaran balik pinjaman berikutan aktiviti penstrukturan semula hutang korporat. Pembayaran balik ini telah mengurangkan paras hutang sektor swasta. Walaupun terdapat aliran masuk bersih dana portfolio pada awal tahun, aliran keluar dicatatkan pada separuh tahun kedua berikutan kelembapan pasaran saham serantau dan global akibat ketidaktentuan ekonomi dunia yang semakin meningkat.

Komposisi mata wang rizab Malaysia yang pelbagai telah menghasilkan keuntungan penilaian semula yang belum direalisasi pada suku kedua dan keempat. Ini berikutan penilaian semula suku tahun ke atas rizab akibat peningkatan nilai euro dan yen berbanding dolar AS dalam tempoh berkenaan. Keuntungan tersebut lebih daripada mengimbangi kerugian penilaian semula yang dialami pada suku pertama dan ketiga. Bagi tahun 2002, keuntungan penilaian semula bersih berjumlah RM6.6 bilion atau AS$1.7 bilion, berbanding dengan kerugian penilaian semula sebanyak RM4.1 bilion atau AS$1.1 bilion pada tahun 2001.

Rizab antarabangsa Bank boleh digunakan dan tidak berbeban. Ia tidak mengandungi hutang dalam sebutan mata wang asing yang melibatkan opsyen dan tidak terdapat saluran kredit tanpa syarat yang belum digunakan, yang diberi oleh atau kepada bank-bank pusat lain, organisasi antarabangsa, bank-bank dan institusi kewangan yang lain. Bank Negara Malaysia juga tidak terlibat dengan opsyen dalam mata wang asing berbanding ringgit.

Milikan rizab Malaysia dalam bentuk **Hak Pengeluaran Khas** (SDR) meningkat sebanyak RM97.2 juta kepada RM585 juta pada akhir tahun 2002. Peningkatan ini disebabkan terutamanya oleh penerimaan imbuhan daripada IMF berikutan kedudukan Malaysia sebagai pemberi kredit bersih dengan IMF serta keuntungan penilaian semula bersih ke atas milikan SDR. Pada tahun 2002, **kedudukan rizab Malaysia dengan IMF** menurun disebabkan oleh pembelian semula sebanyak SDR26.9 juta (RM134.9 juta) berikutan pembayaran balik ke akaun ringgit oleh tiga negara anggota IMF di bawah Belanjawan Operasi IMF. Tiada pembelian ringgit dilakukan pada tahun 2002. Persetujuan membeli ringgit bertujuan untuk membolehkan ringgit digunakan oleh IMF bagi memenuhi peminjaman dana oleh negara-negara anggota. Persetujuan membeli semula akan timbul apabila sesebuah negara yang telah meminjam ringgit

daripada IMF membuat pembayaran balik. Pembelian ringgit daripada IMF oleh sesebuah negara anggota akan mengakibatkan peningkatan dalam kedudukan rizab Bank manakala pembelian semula ringgit oleh negara anggota akan mengurangkan kedudukan rizab Bank. Walau bagaimanapun, dalam sebutan ringgit, kedudukan rizab dengan IMF mencatatkan kenaikan sebanyak RM122 juta pada akhir tahun 2002, disebabkan sebahagiannya oleh penerimaan imbuhan daripada IMF dan keuntungan penilaian semula pertukaran asing di tahun tersebut.

Dalam pengurusan rizab, pendekatan yang berhemat diguna pakai, berpandukan objektif untuk memastikan lindungan modal dan kecairan rizab di samping mengoptimumkan pulangan. Objektif ini terkandung dalam penanda aras bagi Bank, yang digunakan untuk menyelia prestasi portfolio rizab. Tambahan lagi, kesemua pelaburan adalah berpandukan kepada garis panduan pelaburan yang diluluskan untuk memastikan risiko kekal pada tahap yang berhemat. Rizab terdiri daripada mata wang asing utama dan emas. Pemegangan rizab mata wang asing adalah dalam bentuk deposit mata wang asing atau pelaburan dalam sekuriti Kerajaan dengan gred pelaburan yang tinggi.

Bank menyebarkan maklumat mengenai rizab antarabangsa dan penyata aset dan liabiliti Bank setiap dua minggu, dengan lat satu minggu. Tambahan lagi, Bank juga menerbitkan maklumat terperinci mengenai rizab antarabangsa pada penghujung setiap bulan (dengan lat satu bulan), sejajar dengan keperluan format data Piawai Penyebaran Data Khas (SDDS). Ia merangkumi penyebaran maklumat jangkaan tentang saiz, komposisi dan kegunaan rizab rasmi dan aset-aset mata wang asing yang lain serta aliran keluar dan masuk pertukaran mata wang asing pada masa hadapan dan potensinya (luar jangkaan) dalam tempoh 12 bulan akan datang.

ALIRAN DANA

Kekukuhan aktiviti ekonomi pada tahun 2002 menyebabkan lebihan sumber lebih rendah sedikit sebanyak RM27.4 bilion atau 8.1% daripada KNK pada tahun 2002 (2001: lebihan sumber sebanyak RM27.7 bilion atau 9% daripada KNK). Dari segi imbangan pembayaran, lebihan sumber yang lebih kecil ini mencerminkan peningkatan import barangan dan perkhidmatan yang lebih tinggi berbanding eksport. Walaupun eksport pulih dan meningkat pada kadar 5.7% (2001: -8.8%), import meningkat

Jadual 1.29
Aliran Dana: 2001

	Akaun Negara	Ekonomi Domestik			Negara-Negara Lain	Jumlah
		Sektor Awam	Sektor Swasta	Sistem Perbankan		
	RM bilion					
Pendapatan Boleh Guna	-300.8	96.4	204.4			0
Penggunaan	193.5	-42.9	-150.6			0
Pelaburan	83.3	-48.8	-34.5			0
Perubahan dalam Stok	-3.7		3.7			0
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	389.3				-389.3	0
Import Barangan dan Perkhidmatan	-327.8				327.8	0
Bayaran Faktor Luar Negara Bersih	-25.6				25.6	0
Pindahan Bersih	-8.2				8.2	0
Imbangan Bukan Kewangan	0.0	4.7	23.0	0.0	-27.7	0
Pembiayaan Asing						
Pelaburan Korporat			1.1		-1.1	0
Peminjaman Asing Bersih		7.1	-24.0		16.9	0
Perubahan Bersih dalam Aset Asing						
Bank Negara Malaysia				-3.7	3.7	0
Sistem Perbankan				1.0	-1.0	0
Pembiayaan Domestik						
Perubahan dalam Kredit Domestik		-1.5	20.3	-18.8		0
Perubahan dalam Bekalan Wang, M3			-13.0	13.0		0
Peminjaman Bersih daripada Sektor Bukan Bank		-14.3	14.3			0
Kesilapan dan Ketinggalan		4.0	-21.7	8.5	9.2	0
Jumlah		0	0	0	0	

Jadual 1.30
Aliran Dana: 2002

	Akaun Negara	Ekonomi Domestik			Negara-Negara Lain	Jumlah
		Sektor Awam	Sektor Swasta	Sistem Perbankan		
	RM bilion					
Pendapatan Boleh Guna	-326.0	106.5	219.5			0
Penggunaan	210.5	-51.4	-159.1			0
Pelaburan	83.6	-51.1	-32.5			0
Perubahan dalam Stok	4.5		-4.5			0
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	411.4				-411.4	0
Import Barangan dan Perkhidmatan	-348.4				348.4	0
Bayaran Faktor Luar Negara Bersih	-25.2				25.2	0
Pindahan Bersih	-10.4				10.4	0
Imbangan Bukan Kewangan	0.0	4.0	23.4	0.0	-27.4	0
Pembiayaan Asing						
Pelaburan Korporat			4.7		-4.7	0
Peminjaman Asing Bersih		4.7	-27.9		23.1	
Perubahan Bersih dalam Aset Asing						
Bank Negara Malaysia				-14.2	14.2	0
Sistem Perbankan				6.5	-6.5	0
Pembiayaan Domestik						
Perubahan dalam Kredit Domestik		11.7	26.2	-37.9		0
Perubahan dalam Bekalan Wang, M3			-31.6	31.6		0
Peminjaman Bersih daripada Sektor Bukan Bank		-11.4	11.4			0
Kesilapan dan Ketinggalan		-9.0	-6.2	14.0	1.2	0
Jumlah	0	0	0	0	0	

dengan kadar yang lebih cepat sebanyak 6.3% (2001: -8.6%). Dari perspektif jurang simpanan-pelaburan negara, lebihan sumber yang lebih kecil mencerminkan kedudukan simpanan bersih sektor awam yang lebih kecil. Aliran dana antara pelbagai sektor ekonomi pada tahun 2001 dan 2002 dirumuskan menerusi Jadual 1.29 dan 1.30.

Pendapatan boleh guna sektor awam meningkat 10.5% kepada RM106.4 bilion pada tahun 2002. Walau bagaimanapun, PABK mencatat lebihan sumber yang lebih kecil sebanyak RM16.3 bilion disebabkan oleh pelaburan yang lebih tinggi untuk program pengembangan kapasiti dan pemodenan. Namun demikian, penggunaan dan perbelanjaan pelaburan yang lebih tinggi, jurang sumber sektor Kerajaan adalah lebih kecil sebanyak RM12.3 bilion disebabkan oleh penerimaan pendapatan yang lebih tinggi. Sebahagian besar jurang sumber sektor Kerajaan dibiayai terutamanya oleh sumber dalam negeri.

Lebihan sumber sektor swasta hampir tidak berubah sebanyak RM23.4 bilion. Pendapatan boleh guna yang lebih tinggi sebanyak RM214.1 bilion pada tahun 2002 (2001: RM204.4 bilion), hasil daripada kekukuhan aktiviti ekonomi telah membolehkan sektor swasta mencatat penggunaan dan penabungan yang lebih tinggi. Lebihan sumber dan aliran masuk FDI (RM4.7 bilion), pinjaman bersih daripada sektor perbankan (RM26.2 bilion) dan pindahan bersih daripada sektor awam (RM11.4 bilion) menghasilkan sumber yang besar kepada sektor swasta berjumlah RM65.7 bilion (2001: RM58.7 bilion).

Sebahagian besar daripada sumber sektor swasta digunakan untuk simpanan deposit bersih sebanyak RM31.6 bilion (termasuk pegangan mata wang) dengan sistem perbankan. Sebahagian daripada dana juga digunakan untuk pelaburan luar negeri (RM14.6 bilion) dan pelaburan portfolio (RM6.7 bilion). Lebihan akaun semasa yang besar, pinjaman rasmi Kerajaan dan kemasukan FDI yang berterusan adalah lebih mencukupi untuk menampung keseluruhan aliran keluar. Hasilnya, rizab antarabangsa bersih meningkat RM14.2 bilion kepada RM131.4 bilion pada akhir tahun 2002.